

**WILAYATUL HISBAH DALAM SISTEM PENGUATKUASAAN
QANUN JENAYAH SYARIAH DI ACEH, INDONESIA:
ANALISIS TERHADAP STRUKTUR ORGANISASI,
BIDANGKUASA DAN CABARAN**

SAMSUL BAHRI BIN ZAKARIA

**JABATAN SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2014

**WILAYATUL HISBAH DALAM SISTEM PENGUATKUASAAN
QANUN JENAYAH SYARIAH DI ACEH, INDONESIA:
ANALISIS TERHADAP STRUKTUR ORGANISASI,
BIDANGKUASA DAN CABARAN**

SAMSUL BAHRI BIN ZAKARIA

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN BAGI IJAZAH SARJANA SYARIAH
(SECARA BERKURSUS DAN PENYELIDIKAN)**

**JABATAN SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2014

UNIVERSITI MALAYA

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: Samsul Bahri Zabaria

(No. K.P/Pasport: A 6076592)

No. Pendaftaran/Matrik: 1G1A 110016

Nama Ijazah: Sarjana Syarikh (kursus dan disertasi)

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis ("Hasil Kerja ini"):

Wilayahul Hisabah Dalam Sistem Pengurusan Qanun Jenayah Syarikh di Aceh, Indonesia: Analisis Terhadap Struktur Organisasi, Bidang-Juasa dan cabaran.

Bidang Penyelidikan:

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan jelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya ("UM") yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh 20/08/2014

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi ZUBAIYAH ISMAIL

Head

Department of Islamic and Law

Academy of Islamic Studies

Nama: Dr. SITI ZUBAIYAH ISMAIL
Jawatan: Pensyarah
University of Malaya
50603 Kuala Lumpur

Tarikh 20/8/14

ABSTRAK

Disertasi ini bertitik-tolak dari hakikat bahawa Aceh merupakan satu-satunya wilayah di Indonesia yang mengkanunkan dan melaksanakan Undang-undang Jenayah Syariah serta mempunyai badan penguatkuasa agama. Badan ini dikenali dengan Wilayatul Hisbah. Penyelidikan ini bertujuan untuk mengetahui kedudukan struktur Wilayatul Hisbah dalam kerangka penguatkuasaan undang-undang di Aceh, bidangkuasa, serta cabaran-cabaran yang dihadapi. Penyelidikan ini berbentuk kualitatif, kaedah pengumpulan data menggunakan kajian kepustakaan dan lapangan serta memfokuskan kepada temubual dan observasi. Hasil daripada penyelidikan telah mendapati bahawa Wilayatul Hisbah Aceh merupakan satu-satunya institusi yang mengamalkan penguatkuasaan Qanun Jenayah Syariah di Indonesia. Ia ditubuhkan dengan Keputusan Gabenor pada tahun 2004 di bawah Dinas Syariat Islam. Kedudukan Wilayatul Hisbah kemudiannya beralih ke dalam Institusi Satuan Polisi Pamong Praja dengan gelaran Satpol PP dan WH. Peralihan tersebut berdasarkan peruntukan Undang-Undang Pemerintah Aceh pada tahun 2006. Penyatuan kedua-dua institusi ini membawa kepada permasalahan dalam penguatkuasan Qanun Jenayah Syariah disebabkan oleh wujudnya perbezaan latar belakang. Satpol PP menjalankan ketertiban umum daerah sedangkan Wilayatul Hisbah menjalankan qanun syariat, walaupun hakikatnya undang-undang tersebut dapat memperkuatkan kedudukan Wilayatul Hisbah itu sendiri. Seterusnya, cabaran yang dihadapi iaitu limitasi undang-undang sama ada secara substantif mahupun prosedur, cabaran pentadbiran meliputi pengambilan dan pembekalan sumber daya manusia, ketiadaan sokongan dan peralatan, kekurangan kakitangan dan kewangan, banduan yang kerap melarikan diri dari hukuman dan kurangnya kesedaran sosial masyarakat dalam melaksanakan syariah. Lantaran itu, penyelidik mencadangkan kepada Pemerintah Aceh untuk menyelesaikan masalah tersebut melalui Lembaga Legislatif dan Eksekutif dengan mengiktiraf Qanun Jenayah dan Acara Jenayah secepat

mungkin sebagaimana yang telah dirancang sejak tahun 2009. Oleh itu, institusi Wilayatul Hisbah perlu diperkasakan bagi membolehkan pelaksanaan tugasnya. Usaha tersebut juga mestilah disokong oleh Lembaga Adat dan masyarakat dengan mewujudkan sumbangan padu dan mengawal pelaksanaannya serta membentuk masyarakat sedar syariat.

ABSTRACT

This dissertation is established from the fact that Aceh is the only province in Indonesia where the Shari'a Criminal Law was enacted and implemented and it had a religious enforcement institution. The institution is Wilayatul Hisbah. This research aims to find out the Wilayatul Hisbah (WH) structural position in Aceh's law enforcement framework, its jurisdiction, and its challenges. This research uses qualitative research design, where library research method was employed as well as interviews, active participation and observation. As the result, this study found that Aceh's Wilayatul Hisbah is the only institution implementing and enforcing the Sharia Criminal Qanun in Indonesia. Wilayatul Hisbah was established by the Decree of the Governor in 2004 under the Department of the Islamic Shari'a. Then, Wilayatul Hisbah was merged into the civil service police institution, better known as Satpol PP. This merging was done based on the provisions of the Aceh Goverment Law in 2006. The merging of these two institutions led to administrative problems in the aspect of enforcement of Shariah Criminal Law. This is because of the different background of each institution, Satpol PP undertakes district public order regulation while Wilayatul Hisbah undertakes Sharia Qanun. These regulations are capable of strengthening Wilayatul Hisbah's position. Other challenges identified are the limitations of both substantive and procedural laws, administrative challenges of recruitment and supply of human resources, lack of facility and equipment, staff and financial shortages, inmates frequent escaping from execution, and lack of social awareness of sharia implementation among the society. The researcher suggests solving those problems through Legislative and Executive Bodies, by legalizing the new sharia criminal qanun and the shariah criminal procedure which have been formulated since 2009. Furthermore, Wilayatul Hisbah should be strengthened in order to better manifest its function. Those efforts must also be supported by the Customary Board (Lembaga Adat) and the community by creating

active and mutual control its of implementation and develop a community that is sensitive towards sharia.

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Syukur alhamdulillah, penulis ucapkan ke hadhirat Allah SWT kerana hanya atas hidayah-Nya penyusunan disertasi ini dapat diselesaikan, dan tidak lupa pula selawat beriringan salam kepada Nabi Besar Muhammad SAW yang telah menghantar manusia dari alam kegelapan ke alam yang penuh dengan ilmu pengetahuan. Disertasi yang bertajuk “*Wilayatul Hisbah Dalam Sistem Penguatkuasaan Qanun Jenayah Syariah di Aceh, Indonesia: Analisis Terhadap Struktur Organisasi, Bidangkuasa dan Cabaran*” telah penulis sediakan untuk memenuhi keperluan bagi Ijazah Sarjana Syariah di Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur.

Kelancaran penulisan disertasi ini tidak terlepas daripada bimbingan para pensyarah dan bantuan dari pelbagai pihak. Untuk itu, penulis tidak lupa mengucapkan terima kasih yang setinggi-tingginya kepada Dr. Siti Zubaidah Ismail sebagai Penyelia serta Ketua Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur, atas tunjuk ajar dan keikhlasan dan kesabaran dalam membimbing, sehingga mampu menyelesaikan disertasi ini.

Terima kasih juga kepada Para pensyarah di Jabatan Syariah dan Undang-Undang, serta kepada staf pentadbiran Jabatan Syariah dan Undang-Undang APIUM yang telah banyak membantu dan mempermudah segala urusan selama pengkaji menuntut. Tak lupa juga kepada pustakawan-pustakawan yang dengan senang hati melayan keperluan data pengkaji selama menulis disertasi ini.

Penghargaan khas pengkaji kepada Al marhumah Ibunda Mariani binti Mahmud, semoga Allah SWT selalu melimpahkan rahmat dan kasih sayang-Nya serta menempatkanya di tempat yang mulia. Doa serta al-fatihah selalu saya hadiahkan kepada Ibunda tercinta, amin *Yārabb al-‘ālamīn*. Kepada Ayahanda Zakaria bin Usman semoga selalu diberi kesihatan dan rahmat-Nya, Isteri tercinta serta seluruh ahli keluarga yang telah banyak memberikan sokongan kepada saya. Semoga Allah memberikan kebaikan dan hidayah kepada kita semua. Amin.

Pengkaji juga mengucapkan terima kasih kepada Prof. Dr. Muslim Ibrahim, MA. Sebagai wakil ketua Majlis Permusyawaratan Ulama' Aceh. Pengerusi Satpol PP dan WH Provinsi, Banda Aceh dan Langsa. Pengerusi Dinas Syariat Islam Provinsi, Banda Aceh dan Langsa. Pengerusi Bahagian Pendakwaan Banda Aceh. Pengerusi Majlis Permusyawaratan Ulama Aceh berserta seluruh staf masing-masing pejabat di atas.

Terima kasih juga kepada rakan-rakan mahasiswa Jabatan Syariah dan Undang-Undang APIUM, atas sokongan dan kritikan dalam penyusunan disertasi ini. Rakan-rakan serumah (Azwar bin Abu Bakar, Yoesrizal Yoesuf, Jamaluddin, Mualana al-Qadri) dan karib-kerabat (Muhammad Firdaus, Taufiq Hidayat) yang telah banyak menyokong saya. Serta semua pihak yang tidak dapat penulis senaraikan satu-persatu, yang telah banyak membantu penulis dalam menyelesaikan tugas ini hingga selesai.

Kuala Lumpur, 20 August 2014

SAMSUL BAHRI ZAKARIA

Email: syams_el_bahri@yahoo.com

Jln. Laksamana Malahayati, ds. Durung,
kec. Mesjid Raya, kab. Aceh Besar,
Provinsi Aceh, Indonesia.

ISI KANDUNGAN

PERAKUAN KEASLIAN TULISAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN	vii
ISI KANDUNGAN	ix
SENARAI TRANSLITERASI	xii
SENARAI KEPENDEKAN	xiv
SENARAI PERISTILAHAN	xvi
SENARAI STATUT	xvii

Bab I Pendahuluan

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Objektif Kajian	10
1.4 Persoalan Kajian	10
1.5 Skop Kajian	11
1.6 Kepentingan Kajian	12
1.7 Kajian Lepas	13
1.8 Metodologi Kajian	21

Bab II Al-Hisbah dalam Islam dan Pembentukan Wilayatul Hisbah serta Kedudukannya dalam Kerangka Penguatkuasaan Undang-Undang di Indonesia

2.1 Pendahuluan	26
2.2 al-Hisbah dalam Islam	28
2.3 Wilayatul Hisbah dan Kedudukannya di Indonesia	33
2.4 Sejarah Pembentukan Wilayatul Hisbah di Aceh	37
2.5 Sumber Pelaksanaan Wilayatul Hisbah di Aceh	40
2.6 Bidangkuasa Wilayatul Hisbah dalam Qanun Jenayah Syari'ah	44
2.7 Hubungkait Wilayatul Hisbah dengan Lembaga Hukum Lain Di Aceh....	46
2.7.1 Lembaga Kepolisian	46
2.7.2 Bahagian Pendakwaan	48
2.7.3 Mahkamah Syar'iyyah	49
2.7.4 Lembaga Adat	50
2.8 Penyelesaian Kes Syariah di Aceh	51
2.8.1 Perbicaraan oleh Wilayatul Hisbah	51
2.8.2 Penyelesaian Melalui Rapat Adat Gampoeng (RAG) dan Rapat Adat Mukim (RAM)	52
2.8.3 Penyelesaian oleh Penyiasat Polis atau PPNS	54
2.9 Kesimpulan	55

Bab III Penguatkuasaan Wilayatul Hisbah di Aceh: Struktur Organisasi dan Polemik Bidangkuasa

3.1 Pendahuluan	56
3.2 Polemik Pelaksana Undang-Undang tentang Kedudukan WH	57
3.2.1 Pendapat Bersetuju WH bergabung dengan Satpol PP	57
3.2.2 Pendapat tidak bersetuju WH bergabung dengan Satpol PP	59

3.2.3 Pendapat Penubuhan WH sebagai Agensi bebas.....	60
3.3 Keanggotaan Wilayatul Hisbah	62
3.4 Kedudukan Institusi Wilayatul Hisbah di Banda Aceh dan Langsa	64
3.5 Bidangkuasa Wilayatul Hisbah	69
3.6 Kaedah Penguatkuasaan Qanun Jenayah Syariah	71
3.6.1 Penyiasatan	74
3.6.1.1 Maklumat dan aduan	75
3.6.1.2 Penangkapan dan penahanan pada kes tertangkap tangan ...	75
3.6.1.3 Penggeledahan dan penyitaan	77
3.6.1.4 Pemeriksaan oleh penyiasat	78
3.6.1.5 Penyusunan dan penyerahan fail kes	79
3.6.2 Penuntutan dan penyusunan surat tuntutan	81
3.6.3 Pemeriksaan	82
3.6.4 Pelaksanaan Hukuman	83
3.7 Kesimpulan	86

Bab IV Isu dan Masalah Penguatkuasaan Wilayatul Hisbah di Aceh

4.1 Pendahuluan	87
4.2 Isu dan Masalah Penguatkuasaan Qanun Jenayah Syariah di Aceh	87
4.2.1 Isu Kedudukan dan Struktur Organisasi	87
4.2.2 Isu Undang-Undang	89
4.2.2.1 Kekurangan dalam Qanun jenayah Syariah	89
4.2.2.2 Ketiadaan Undang-Undang Prosedur Khusus	90
4.2.3 Isu Pentadbiran	92
4.2.3.1 Pengambilan dan Pembekalan Sumber Manusia	92
4.2.3.2 Kekurangan kemudahan sokongan dan peralatan	94
4.2.3.3 Kekurangan jumlah pegawai dan kecekapan	96
4.2.3.4 Pengurusan Banduan	97
4.2.4 Isu Sosial Masyarakat	98
4.3 Kesimpulan	101

Bab V Analisis dan Cadangan dalam Penguatkuasan Wilayatul Hisbah

5.1 Pendahuluan	102
5.2 Kedudukan struktur WH dalam Kerangka Penguatkuasaan Undang-undang di Aceh	102
5.3 Cadangan ke Arah Pemerkasaan Penguatkuasaan WH.....	108
5.3.1 Mengemas kini undang-undang	108
5.3.2 Meningkatkan jumlah dan status keanggotaan serta membentuk cawangan institusi WH yang menyeluruh	111
5.3.3 Penambahbaikan sistem pengambilan dan pembinaan kapasiti	112
5.3.4 Menambah peruntukan peralatan	111
5.3.5 Mengaktifkan pengawasan Lembaga Adat Gampong dan Mukim...	114
5.4 Kesimpulan	115

Bab VI Kesimpulan Umum Dan Penutup

6.1 Pendahuluan	116
6.2 Kesimpulan Umum	116
6.3 Halatuju Kajian Masa Hadapan	123
6.4 Penutup	123

BIBLIOGRAFI**LAMPIRAN**

SENARAI TRANSLITERASI

A. Konsonan

Huruf Arab	Nama dan Transkripsi
أ،ء	a,’
ب	B
ت	T
ث	Th
ج	J
ح	h
خ	Kh
د	D
ذ	Dh
ر	R
ز	Z
س	S
ش	Sh
ص	ṣ
ض	ḍ

Huruf Arab	Nama dan Transkripsi
ط	ṭ
ظ	ẓ
ع	‘
غ	Gh
ف	F
ق	Q
ك	K
ل	L
م	M
ن	N
ه	H
و	W
ي	Y
ة	h,t

B. Vokal

Vokal Pendek	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
ـ (Fathah)	A	فَتَّ	<i>Qanata</i>
ـ (Kasrah)	I	سَلِيمٌ	<i>Salima</i>
ـ (Dammah)	U	جُعْلَ	<i>ju’ila</i>

Vokal Panjang	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
ى / ا	Ā	كُبْرَى / بَابٌ	bāb / kubrā
ي	Ī	وَكِيلٌ	Wakīl
و	Ū	سُورَةٌ	Sūrah

C. Diftong

Diftong	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
ـوـ	Aw	قَوْلٌ	Qawl
ـيـ	Ay	خَيْرٌ	Khayr
ـوـ	Uww	قُوَّةٌ	Quwwah
ـيـ	iy/ī	عَرَبِيٌّ	'Arabiyy/ī

SENARAI KEPENDEKAN

Cet.	: Cetakan
Danru	: Komandan Regu
Danton	: Komandan Peleton
DI/TII	: Darul Islam/Tentara Islam Indonesia
DOM	: Daerah Operasi Militer
DPRA	: Dewan Perwakilan Rakyat Aceh
DSI	: Dinas Syariat Islam
ed.	: Edisi
GAM	: Gerakan Aceh Merdeka
Ham	: Hak Asasi Manusia
IAIN	: Institut Agama Islam Negeri
JHES	: Jabatan Hal Ehwal Syari'ah
Jld.	: Jilid
K2IR	: Komunitas Komunikasi dan Informasi Rakyat Aceh
Kabid	: Kepala Bidang
KAMMI	: Kesatuan Aksi Mahasiswa Muslim Indonesia
Kasi	: Kepala Seksi
Kepgub	: Keputusan Gubernur
KUHAP	: Kitab Undang-Undang Hukum Acara Pidana
KUHP	: Kitab Undang-Undang Hukum Pidana
Linmas	: Perlindungan Masyarakat
MoU	: Memorandum of Understanding
MPU	: Majlis Permusyawaratan Ulama
NAD	: Nanggroe Aceh Darussalam
NIP	: Nomor Induk Pegawai
No.	: Nombor
PERDA	: Peraturan Daerah

PKPA	: Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam
Polda	: Kepolisian Daerah
POLRI	: Kepolisian Republik Indonesia
Polsus	: Polisi Khusus
POM Depkes	: Pengawas Obat dan Makanan Departemen Kesehatan
PPA	: Pegawai Penguatkuasa Agama
PPNS	: Penyidik Pegawai Negeri Sipil
RAG	: Rapat Adat Gampoeng
RAM	: Rapat Adat Mukim
Satpol PP	: Satuan Polisi Pamong Praja
SK	: Surat Keputusan
SMA	: Sekolah Madrasah Aliyah
SPT	: Surat Perintah Tugas
t.t	: Tanpa tarikh
TKP	: Tempat Kejadian Perkara
TNI	: Tentera Nasional Indonesia
Tupoksi	: Tugas Pokok dan Fungsi
UU	: Undang-Undang
UUD 1945	: Undang-Undang Dasar 1945
UUPA	: Undang-Undang Pemerintah Aceh
Vol.	: Volume
WH	: Wilayahul Hisbah

SENARAI PERISTILAHAN

Dinas	: Pejabat
Eksekusi	: Pelaksanaan hukuman
Eksekutif	: Pelaksana peraturan
Gampong	: Kampong
Geuchik	: Kepala kampong
Hukum formil	: Hukum Prosedur
Hukum materil	: Hukum substantif
Imeum	: Imam
Kabupaten	: Kawasan
Kecamatan	: District
Kota	: Bandar
Kotamadya	: Bandar
Legeslatif	: Anggota dewan
Mukim	: Kumpulan beberapa kampong
Otonomi	: Autonomi
Penyidik	: Penyiasat
Polisi	: Polis
Provinsi	: Wilayah
Swakarsa	: Rela
Tindak pidana	: Kejadian jenayah
Trias politika	: Pembahagian tiga kekuasaan negara
Tuha Peuet	: Satu badan kelengkapan Gampong yang terdiri dari unsur kerajaan, agama, pimpinan adat dan cendikiawan.
Yudikatif	: Lembaga kehakiman

SENARAI STATUT

Andi Hamzah, *KUHP & KUHAP*, Rineka Cipta, cet. ke-17, 2011.

Keputusan Gubernur Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam Nombor 01 Tahun 2004 Tentang Pembentukan Organisasi Dan Tata Kerja Wilayatul Hisbah.

Peraturan Daerah nombor 5 tahun 2000 tentang Pelaksanaan Syari'at Islam.

Peraturan Gubernur nombor 10 tahun 2005 tentang petunjuk teknis pelaksanaan uqubat cambuk

Qanun Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam nombor 12 tahun 2003 tentang khamar dan sejenisnya.

Qanun nombor 11 tahun 2004 tentang Tugas Fungsional Kepolisian Daerah Nanggroe Aceh Darussalam.

Qanun nombor 5 tahun 2007 tentang Susunan Organisasi Dan Tata Kerja Dinas,Lembaga Teknis Daerah Dan Lembaga Daerah Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam.

Qanun Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam nombor 13 tahun 2003 tentang maisir (perjudian).

Qanun Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam nombor 14 tahun 2003 tentang khawat (mesum).

Qanun Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam, Nombor 11 Tahun 2002, Tentang Pelaksanaan Syariat Islam Bidang Akidah, Ibadah, Dan Syi'ar Islam.

Undang-undang Republik Indonesia nombor 18 tahun 2001 tentang Otonomi Khusus bagi Provinsi Daerah Istimewa Aceh sebagai Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam

Undang-Undang Republik Indonesia nombor 2 tahun 2002 tentang Kepolisian Negara Republik Indonesia.

Undang-Undang Republik Indonesia, Nombor 11 tahun 2006, Tentang Pemerintahan Aceh

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Syariat merupakan jalan atau panduan hidup manusia. Di dalamnya terdapat pelbagai ketetapan Allah dan ketentuan Rasul-Nya, samaada perintah yang mesti dilaksanakan mahupun larangan yang mesti ditinggalkan. Begitu juga dari sudut pandang hukum, syariat merupakan hukum dasar yang telah ditetapkan oleh Allah dan mesti diikuti oleh semua muslim, samaada dalam hubungannya dengan Allah ataupun sesama manusia dan alam semesta. Kewajipan menjalankan syariat tidak terbatas untuk masa dan tempat tertentu, akan tetapi berlaku sepanjang masa dan zaman.

Menjalankan dan mempertahankan syariat Allah memerlukan kepada sebuah organisasi sosial yang baik serta mempunyai ciri-ciri masyarakat bertamadun, yang mesti dipandu oleh satu sistem perundangan yang berlandaskan agama kerana hukum-hukum Allah SWT, yang bertujuan mengatur kehidupan manusia untuk menjamin kemaslahatan sesama dunia dan akhirat. Hal ini menunjukkan bahawa aspek perundangan serta penguatkuasaan amat signifikan dalam konteks sesebuah masyarakat atau negara kerana tiada sebarang peraturan dapat diterapkan secara baik kecuali dikuatkuasakan oleh undang-undang. Ini merupakan prinsip legaliti setiap undang-undang yang disebut oleh ‘Abdul Qādir ‘Awdah¹ dengan istilah “*Lā jarīmata walā ‘uqūbata illa bi al-nas*”, iaitu tiada kejahatan dan hukuman kecuali dilandaskan oleh undang-undang. Tidak terkecuali dalam persoalan ini adalah undang-undang jenayah, tiada sesuatu perbuatan pun kita boleh katakan sebagai jenayah jika tiada diperuntukkan dalam Qanun atau undang-undang bertulis. Oleh kerana itu, peruntukan khas mengenainya telah terdapat dalam

¹ ‘Abdul Qādir ‘Awdah, *al-Tasyrī’ al-Jināī al-Islāmī Muqāranan bi al-Qānūn al-Wadh’i*, (Maktabah Dār al-Turāst, al-Qāhirah, jil. ke-1, 2005),105. Lihat juga Manshūr al- Sa’id Ismāīl Sathūr, *al-Nadhriyāt al-‘Āmmah Li al-‘Uqūbāt wa al-Tadābīr al-Ihtirāzīyyah*, (2005)17. (Pensyarah undang-undang pidana University al-Azhar, bekas Dekan Fakulty Syariah wa al-Qānūn Daqhaliyyah serta peguam Mahkamah Rayuan, Mahkamah Konstitusi dan Administrasi Negara).

Islam yang dikenali dengan jenayah hudud, qisas dan ta‘zir bagi mengawal serta membendung kecenderungan anggota masyarakat terhadap perlakuan jenayah dan mendidik masyarakat ke arah hidup yang sihat dan sejahtera. Menurut prinsip legaliti undang-undang di atas, semua peruntukan yang berkait dengan jenayah hudud, qisas dan ta‘zir hendaklah dikuatkuasakan dalam sistem penguatkuasaan sesebuah negara supaya dapat dijalankan dalam kehidupan sehari-hari sehingga syariat dapat diterapkan dalam sistem negara serta sistem dapat berjalan sesuai dengan ketentuan syariat.

Menurut perspektif Islam, menyeru kepada kebajikan dan mencegah terhadap perlakuan jenayah juga merupakan tanggungjawab bersama. Ini merupakan konsep hisbah yang yang dikenali dengan “*al-amr bi al-ma’rūf wa al-nahy ‘an al-munkar*”. Prinsip asas hisbah telah pun wujud sejak zaman Rasulullah saw. Selepas Baginda wafat, amalan ini dilanjutkan oleh para sahabat dan terus berkembang dari masa ke masa samaada dibawah pemerintahan Kerajaan Umaiyyah, Abbasiyah, mahupun Uthmaniyyah. Konsep tersebut masih tetap wujud sampai sekarang dengan perubahan-perubahan yang disesuaikan dengan perkembangan zaman.²

Namun, hisbah dalam sesebuah masyarakat sukar dilaksanakan sekiranya tidak ada institusi khas yang memegang amanah ini dan bertanggungjawab sepenuhnya. Hisbah lebih sesuai diwujudkan dalam bentuk institusi yang berfungsi untuk memastikan agar perbuatan makruf dilaksanakan dan sebaliknya perbuatan mungkar dapat dicegah supaya tidak terus berlaku. Ia juga memerlukan tanggungjawab dan komitmen kolektif dalam memastikan peranannya kerana tugas hisbah dalam masyarakat yang besar memerlukan kerjasama dari semua pihak.

Institusi hisbah mempunyai peranan penting dalam merealisasikan maksud di atas, menyeru kepada kebajikan, mencegah kemungkar akan memerlukan pengawalan

² Sīhām Mustafā Abū Zayd, *al-Hisbah fī Misr al-Islāmiyah: min al-fath al-‘Arabi ilā nihāyat al-`asr al-Mamluki*, al-Hay'ah al-Misriyah al-`Āmmah li al-kitāb, (al-Qāhirah, 1986), 62.

serius. Oleh kerana itu terdapat pelbagai institusi yang menjalankan fungsi hisbah, seperti Pegawai Penguatkuasa Agama (PPA) di Malaysia, Jabatan Hal Ehwal Syariah (JHES) dan Pusat Dakwah Islamiyah di Brunei, Institusi tersebut juga terdapat di Aceh yang dinamakan sebagai Wilayatul Hisbah kemudian disingkatkan dengan sebutan “WH” dan akan menjadi inti pembahasan dalam kajian ini.

1.2 Latar Belakang Kajian

Aceh merupakan salah satu wilayah yang terletak di Pulau Sumatera negara Indonesia, yang memiliki majoriti penduduk beragama Islam. Sebelum bergabung dengan Negara Kesatuan Republik Indonesia, Aceh mempunyai struktur lembaga sosial yang mengatur kehidupan masyarakat, struktur tersebut tersusun rapi dalam sebuah kerajaan yang dikenali dengan Kerajaan Aceh Darussalam. Kehadiran lembaga tersebut juga sebagai pengawal dan pengendali terhadap kehidupan sosial keagamaan. Dalam hal ini, terdapat lima lembaga yang berpengaruh dalam sistem kerajaan Aceh iaitu *Gampong* (kampong), *Mukim* (kumpulan dari beberapa *gampong*), *Nanggroe* (kumpulan dari beberapa *mukim*), *Sagoe* (kumpulan dari beberapa *nanggroe*), dan Kerajaan (sebuah kesatuan negara yang disebut kerajaan).³

Keuchik (kepala desa) beserta pentadbir desa dan *Mukim* akan mengawasi dan menyelesaikan apabila kes berlaku dalam masyarakat. Lembaga tersebut dapat mengadili bahkan memberikan hukuman mengikat kepada penjenayah sehingga interaksi sosial dan ajaran agama berjalan dengan lancar. Struktur masyarakat Aceh tersebut berjalan semenjak lahirnya Kerajaan Aceh Darussalam kurun ke-15 sehingga bergabungnya Aceh dalam Negara Kesatuan Republik Indonesia. Namun pada masa orde baru, struktur tersebut diubahsuai oleh Kerajaan Pusat sehingga memberikan kesan

³ Abdul Rani Usman, *Sejarah Peradaban Aceh*, 45.

negatif terhadap pengawasan kehidupan sosial di Aceh.⁴ Pengawasan kehidupan sosial dijalankan oleh Satuan Polis dengan sistem yang berasaskan Pancasila dan UUD 1945 (Undang-undang Dasar). Namun begitu, lembaga adat tersebut ditubuhkan kembali pada tahun 2000 dalam Peraturan Daerah (Perda) nombor 7 tentang Penyelenggaraan Kehidupan Adat.

Pada awal kemerdekaan Republik Indonesia tahun 1945, masyarakat Aceh telah mengajukan permohonan bahkan menuntut kepada Kerajaan Pusat agar diberikan keizinan untuk menerapkan Syariat Islam. Tuntutan ini akhirnya mendapat persetujuan dari Kerajaan Pusat pada tahun 1999 dengan meluluskan Undang-undang nombor 44 tahun 1999 tentang penyelenggaraan Keistimewaan Provinsi Daerah Istimewa Aceh. Kemudian pada tahun 2001, Kerajaan Pusat kembali mengesahkan undang-undang no. 18 tahun 2001 tentang autonomi khusus bagi Provinsi Daerah Istimewa Aceh sebagai Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam.⁵

Melalui hak keistimewaan yang diberi oleh undang-undang, Aceh yang merupakan sebahagian Negara Kesatuan Republik Indonesia dapat menerapkan syariat Islam di wilayahnya. Dengan adanya kuasa perundangan yang diberikan oleh Kerajaan Pusat, maka Aceh mula menggubal undang-undang yang dikenali sebagai Qanun yang akan menjadi landasan dalam pelaksanaan syariat. Antara Qanun tersebut adalah, Peraturan Daerah (Perda) nombor 5 tahun 2000 tentang pelaksanaan syariat Islam di Provinsi Daerah Istimewa Aceh dan terdapat beberapa Qanun lain yang mengatur pelaksanaan syariat tersebut seperti:⁶

1. Qanun nombor 11 tahun 2002 tentang pelaksanaan syariat Islam dalam bidang aqidah, ibadah dan syi'ar Islam;

⁴ *Ibid.*, 47.

⁵ A. Basiq Djamil, *Peradilan Agama Di Indonesia*, (Kencana, cet. ke-2, 2010), 184.

⁶ Al Yasa' Abubakar, Marah Halim, *Hukum Pidana Islam Di Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam*, (Dinas Syariat Islam Provinsi NAD, cet. ke-5, 2006), 24.

2. Qanun nombor 12 tahun 2003 tentang minuman khamar dan sejenisnya;
3. Qanun nombor 13 tahun 2003 tentang maisir (perjudian), dan;
4. Qanun nombor 14 tahun 2003 tentang khalwat (mesum).

Dengan terbentuknya Qanun-qanun tersebut, maka wujudlah keperluan kepada sebuah institusi untuk melaksanakan, mengawal dan membimbing pelaksanaan Qanun di Aceh. Justeru, pada tahun 2004 berdasarkan Keputusan Gabenor nombor 1 tahun 2004 terbentuklah sebuah institusi penguatkuasa dengan nama “Wilayatul Hisbah”.

Pada awalnya, institusi ini beroperasi dengan sejumlah ahli yang dikenali sebagai *Muhtasib*. Dalam menjalankan tugas di lapangan, *Muhtasib* mendapat sambutan yang pelbagai dari masyarakat. Sebahagian masyarakat yang terlanjur melakukan kesilapan terus meminta maaf dan berjanji tidak mengulanginya lagi kepada *Muhtasib*. Ada juga yang mengintip *Muhtasib* bertugas supaya tidak tertangkap dalam operasi yang dijalankan. Selain itu, terdapat sebahagian lain yang mengancam *Muhtasib* dengan memperkenalkan diri sebagai anggota Tentera Nasional Indonesia (TNI) atau Kepolisian Republik Indonesia (POLRI).

Akibat tidak memahami hukum Islam dan tidak mengerti Qanun-qanun, terdapat juga sebilangan masyarakat menentang tugas *Muhtasib* di Aceh. Ada yang marah ketika disuruh memakai pakaian muslimah dan menghubungi polis untuk mengancam *Muhtasib* seperti yang terjadi di Banda Aceh dalam bulan Ramadhan tahun 2005. Ada yang marah ketika dilarang menjual makanan sebelum pukul empat petang di bulan Ramadhan dan mereka datang ke pejabat WH meminta supaya dibolehkan urusan menjual pada waktu itu. Bahkan yang lebih tragis, sejumlah anggota TNI datang ke

pejabat WH bersama senjata mempersoalkan kerja *Muhtasib* yang menurut mereka mengganggu keselesaannya.⁷

Banyak hal dan kegiatan yang telah dilakukan oleh WH untuk menyokong dan mengawal pelaksanaan syariat di bumi Aceh. Dimulai dengan sosialisasi pelaksanaan syariat kepada masyarakat, operasi di jalan-jalan, pembongkaran tempat-tempat yang tidak sesuai dengan syariat, bahkan sampai kepada pemberian hukuman terhadap penjenayah syariah. Namun yang terjadi sekarang, masyarakat masih diresahkan dengan tingkah laku orang-orang yang tidak menghormati syariat Islam. Hal yang perlu dipersoalkan adalah: Bagaimakah keberkesanan pelaksanaan syariat yang dijalankan oleh WH sebagai lembaga rasmi pengawasan syariat? Bagaimakah penguatkuasaan dan bidangkuasa WH diberikan?

Pada awal pembentukan institusi Wilayatul Hisbah 2004, WH belum memiliki kekuatan dari segi perundangan dalam penegakan syariat Islam kerana hanya ditubuhkan oleh Keputusan Gabenor⁸ dan masih berada di bawah Dinas Syariat Islam,⁹ kemudian pada tahun 2006 lahir Undang-undang nombor 11 tahun 2006 tentang Pemerintah Aceh, yang menyebutkan bahawa:

”Gubernur, bupati/walikota dalam menegakkan Qanun syariah dalam pelaksanaan syariat Islam dapat membentuk unit Polisi Wilayatul Hisbah sebagai bagian dari Satuan Polisi Pamong Praja”.¹⁰

⁷ Hasanuddin Yusuf Adan, *Refleksi Implementasi Syariat Islam Di Aceh*, (Yayasan Pena Banda Aceh, 2009), 33.

⁸ Himpunan Undang-Undang, Keputusan Presiden, Peraturan Daerah/Qanun, Instruksi Gubernur, Edaran Gubernur Berkaitan Pelaksanaan Syariat Islam, (Dinas Syariat Islam Aceh, cet. ke-8, 2010), 656. (Keputusan Gubernur Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam Nombor 01 Tahun 2004 Tentang Pembentukan Organisasi Dan Tata Kerja Wilayatul Hisbah).

⁹ Al Yasa' Abubakar, *Wilayatul Hisbah: Polisi Pamong Praja Dengan Kewenangan Khusus Di Aceh*, (Dinas Syariat Islam, 2009), 55.

¹⁰ Himpunan, 204. (Undang-Undang Republik Indonesia, Nombor 11 tahun 2006, Tentang Pemerintahan Aceh, Pasal 244 dan 245).

Oleh kerana itu, pada tahun 2006 institusi WH diletakkan di bawah Satuan Polisi Pamong Praja (Satpol PP)¹¹. Keadaan ini membuat WH sukar melakukan koordinasi dengan Satpol PP dalam menjalankan tugas disebabkan perbezaan latar belakang pendidikan, prinsip dan tugas dasar. Hal ini memberikan impak kepada WH samaada dalam koordinasi, kesalahfahaman mahupun kerjasama dalam menjalankan tugas. Walaupun sebahagian lagi menyatakan bahawa penyatuan Satpol PP dan WH merupakan langkah yang tepat disebabkan kedua-duanya merupakan lembaga pengawas dan penegak Qanun.¹² Wacana kedudukan WH dalam struktur Satpol PP pun kembali diangkat menjadi isu, antaranya pada 8 Oktober 2012 oleh beberapa pelajar IAIN ar-Raniry, mereka meminta Kerajaan Aceh untuk meletakkan kembali kedudukan WH di bawah Dinas Syariat Islam “Mahasiswa IAIN Minta WH Dikembalikan Ke Dinas Syariat Islam”.¹³ Muslim Ibrahim sebagai bekas ketua Majlis Permusyawaratan Ulama’ (MPU) memberikan tanggapan kepada sejumlah pelajar bahawa MPU telah mengusulkan kepada Dewan Perwakilan Rakyat Aceh (DPRA) supaya kedudukan WH dipisahkan dari Satpol PP “MPU Pernah Minta WH Dipisahkan Dari Satpol PP”.¹⁴

Selanjutnya, kekurangan Qanun Jenayah Syariah menghadkan WH dalam penegakan syariat, seperti ketika ditangkap pelaku masih melanggar Qanun tentang khalwat, namun setelah pemeriksaan terbukti telah melakukan zina. WH hanya menyiasat perkara ini bagaimanapun tidak dilanjutkan untuk pendakwaan kerana tidak ada kesalahan sedemikian dalam Qanun. Hal ini sama dengan kesalahan qadhaf, pencurian, rompakan, pemberontakan yang termasuk dalam katagori hudud, namun belum mempunyai peruntukan Qanun khas yang dapat mengikat penjenayah.

¹¹ Satpol PP bertugas menegakkan Perda (peraturan daerah), menyelenggarakan ketertiban umum dan ketenteraman masyarakat.

¹² Al Yasa' Abubakar, *Wilayatul Hisbah*, 56.

¹³ “Mahasiswa IAIN Minta WH Dikembalikan Ke Dinas Syariat Islam”, dicapai 09 October 2012. <http://atjehpost.com/read/2012/10/08/23470/15/5/Mahasiswa-IAIN-Minta-WH-Dikembalikan-ke-Dinas-Syariat-Islam>.

¹⁴ “MPU Pernah Minta WH Dipisahkan Dari Satpol PP”, dicapai 10 October 2012. <http://www.acehkita.com/berita/mpu-pernah-minta-wh-dipisahkan-dari-satpol-pp/>.

Dalam rangkaian prosedur yang mesti dilaksanakan oleh kakitangan penegak hukum, terdapat pelbagai kelemahan yang seharusnya tidak terjadi. Qanun Jenayah syariah yang menjadi hukum materil (substantif) dalam bidang hukum jenayah belum memiliki hukum acara tersendiri. Kebijakan yang dibuat oleh penggubal Qanun adalah proses acara jenayah syariah sepenuhnya berpedoman kepada Kitab Undang-undang Hukum Acara Pidana (KUHAP) sehingga terdapat peruntukan khas tentang hukum acara syariah.¹⁵ Hal tersebut sebagaimana dinyatakan dalam ketentuan peralihan Qanun berikut:

“Semua peraturan perundang-undangan yang ada sepanjang tidak diatur dengan Qanun ini dinyatakan tetap berlaku di Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam”.¹⁶

“Sebelum adanya hukum acara yang diatur dalam Qanun tersendiri, maka Kitab Undang-undang Hukum Acara Pidana (Undang-undang Nomor 8 Tahun 1981), dan Peraturan Perundang-undangan lainnya tetap berlaku sepanjang tidak diatur di dalam Qanun ini”.¹⁷

Hukuman penjara yang diatur dalam Qanun Jenayah Syariah di Aceh maksimum dua (2) tahun atau sebat di khalayak ramai sebanyak 12 kali sebat. Peruntukan ini disabitkan bagi penyebar fahaman atau aliran sesat. Sedangkan bagi pelaku tindak pidana khamar maksimum adalah 1 tahun, maisir tidak dikenakan penjara, hanya sebat dan denda, dan kesalahan khalwat dikenakan hukuman kurungan maksimum 6 bulan. Dengan demikian, anggota Penyiasat Kepolisian Republik Indonesia (Polri) tidak dapat melakukan beberapa tindakan hukum, seperti penahanan. Anggota kepolisian selaku penyiasat terhalang melakukan tindakan tersebut kerana Kitab Undang-Undang Hukum Acara Pidana (KUHAP) tidak membenarkannya.

¹⁵ Al Yasa' Abubakar, Marah Halim, *Hukum Pidana Islam*. 90.

¹⁶ Himpunan, 309, (Qanun Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam, Nombor 11 Tahun 2002, Tentang Pelaksanaan Syariat Islam Bidang Akidah, Ibadah, Dan Syi'ar Islam, Bab x, Pasal 25).

¹⁷ Qanun Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam, Nombor 12,13,14 Tahun 2003, Tentang Minuman Khamar, Maisir, Khalwat, Bab Ketentuan Peralihan.

Kedudukan kesalahan yang ditetapkan Qanun Jenayah Syariah, apabila memakai ukuran KUHAP hanya menepati pelanggaran yang dikategorikan Tindak Pidana Ringan (kesalahan ringan). Pelaku tindak pidana ringan tidak boleh ditahan, akan tetapi penahanan dapat dilakukan terhadap kesalahan yang diancam dengan hukuman penjara lima tahun atau lebih. Sedangkan ancaman hukuman yang terdapat dalam Qanun jenayah tidak ada yang mencapai lima tahun penjara. Keadaan ini telah mencabar ahli penguatkuasa undang-undang dalam mengambil tindakan terhadap pelaku kesalahan. Ketika penguatkuasa WH tidak dapat melakukan penahanan, maka keadaan ini akan memberikan impak negatif dalam pelaksanaan sebat. Penjenayah yang telah disabitkan kesalahannya oleh mahkamah tidak menghadiri pelaksanaan hukuman sebat. Hal tersebut terjadi disebabkan penjenayah tidak dapat ditahan setelah memperoleh ketetapan mahkamah, namun dilepaskan untuk menunggu hukuman sebat dilaksanakan.

Dalam Qanun nombor 1 tahun 2004, semua petugas WH memiliki bidangkuasa untuk melakukan pembicaraan, advokasi spiritual, pengawasan, menegur, menasihati, mencegah, dan melarang setiap orang yang patut diduga telah, sedang atau akan melakukan pelanggaran terhadap peruntukan perundang-undangan dalam bidang syariat Islam serta memberitahu pihak yang berkuasa tentang kemungkinan adanya pelanggaran hukum Syariah, begitu juga memberikan kemudahan penyelesaian pelanggaran Syariah melalui tatacara atau hukum adat. Dalam hal ini, WH diberikan kuasa untuk memberi peringatan dan pembinaan terlebih dahulu kepada pelaku sebelum menyerahkan laporannya kepada penyiasat. Perda di atas tidak memberikan kuasa kepada petugas WH untuk menangkap pesalah, melainkan menyerahkan mereka kepada Kepolisian Daerah (Polda) atau penyiasat yang disebut dengan Penyidik Pegawai Negeri Sipil (PPNS) jika perilaku mereka tidak berubah.¹⁸

¹⁸ Himpunan, 663-665, (Keputusan Gubernur Nanggro Aceh Darussalam, Nombor 01 Tahun 2004, Tentang Pembentukan Organisasi Dan Tata Kerja Wilayatul Hisbah, Pasal 4 dan 5).

Namun yang dirasakan sekarang adalah anggota PPNS belum mencukupi dalam institusi WH bahkan majoriti kawasan belum memiliki PPNS, sehingga banyak kes yang semestinya diselesaikan oleh WH mesti diserahkan kepada polis, misalnya kes maisir dan khalwat, bahkan ada yang tidak tuntas dalam penyelesaian.

Merujuk kepada fenomena di atas, perlu kiranya dijalankan analisis terhadap masalah-masalah yang berlaku dalam institusi Wilayatul Hisbah. Oleh kerana itu, penulis akan membuat penelitian dengan memilih tajuk “Wilayatul Hisbah Dalam Sistem Penguatkuasaan Qanun Jenayah Syariah Di Aceh, Indonesia: Analisis Terhadap Struktur Organisasi, Bidangkuasa Dan Cabaran”.

1.3 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk:

1. Mengkaji kedudukan struktur Wilayatul Hisbah dalam kerangka penguatkuasaan undang-undang di Aceh dan Indonesia.
2. Mengenal pasti bidangkuasa Wilayatul Hisbah dalam menjalankan syariat Islam di Aceh.
3. Menganalisis cabaran-cabaran yang dihadapi oleh Wilayatul Hisbah.

1.4 Persoalan Kajian

Wilayatul Hisbah Provinsi Aceh merupakan sebuah institusi yang telah diiktiraf secara undang-undang, hal tersebut termaktub dalam beberapa Qanun di Aceh sebagaimana yang telah disebutkan di atas. Lembaga hisbah juga terdapat di pelbagai negara dengan sebutan yang berbeza, contohnya di Malaysia terdapat Pegawai Penguatkuasa Agama (PPA) yang dijalankan oleh Jabatan Agama Islam di setiap negeri. Namun demikian, terdapat pelbagai perbezaan di setiap negara samaada pada bidangkuasa atau

penguatkuasaannya dalam sistem Kerajaan. Oleh kerana itu, dalam kajian ini penulis akan membahas beberapa permasalahan yang akan menjadi perhatian di institusi Wilayatul Hisbah di Aceh, iaitu:

1. Bagaimanakah kedudukan struktur Wilayatul Hisbah dalam kerangka penguatkuasaan undang-undang di Aceh dan Indonesia?
2. Apakah bidangkuasa Wilayatul Hisbah dalam menjalankan syariat Islam?
3. Apakah Wilayatul Hisbah mempunyai kuasa dalam penangkapan pelanggar Qanun Jenayah Syariah?
4. Apakah cabaran-cabaran yang dihadapi Wilayatul Hisbah?
5. Bagaimanakah status anggota Wilayatul Hisbah?
6. Bagaimanakah kemudahan dan peruntukan peralatan yang diberikan kepada Wilayatul Hisbah?

1.5 Skop Kajian

Kajian ini hanya akan menumpukan kepada aspek-aspek yang berkaitan dengan institusi Wilayatul Hisbah dalam kedudukan struktur, bidangkuasa, serta cabaran yang dihadapi. Ia melibatkan analisis secara mendalam terhadap Wilayatul Hisbah di Aceh. Dalam hal ini, penulis akan merujuk kepada 8 lembaga berkait iaitu:

1. Satpol PP dan WH Provinsi Aceh;
2. Satpol PP dan WH kota Banda Aceh;
3. Satpol PP dan WH kota Langsa;
4. Dinas Syariat Islam Provinsi Aceh;
5. Dinas Syariat Islam kota Banda Aceh;
6. Dinas Syariat Islam kota Langsa;
7. Bahagian Pendakwaan kota Banda Aceh; dan
8. Majelis Permusyawaratan Ulama (MPU) Provinsi Aceh.

Rujukan kepada lembaga di atas akan dilakukan di beberapa kabupaten/kota untuk mewakili keadaan sebenar Wilayatul Hisbah di Aceh, ada pun kabupaten/kota yang akan di rujuk iaitu dua Bandar sahaja iaitu:

1. Kota Banda Aceh
2. Kota Langsa

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini akan menjadi satu gambaran sebenar terhadap institusi Wilayatul Hisbah di provinsi Aceh yang telah menjalankan syariat Islam beserta sistemnya. Aceh dengan segala cabaran yang ada akan terus berupaya untuk menggubal Qanun syariah lain untuk mewujudkan pelaksanaan syariah secara *kāffah*.

Kajian ini secara lebih spesifik meneliti secara mendalam terhadap institusi Wilayatul Hisbah dan strukturnya, bidangkuasa, serta cabaran yang dihadapi sehingga dapat menjadi contoh serta pengalaman bagi negara lain samaada dari aspek positif atau negatif, yang akhirnya akan menghasilkan sebuah evaluasi dan solusi aplikatif dalam *tadhibiq shari'ah islamiyah* secara *kāffah*.

Dengan kajian yang dijalankan, sudah pastinya akan membantu sistem perundangan Islam di Aceh yang sedang melakukan usaha penambahbaikan dalam sistem pelaksanaan syariat. Selain itu, ia juga diharapkan dapat membantu para pengkaji Undang-undang Islam di luar Aceh untuk dijadikan sebagai bahan perbandingan dengan negara lain. Dengan berjalannya sistem Wilayatul Hisbah, diharapkan dapat mengurangi kadar jenayah Syariah yang semakin berleluasa, seterusnya memberi kesedaran kepada masyarakat Islam bahwasanya hukum Islam adalah *syumul* dan sesuai dilaksanakan pada bila-bila masa. Antara ringkasan kepentingan yang dinyatakan di atas ialah:

1. Memberikan kontribusi pemikiran terhadap konsep WH di Aceh.

2. Memberikan analisis, evaluasi serta cadangan kepada institusi WH Aceh.
3. Sebagai bahan perbandingan bagi negara lain yang menjalankan konsep hisbah.

1.7 Kajian Lepas

Bahan-bahan rujukan yang membincangkan tentang Wilayatul Hisbah telahpun didapati terkhusus semenjak tahun 2004 selepas institusi WH dibentuk, di samping itu juga terdapat pelbagai rujukan yang menerangkan tentang hisbah yang merupakan konsep asas pembentukan institusi WH. Di antara rujukan tersebut adalah:

Definisi dan Konsep Hisbah

Imam al-Māwardī¹⁹ dan Abī Ya'lā al-Farrā'²⁰ mendefinisikan al-hisbah sebagai menegakkan yang makruf apabila ianya ditinggalkan secara terang-terangan, dan mencegah kemungkaran apabila ianya dilakukan secara terang-terangan. Begitu juga Ahmad Che Yaacob mendefinisikan Hisbah sebagaimana yang telah diungkapkan oleh ulama' silam seperti Imam al-Ghazālī²¹, Ibn Jamā'ah²² dan al-Sunamī, hal tersebut terdapat dalam tulisannya yang bertajuk "Penulisan Fuqaha' Mengenai Hisbah Dan Peranannya Dalam Merealisasikan Hukum Fiqh".²³ Di sini beliau mendefinisikan hisbah sebagai mengajak kepada yang makruf dan menegah kepada yang mungkar (*al-amr bi al-ma'rūf wa al-nahy 'an al-munkar*). Namun definisi ini bukanlah definisi yang khusus kepada hisbah kerana menurut Sihām Mustafā Abū Zayd,²⁴ para pakar sejarah yang membicarakan tentang hisbah pada zaman Rasulullah dan para sahabat tidak membezakan antara hisbah sebagai institusi dan hisbah sebagai sebuah amalan kebijakan, ketika zaman tersebut belum terdapat institusi hisbah akan tetapi hanya

¹⁹ al-Māwardī, *Kitāb al-Ahkām al-Sultāniyyah*, (Madinatu Ibn al-Mahrūsah, 1853)

²⁰ Abī Ya'lā Muhammad Ibn al-Husain al-Farrā' al-Hanbalī, *al-Ahkām al-Sultāniyyah*, (Dār al-Kutub al-Ilmiyah, 2000).

²¹ al-Ghazālī, *Ihyā 'Ulūmu al-Dīn*, (Dār al-Ma'rifah, Bayrut, t.t).

²² Niqūla Ziādah, *al-Hisbah wa-al-Muhtasib fī al-Islām*, (al-Matba'ah al-Kathulikiyah, Bayrut, 1963).

²³ Al-Māwardī, *Kitāb al-Ahkām*.

²⁴ Sihām Mustafā Abū Zayd, *al-Hisbah fī Misr al-Islāmiyyah: min al-fath al-'Arabi ilā nihāyat al-asr al-Mamlūki*, (al-Hay'ah al-Misriyah al-Āmmah li al-kitāb, al-Qāhirah, 1986).

amalan hisbah. Ia menyebutkan lagi bahawa *al-Amr bī al-ma'rūf wa al-nahy 'an al-munkar* merupakan ajaran Islam, namun tidak semua yang menyeru kepada kebaikan dan menegah akan kemungkaran adalah Muhtasib.

Oleh itu rujukan hendaklah dibuat berdasarkan kepada karya-karya hisbah yang telah ditulis oleh ulama' silam seperti *Kitāb Ahkām al-Suq* dan *Kitāb Ahkām fi Jami' Ahwal al-Suq* yang ditulis oleh Yahya bin Umar (meninggal 289 H/901 M). Yahya bin Umar tidak menggunakan istilah hisbah dan Muhtasib akan tetapi terdapat tiga elemen utama yang dibincangkan dalam karya beliau dan turut dibincangkan dalam karya-karya hisbah terbaru. Tiga elemen tersebut adalah:

- i. Orang yang ditugaskan untuk mengawasi pasar dan perkara lain yang berkaitan;
- ii. Tugas dan tanggungjawab yang diberikan;
- iii. Hukuman yang dikenakan kepada pesalah.

Berdasarkan elemen-elemen di atas, hisbah dapat didefinisikan sebagai “satu institusi kerajaan yang diwakilkan kepada seorang pengusaha yang dilantik, tetapi kemudian telah diserahkan kepada seorang pegawai yang khusus dinamakan Muhtasib dan berperanan untuk mengawal selia aktiviti ekonomi, keagamaan, kesihatan dan hal ehwal perbandaran serta pentadbiran sesebuah bandar”.

Syarat-Syarat Muhtasib

Dalam satu kajian lain yang bertajuk “Budaya Tempatan Dan Hukum: Satu Kajian Terhadap Institusi Hisbah”,²⁵ Ahmad Che Yaacob juga menyebutkan tentang kelayakan seorang *Muhtasib*, menurut sumber-sumber penulisan tentang hisbah terawal, orang yang menjalankan kuasa hisbah mestilah mempunyai sifat amanah dan boleh dipercayai. Yahya bin Umar mensyaratkan supaya orang yang paling dipercayai di

²⁵ Ahmad Che Yaacob , “Budaya Tempatan Dan Hukum: Satu Kajian Terhadap Institusi Hisbah” (Kertas Kerja Seminar Hukum Islam Semasa III Peringkat Kebangsaan, 7-8 November 2000).

dalam sesebuah bandar dilantik menjawat jawatan tersebut. Manakala mengikut al-Nasir li al-Haqq pula mestilah memiliki ilmu pengetahuan berkenaan undang-undang. al-Mawardi juga menyebutkan Muhtasib mestilah seorang yang merdeka, adil, mempunyai pandangan yang tegas, bersikap tegas di dalam agama dan mengetahui tentang kemungkaran-kemungkaran yang jelas diketahui kesalahannya.

Dalam kertas kerja ini penulis juga menyebutkan tentang penubuhan institusi hisbah oleh Kerajaan Negeri Terengganu pada tahun 2000, di sini penulis menegaskan bahawa pendekatan pelaksanaan pentadbiran hisbah di Negeri Terengganu bukan sahaja menekankan pelaksanaan fungsi hisbah tetapi juga mazalim. Ini dapat dilihat kepada bidangkuasa utama Pesuruanjaya Hisbah di Terengganu iaitu untuk menyiasat salahlaku pegawai-pegawai kerajaan. Jika dilihat kepada sejarah pelaksanaan hisbah, ini sebenarnya bukan bidangkuasa hisbah, tetapi adalah bidangkuasa mazalim. Oleh itu, pendekatan ke arah melaksanakan pentadbiran hisbah di Negeri Terengganu dibuat dengan menggabungkan kedua-dua institusi hisbah dan mazalim serta menyesuaikannya dengan realiti semasa.

Abd al-Hāsib Radwān dalam bukunya yang bertajuk “*Dirāsāt fī al-hisbah min al-nāhiyatayn al-tārīkhīyah wa-al-fiqhiyah*”²⁶ menyebutkan kriteria yang wajib dimiliki oleh seorang Muhtasib iaitu merdeka (*al-hurriyah*), mukallaf, muslim, adil, mendapat izin kerajaan, berkeupayaan dan berkepakaran dalam bidang pengawasan yang dilakukan, berilmu pengetahuan serta kemampuan berijtihad dalam hukum adat, sedangkan kemampuan berijtihad dalam hukum agama terdapat perbezaan pendapat di antara ulama’. Kriteria di atas juga dikutip dari imam Ghazali oleh Syed Salim bin Syed Shamsuddin dalam tulisannya yang bertajuk “Etika Dan Profesionalisme Muhtasib Dalam Pelaksanaan Hisbah Mengikut Perundangan Syariah: Antara Hakikat Dan

²⁶ Abd al-Hāsib Radwān, *Dirāsāt fī al-Hisbah min al-Nāhiyatayn al-Tārīkhīyah wa-al-Fiqhiyah*, (al-Matba`ah al-Islāmiyah al-Hadīthah, al-Qāhirah. cet. ke-1, 1990).

Realita Semasa”.²⁷ Ibn Taimiyyah menyebutkan beberapa kriteria yang mesti dimiliki oleh Muhtasib seperti memiliki integriti yang tinggi, wawasan, rasa hormat dan sosial, kualiti ilmu, kebaikan, serta kesabaran.²⁸

Bidangkuasa Hisbah

‘Abd Allah Muhammad ‘Abd Allah²⁹ menjelaskan bahawa institusi hisbah mempunyai bidangkuasa yang cukup luas, dan tidak terbatas kepada pengawasan pasar sahaja akan tetapi berkembang mengikuti perkembangan zaman, adat, dan tempat. Pernyataan serupa juga telah dinukilkhan dari Ibn Taimiyyah dalam buku tersebut. Al-Shaizāry menyebutkan dalam bukunya bahawa:

“kalau seandainya saya menulis semua yang mesti dilakukan oleh Muhtasib maka akan menghasilkan buku yang sangat tebal, tidak terbatas, dan tidak akan habis, akan tetapi saya hanya membuat dasar dan kaedah yang boleh dijadikan pegangan oleh Muhtasib”.³⁰

Mohd Dani Muhamad dan Moh Shah Razali³¹ dalam kertas kerja mereka menyebutkan beberapa bidangkuasa institusi hisbah, yang di antaranya, menguatkuaskan suruhan agama, mengawasi kegiatan ekonomi, mengawasi perjalanan jentera pentadbiran kerajaan, mengawasi tingkah laku manusia, mengawasi akhlak dan adab pergaulan orang ramai, memastikan kesejahteraan hidup rakyat, menjamin kesihatan awam, menyelia kedudukan bangunan dan keselesaan jalan raya, mencegah penindasan dan penganiayaan terhadap golongan lemah serta mengawasi tingkah laku guru terhadap pelajar. Begitu juga pengawasan institusi hisbah terhadap industri pemakanan yang

²⁷ Syed Salim bin Syed Shamsuddin, “Etika Dan Profesionalisme Muhtasib Dalam Perlaksanaan Hisbah Mengikut Perundungan Syariah: Antara Hakikat Dan Realita Semasa” (Konvensyen Kebangsaan Undang-Undang 2007, Isu-Isu Penguatkuasaan Dan Pendakwaan, 28-29 Ogos 2007).

²⁸ Ibn Taymiya, *Public Duties In Islam: The Institution Of The Hisba*, (The Islamic Foundation, 1982).

²⁹ `Abd Allah Muhammad `Abd Allah, *Wilāyat al-hisbah fī al-Islām*, (Maktabat al-Zahrā' al-Qāhirah, 1996).

³⁰ Ibrāhīm Dasūqy as-Syahāwy, *al-Hisbah fī al-Islām*, (Maktabah Dār al-‘Urūbah, 1962), 84.

³¹ Mohd Dani Muhamad, Moh Shah Razali, “Institusi Hisbah Dan Pengawasan Ke Atas Industri Pemakanan Dalam Tamadun Islam: Satu Penelitian Awal” (Prosiding Seminar Pengurusan Perhotelan & Pelancongan Islam, 22-23 Jun 2010).

meliputi pengawasan dalam bidang seperti tempat operasi kilang pengeluaran, kebersihan proses penyediaan makanan dan persekitaran dan kualiti barang pengeluaran serta perkhidmatan.

Disebabkan oleh seseorang yang dilantik menjadi Muhtasib mesti memiliki kelayakan, keilmuan dan kecenderungan terhadap bidang yang diamanahkan tersebut, serta perkembangan yang menuntut pengawasan terhadap pelbagai bidang maka institusi hisbah telah ditubuhkan dalam pelbagai bidang dan pengistilahan. Salah satu perkara yang telah disebut oleh Sarah Salwani dan Nik Salida Suhaila dalam sebuah seminar dengan tajuk artikel “Konsep Hisbah Dalam Amalan Perubatan”.³² Fungsi hisbah juga telah diterapkan dalam Islam pada abad kesebelas dalam dunia perubatan Arab. Ketika itu, sistem hisbah yang diperkenalkan lebih menjurus kepada penjagaan kualiti perkhidmatan meliputi pemeriksaan pesakit, kepatuhan pengamal kepada Hippocratic Oath dan penggunaan ubat-ubatan dan peralatan tertentu. Al-Shaizāry, seorang yang banyak mengkaji tentang hisbah dan Muhtasib mengatakan bahawa sejak kurun kesebelas lagi, perubatan Arab telah pun menetapkan suatu piawaian untuk memilih dan melayakkan seseorang beramal sebagai pengamal perubatan yang bertauliah.

Terdapat sebuah sistem pengawasan yang menyerupai sistem al-hisbah yang telah berkembang dan diadaptasi oleh banyak negara di dunia iaitu sistem *ombudsman*, ia merupakan konsep yang dibawa oleh pemikir Barat dan dipelopori oleh negara Sweden pada awal abad ke-19, walaupun ada pendapat yang mengatakan ia berasal dari China kuno dan Yunani kuno.³³ Institusi ini berfungsi untuk mengawasi tindakan pendatiran supaya tidak wujud penyalahgunaan kuasa dengan sewenang-wenangnya. Ia juga mengendalikan pengaduan, khususnya menyalurkan ketidakpuasan dan rungutan orang

³² Farah Salwani Muda@ Ismail, Nik Salida Suhaila Nik Salleh, “Konsep Hisbah Dalam Amalan Perubatan” (Kertas Kerja Seminar Isu-Isu Perubatan Menurut Perspektif Shari’ah Dan Undang-Undang, 14-15 Mac 2006).

³³ Sir David Yardley, “The Development Of Ombudsman” *Journal of Malaysian and Comparative Law*, (volume 28 Part 1 & 2, 2001), 1-8.

ramai termasuklah kakitangan awam sendiri terhadap tindakan pentadbiran yang dirasakan tidak adil atau tidak wajar supaya ia dapat diperbetulkan.³⁴

Sistem pengawasan ini juga telah ditubuhkan di Malaysia yang dinamakan sebagai Biro Pengaduan Awam (BPA) pada tanggal 23 Julai 1971 di zaman Tun Abdul Razak yang diperkuuhkan melalui Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam (PKPA). BPA pada hakikatnya bukanlah sebuah Ombudsman yang diadaptasi sepenuhnya dari model negara Barat tetapi ia telah diubahsuai mengikut keadaan tempatan dengan mengambil kira beberapa faktor seperti masyarakat berbilang kaum dan faktor sosial yang berbeza. Institusi hisbah pun telah ditubuhkan di bawah peruntukan Enakmen Negeri Terengganu pada 15 Mac 2001 dan dinamakan sebagai Suruhanjaya Hisbah.

Jelaslah di sini bahawa terdapat perbezaan antara kedua-dua institusi tersebut. Di antaranya, institusi hisbah mempunyai kelebihan dari segi melaksanakan hukuman yang nyata, berbeza dengan Ombudsman yang hanya boleh memberikan cadangan dan saranan tanpa boleh mendesak agar cadangannya dilaksanakan. Pegawai hisbah boleh mencegah kemungkaran yang berlaku dengan apa cara sekalipun samaada menggunakan kekerasan atau kekuatan ta'zir di mana hal ini tidak boleh dilakukan oleh Ombudsman. Begitu juga dengan pendekatan yang diguna pakai, Suruhanjaya Hisbah menggunakan pendekatan yang berteraskan kepada nilai-nilai positif dalam Islam iaitu *al-amr bi al-ma'rūf wa al-nahy 'an al-munkar*, sementara BPA pula, pendekatannya adalah membaik pulih keadaan yang wujud daripada kesilapan.

Peranan Wilayatul Hisbah (WH)

Selain kajian di atas, terdapat juga beberapa karya tentang pelaksanaan syariat Islam di Aceh khususnya. Antaranya adalah kajian yang telah ditulis oleh Hasanuddin Yusuf

³⁴ Donald C. Rowat, *The ombudsman plan : essays on the worldwide spread of an idea*, (The Canadian Publishers, 1973).

Adan³⁵ dengan menyebutkan beberapa ancaman dan diskriminasi terhadap pelaksanaan syariat di Aceh, seperti pejabat yang tidak memahami syariat dan lemahnya penegakan hukum. Indonesia yang merupakan Kerajaan pusat tidak pernah memberikan sokongan yang serius terhadap pelaksanaan syariat, kekurangan anggota Muhtasib, fasiliti serta hak-hak Muhtasib yang kurang diambil peduli atau diberi perhatian, dan juga penulis mengatakan bahawa penggabungan institusi Wilayatul Hisbah dengan Satpol PP merupakan cabaran terhadap pelaksanaan syariat.

Abdul Majid³⁶ dalam karyanya menyebutkan bahawa masyarakat muslim Aceh kini sudah siap menerima pelaksanaan syariat, dengan pertimbangan bahawa pelaksanaan syariat Islam itu 100% berkenaan dengan kehidupan sehari-hari, kecuali yang membebankan adalah dalam persoalan hukum pidana, kerana berkaitan dengan perikemanusiaan. Pelaksanaan syariat Islam di Aceh juga bukan bererti menghapuskan agama selain Islam, akan tetapi agama lain tetap diakui dan mereka berhak menjalankan ajaran agamanya. Namun mereka tetap perlu taat kepada tata krama Peraturan Daerah (PERDA) seperti berpakaian sopan. Syariat Islam sangat menghargai toleransi antara agama, lebih-lebih di Aceh masih berjalan dua hukum iaitu Qanun Islam dan hukum positif Indonesia, jika orang muslim membuat pelanggaran, maka dikenakan syariat Islam, dan jika bukan muslim yang membuat pelanggaran sudah semestinya dikembalikan kepada hukum positif dan tidak dikenakan syariat Islam bagi mereka.

Terdapat beberapa kajian yang berkaitan dan mempunyai kaitan yang rapat dengan tajuk yang akan dibincangkan oleh penulis iaitu “Wilayat al-Hisbah Di Aceh: Konsep Dan Implementasi” karya Muhibbutthabary.³⁷ Dalam kajian di atas, penulis menyatakan bahawa Wilayatul Hisbah di Aceh terdiri dari beberapa peringkat dengan

³⁵ Hasanuddin Yusuf Adan, *Syariat Islam Di Aceh: Antara Implementasi Dan Diskriminasi*, (Adnin Foundation Publisher, ed. ke-1, cet. ke-1, 2008).

³⁶ Abdul Majid, *Syariat Islam Dalam Realita Sosial: Jawaban Islam Terhadap Masyarakat Di Wilayah Syariat*, (Yayasan Pena & ar-Raniry Press, cet. ke-1, 2007).

³⁷ Muhibbutthabary, *Wilayat al-Hisbah Di Aceh: Konsep Dan Implementasi*, (Yayasan Pena, cet. ke-1, 2010).

susunan atau format yang disesuaikan dengan lingkup wilayah kerja masing-masing dan memiliki bidangkuasa pada bahagian masing-masing. Bahagian tersebut terdiri dari Wilayatul Hisbah peringkat Provinsi, Kabupaten/Kota, Kecamatan dan Kemukiman. Dalam pasal 4 Keputusan Gabenor Nomor 1 Tahun 2004 dapat difahami bahawa tugas Wilayatul Hisbah meliputi tugas preventif berupa tindakan memaklumkan kepada masyarakat tentang adanya peruntukan perundangan dalam bidang syariat Islam. Di samping itu, ia juga bersifat refresif dalam bentuk teguran dan pencegahan perbuatan yang patut diduga telah melanggar aturan serta menyelesaikan perkara pelanggaran tersebut sesuai dengan peraturan yang berlaku.

Al Yasa' Abubakar menjelaskan bahawa organisasi Satpol PP di Aceh lebih luas dari organisasi Satpol PP di luar Aceh, kerana di Aceh terdapat Polis WH iaitu sebagai sebahagian daripada Satpol PP sedangkan di luar Aceh, Satpol PP hanya satu lembaga sahaja yang tidak mempunyai unit khusus. Satpol PP bertugas menegakkan Qanun secara umum, sedangkan Polis WH bertugas khusus iaitu menegakkan Qanun Syariah dalam pelaksanaan syariat Islam.³⁸

Berdasarkan analisis literatur di atas, didapati bahawa kajian terhadap institusi hisbah telah banyak dijalankan, samaada berbentuk teori maupun praktikal, sepanjang masa dan sejak penubuhan institusi hisbah itu sendiri. Begitu juga di Aceh, telah terdapat kajian tentang wilayatul hisbah. Namun, menurut pengamatan penulis, masih terdapat beberapa hal yang masih boleh dikaji seperti kedudukan struktural WH di lembaga Satpol PP dan WH dalam penguatkuasaan undang-undang di Aceh, keterbatasan bidangkuasa, serta cabaran-cabaran yang dihadapi. Oleh yang demikian, dalam kesempatan ini penulis akan melakukan penelitian terhadap fenomena di atas dengan menganalisis serta memberikan kontribusi fikiran dan solusi untuk penambahbaikan pada masa hadapan.

³⁸ Al Yasa' Abubakar, *Wilayatul Hisbah*.

1.8 Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif untuk mengkaji kedudukan struktur WH dalam kerangka penguatkuasaan di Aceh, bidangkuasa serta cabaran-cabaran yang dihadapi. Untuk itu, sifat kajian ini adalah teoritikal dan praktikal yang berusaha memberikan suatu penjelasan tentang bagaimana WH mengawasi pelaksanaan syariat di Aceh. Ia dipaparkan dalam bentuk penyelidikan kualitatif yang membuat gambaran tentang keadaan dan situasi yang sebenarnya berlaku.

Terdapat beberapa metod dalam membuat kajian ini, antara metodologi tersebut adalah metod pengumpulan data dan metod analisis data.

A. Metod Pengumpulan Data

I. Penyelidikan Kepustakaan

Sebahagian daripada data-data sekunder adalah didapati melalui penyelidikan kepustakaan, hal ini dilakukan untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang berkaitan dengan lebih jelas dan terperinci. Oleh yang demikian, kajian ini akan merujuk kepada al-Quran dan al-Hadith melalui kitab-kitab tafsir dan hadith, dan pendapat fuqaha' Islam yang dipetik daripada kitab-kitab turath fiqh dalam pelbagai mazhab seperti mazhab Hanafi, Maliki, Syafi'i, dan Hanbali.

Selain itu, data-data diperoleh daripada buku undang-undang yang berkaitan dengan Wilayatul Hisbah yang ditulis oleh para fuqaha', tokoh-tokoh serta sarjana-sarjana kontemporari. Terdapat juga sumber rujukan lain seperti jurnal, penulisan ilmiah, artikel-artikel, laporan seminar, laporan akhbar, samaada buku terbitan dalam bahasa Melayu, bahasa Arab serta bahasa Inggeris.

Dalam kajian ini, bahan Qanun Jenayah Aceh juga akan menjadi rujukan utama sebagai objek kajian. Antara Qanun-qanun yang berkaitan adalah, Qanun nombor 11 tahun 2002

tentang pelaksanaan syariat Islam dalam bidang aqidah, ibadah dan syiar Islam, Qanun nombor 12 tahun 2003 yang membicarakan tentang masalah khamar, Qanun nombor 13 tahun 2003 tentang maisir, Qanun nombor 14 tahun 2003 pula membicarakan tentang khalwat, keputusan Gabenor Nanggroe Aceh Darussalam nombor 01 tahun 2004 tentang pembentukan organisasi dan tatakerja Wilayatul Hisbah, Undang-Undang Republik Indonesia nombor 11 tahun 2006 tentang Pemerintah Aceh serta Qanun dan undang-undang berkaitan dengannya.

II. Temubual

Penulis lebih banyak menggunakan metod temubual dalam penelitian ini disebabkan keterbatasan sumber media cetak berkaitan objektif kajian. Metod temubual ini digunakan untuk mendapatkan maklumat-maklumat khusus seperti pendapat pejabat Satpol PP dan WH, Dinas Syariat Islam, Majlis Permusyawaratan Ulama (MPU), bahagian Pendakwaan serta kakitangan Wilayatul Hisbah yang bertanggungjawab dalam pengawasan dan pelaksanaan syariat Islam di Aceh. Maklumat-maklumat tersebut biasanya tidak terdapat atau ditemui di perpustakaan kerana maklumat ini bersifat praktikal.

Penyelidik menggunakan metod temubual berstruktur dan tidak berstruktur dalam menjalankan penyelidikan ini, temubual berstruktur penyelidik jalankan dengan mengunjungi tempat-tempat penyelidikan dan temubual dilakukan secara langsung untuk mendapatkan data yang tepat dan pasti. Jabatan yang ditemubual iaitu Satpol PP dan WH tingkat Provinsi, Banda Aceh dan Langsa, Dinas Syariat Islam tingkat Provinsi, Banda Aceh dan Langsa, bahagian Pendakwaan Banda Aceh, dan Majlis Permusyawaratan Ulama Provinsi Aceh. Adapun temubual tidak berstruktur telah dilakukan oleh penyelidik dengan cara tidak formal samaada berkunjung ke tempat

responden mahupun membuat temu janji dengan pihak yang ditemubual iaitu beberapa kakitangan dan bekas kakitangan WH serta penyiasat Satpol PP dan WH Banda Aceh.

III. Observasi

Penyelidik juga menggunakan metod ini untuk meninjau secara langsung aktiviti Wilayatul Hisbah di Banda Aceh dan Langsa. Metod *participant observation* akan digunakan dengan melihat secara langsung pihak WH ketika melakukan pemeriksaan dan penertiban dijalankan. Di samping itu juga, penyelidik dapat melihat koordinasi antara WH dan Satpol PP serta lembaga lain seperti kepolisan dan DSI. Metod ini bertujuan untuk mengetahui kondisi sebenar institusi Satpol PP dan WH ataupun mendapatkan data-data berkaitan penegakan syariat Islam di Aceh yang dijalankan oleh WH.

Observasi juga akan dilakukan di pejabat Pendakwaan yang mempunyai hubungkait yang sangat erat dengan institusi WH ketika kes-kes syariah dikendalikan secara hukum. Di sini didapati bahawa kes-kes kesalahan jenayah syariah banyak yang tertunggak di bahagian pendakwaan disebabkan suspek tidak menghadiri proses hukum yang dijalankan.

B. Metod Penganalisaan Data

Proses analisis data merupakan salah satu proses yang penting dalam sesebuah kajian kerana suatu hasil kajian yang baik bergantung kepada proses analisis data yang baik dan tepat serta teliti. Proses ini bermula dengan menilai data dan melakukan analisis ke atasnya, seterusnya pentafsiran akan dibuat terhadap data yang telah dinilai dan dianalisis tersebut. Bagi tujuan analisis data-data yang diperoleh, penulis akan

menggunakan tiga kaedah iaitu analisis temubual, analisis observasi dan kritikal deskriptif.

I. Analisis Temubual

Dari rangkaian temubual di atas, penyelidik dapat mengambil beberapa kesimpulan berdasarkan subjek kajian. Hasil temubual berstruktur dengan kesemua responden akan dikumpulkan dan dikaji untuk mendapatkan data yang lebih tepat. Pendapat dari institusi Satpol PP dan WH, Dinas Syariat Islam, Pendakwaan, Majelis Permusyawaratan Ulama (MPU) serta kakitangan WH mengenai kedudukan dan sebab pengalihan struktur WH ke institusi Satpol PP, bidangkuasa, sistem pengambilan, pelatihan-pelatihan yang diberikan, serta cabaran-cabaran yang dihadapi akan memberikan penjelasan terhadap kajian yang sedang dijalankan. Begitu juga hasil temubual tidak berstruktur dengan anggota WH yang pastinya akan memberikan gambaran sebenar tentang apakah sistem yang telah ditetapkan berjalan sesuai dengan peruntukan undang-undang, samaada pelatihan yang mereka perolehi ataupun koordinasi kerja dengan Satpol PP. Semua pendapat dari responden akan dikaji ulang kebenarannya dan akan dicarikan jalan keluar sebagai solusi dalam pelaksanaan Qanun Jenayah Syariah di Aceh.

II. Analisis Observasi

Teknik ini akan menghasilkan deskripsi tentang institusi WH dalam menjalankan tugas dan kewajibannya. Melalui cara ini, satu pemahaman secara mendalam dapat dibuat, data-data yang terkumpul dapat diyakini kerana objek kajian disaksikan sendiri oleh penyelidik tanpa menggunakan perantara. Koordinasi institusi WH dengan Satpol PP dalam menjalankan tugas, penertiban dan penahanan, kelemahan-kelemahan serta cabaran-cabaran di lapangan, akan memberikan kesimpulan yang tepat terhadap kajian yang dijalankan. Sehingga, penyelidik dapat menilai apakah Wilayatul Hisbah sudah

berjalan sesuai Qanun dan peraturan yang ada ataupun masih jauh dari harapan. Kelemahan-kelemahan Wilayatul Hisbah dalam pelaksanaan syariat juga dapat dilihat dalam observasi sehingga pencarian solusi akan lebih mudah dilakukan.

III. Analisis Kritikal Deskriptif

Analisis ini akan menjelaskan perbandingan antara Qanun dan aplikasi yang dijalankan oleh institusi WH, kritikan serta cadangan-cadangan yang membangun. Di sini penyelidik akan menganalisis konsep ataupun Qanun-qanun berkaitan institusi WH, apakah berjalan sepetimana yang sepatutnya, ataupun aplikasi di lapangan tidak sesuai dengan konsep atau Qanun, serta kelebihan dan kekurangan-kekurangan yang lain. Penyelidik akan memberikan beberapa kritikan dan cadangan yang sesuai setelah melakukan temubual dan observasi atas pelaksanaan syariat yang dijalankan selama ini.

BAB II

AL-HISBAH DALAM ISLAM DAN PEMBENTUKAN WILAYATUL HISBAH SERTA KEDUDUKANNYA DALAM KERANGKA PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG DI INDONESIA

2.1 Pendahuluan

Masyarakat Aceh dikenali sebagai masyarakat yang sangat mengambil berat terhadap ajaran Islam sehingga sukar untuk dipisahkan antara adat istiadat dengan ajaran Islam. Hal ini dapat dibuktikan dari pernyataan dalam pepatah Aceh, “*Hukum ngon adat lage zat ngon sifeut*” (hubungan syariat dan adat adalah ibarat hubungan suatu zat (benda) dengan sifatnya, iaitu melekat dan tidak dapat dipisahkan).¹ Menurut Al Yasa’ Abubakar, syariat Islam bukan hanya dalam aspek hukum dan pengadilan sahaja, akan tetapi mencakupi semua aspek kehidupan seperti pendidikan, ekonomi dan juga sosial kemasyarakatan².

Pelaksanaan syariat Islam di Aceh bukanlah sesuatu yang baru, kerana menurut sejarah, ia telah pun berlaku semenjak masa Kerajaan Aceh dahulu. Dengan adanya peruntukan tentang autonomi daerah bagi Aceh, maka Kerajaan Aceh mempunyai kuasa bahkan kewajiban untuk melaksanakan syariat secara lebih luas. Pelaksanaan ini sudah tentu tidak dapat dijalankan begitu sahaja, namun memerlukan kesediaan dari lembaga hukum, petugas, serta sosialisasi kepada masyarakat amat diperlukan, sehingga pelaksanaan syariat berjalan dengan efektif.

Aceh dalam sejarahnya yang cukup panjang telah menjadikan Islam sebagai pedoman hidup. Islam telah menjadi sebahagian dari kehidupan mereka. Penghayatan terhadap

¹ Abdul Rani Usman, *Sejarah Peradaban Aceh: suatu Analisis Interaksionis, Integrasi dan Konflik*, (Yayasan Obor Indonesia, 2003),107.

² Al Yasa’ Abubakar, *Syariat Islam Di Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam: Paradigma, Kebijakan Dan Kegiatan*, (Dinas Syariat Islam, 2008), 24-25.

ajaran Islam kemudian melahirkan budaya Aceh yang tergambar dalam kehidupan adat. Adat tersebut hidup dan berkembang dalam kehidupan masyarakat, yang kemudiannya dikumpul lalu disimpulkan menjadi “*Adat bak Poteumourehom, Hukom bak Syiah Kuala, Kanun bak Putro Phang, Reusam bak Laksamana*” yang ertiannya, Hukum Adat di tangan Kerajaan dan Hukum Syariat di tangan Ulama’, Qanun di tangan Putri Pahang dan Reusam di tangan Laksamana. Ungkapan ini merupakan pencerminan dari perwujudan syariat Islam dalam kehidupan sehari-hari.³

Kerajaan Aceh dahulu telah menerapkan syariat Islam samaada dalam sistem Kerajaan maupun dalam kehidupan masyarakat biasa sehari-hari. Jangankan untuk rakyat jelata, bagi raja pun tetap dikuatkuasakan syariat Islam. Hal ini dapat dilihat ketika Raja Iskandar Muda mengeluarkan keputusan untuk merejam hingga mati anak lelaki tunggalnya kerana telah didapati berzina. Padahal setelah anak lelakinya itu meninggal, tidak ada keturunan dari sang raja untuk meneruskan takhtanya di kemudian hari. Namun, demi menjalankan syariat Islam, anak sendiripun dihukum.⁴ Dari sini jelas menunjukkan bahawa syariat Islam telah tertanam di lubuk hati masyarakat Aceh, mulai dari raja sampai kepada rakyat jelata tanpa terkecuali seorang pun dan dengan syariat Islam pula Aceh duhulu telah terkenal serta disegani oleh bangsa-bangsa di seluruh dunia.

Dalam bab ini, penulis akan membahaskan secara ringkas tentang al-Hisbah dalam Islam, kedudukan Wilayatul Hisbah dalam sistem negara Indonesia, sejarah pembentukan, sumber pelaksanaan, bidangkuasa, hubung kait dengan lembaga lain serta tatacara penyelesaian kes syariah di Aceh.

³ Muhammad Umar (EMTAS), *Peradaban Aceh (Tamadun II)*, (CV. Boebon Jaya Banda Aceh, cet. ke- 2, 2008), 1-7.

⁴ Hasanuddin Yusuf Adan, *Syariat Islam Di Aceh: Antara Implementasi Dan Diskriminasi*, (Adnin Foundation Publisher, ed. ke-1, cet. ke-1, 2008), 2.

2.2 Al-Hisbah dalam Islam

Amalan *hisbah* telah lahir dan berkembang semenjak zaman awal kemunculan Islam iaitu pada zaman Rasullullah S.A.W atau lebih tepat ketika tertubuhnya Kerajaan Islam di Madinah. Pada waktu tersebut, gelaran untuk mereka yang menjalankan *hisbah* ialah petugas pasar (*al-āmil alā al-sūq*) atau penyelia pasar (*sāhib al-sūq*) yang bertanggungjawab menyelia dan mengawasi perjalanan perniagaan dan menentukan timbangan dan sukatan dalam urusniaga. Sebagai contoh, Baginda telah melantik Sa'īd bin Sa'īd bin al-'Ās sebagai penyelia pasar di kota Mekah, sementara di kota Madinah pula beliau telah melantik Saidina Umar al-Khatāb sebagai penyelianya.⁵

Selepas Rasullullah S.A.W wafat, tugas menjalankan *hisbah* ini diteruskan lagi oleh *Khalifah Rasyidin*. Terdapat riwayat menyatakan bahawa Saidina Umar al-Khatāb pernah memukul pemilik binatang yang membawa muatan berlebihan sehingga menyiksa binatang tersebut. Malah beliau juga mengawasi kegiatan perniagaan di pasar dan memukul penjual yang menjual di kaki lima jalan sehingga mengganggu lalulintas dan beliau juga pernah mencurahkan susu yang bercampur dengan air. Saidina Uthman pula memberi perhatian dengan mengawasi kemudahan awam dan pasar-pasar. Manakala Saidina Ali Abi Thalib pula meninjau keadaan pasar dan menasihati penjual supaya sentiasa bertaqwā kepada Allah, memperelokkan urusan jual beli dan mencukupkan timbangan dan sukatan.⁶

Ketika zaman kerajaan Umayyah, institusi hisbah semakin berkembang selaras dengan tuntutan masyarakat ketika itu. Tugas menjalankan hisbah ketika itu masih lagi dipegang oleh kerajaan. Namun terdapat juga pembantu-pembantu yang dilantik bagi membantu penyeliaan pasar-pasar dan mengawasi moral masyarakat. Semasa

⁵ Abd al-Hāsib Radwān, *Dirāsāt fī al-Hisbah min al-Nāhiyātayn al-Tārīkhīyah wa-al-Fiqhīyah*, (al-Matba`ah al-Islāmiyah al-Hadīthah, al-Qāhirah, cet. ke-1, 1990), 39.

⁶ *Ibid.*, 38-39.

pemerintahan Kerajaan Abbasiyyah pula, institusi hisbah telah diasingkan daripada institusi lain, dan sebutan *Muhtasib* telah diguna pakai untuk pertama kali, dan ini memberi ruang kepada *Muhtasib* untuk mentadbir institusi ini secara menyeluruh.⁷

Para ulama' secara umum memberikan definisi al-hisbah sebagai mengajak kepada yang makruf dan menegah yang mungkar (*al-Amr bi al-ma'rūf wa al-nahy 'an al-munkar*), seperti imam al-Ghazālī⁸ dan Ibn Jamā'ah.⁹ Al-Māwardi¹⁰ dan Abī Ya'lā al-Farrā'¹¹ juga memberikan definisi al-hisbah, iaitu menegakkan yang makruf apabila ianya ditinggalkan secara terang-terangan, dan mencegah kemungkaran apabila ianya dilakukan secara terang-terangan. Al-Shaizāry,¹² Ibn al-Ukhūwwah¹³ dan Ibn Bassam¹⁴

⁷ Sihām Mustafā Abū Zayd, *al-Hisbah fī Misr al-Islāmiyah: min al-fath al-'Arabi ilā nihāyat al'asr al-Mamluki*, al-Hay'ah al-Misriyah al-'Āmmah li al-kitāb, (al-Qāhirah, 1986), 62. Lihat juga Abd al-Hāsib Radwān, *Dirāsāt fī al-Hisbah*, 39-41.

⁸ al-Ghazālī, *Ihya 'Ulūmu al-Dīn, Dār al-Ma'rīfah*, (Bayrut, Jld. ke-2, t.t), 306.

⁹ Niqūla Ziādah, *al-Hisbah wa-al-Muhtasib fī al-Islām*, (al-Matba'ah al-Kathulikiyah, Bayrut, 1963), 93.

¹⁰ al-Māwardi, *Kitāb al-Ahkām al-Sultāniyyah, Madīnatū Ibn al-Mahrūsah*, (1853), 404. (al-Māwardi merupakan tokoh pengarang pertama yang telah menangani persoalan institusi pentadbiran dan penyandang jawatannya dari sudut ilmu fiqh secara mendalam. Karyanya yang terdiri dari 20 bab tersebut juga mencantumkan tentang hisbah di akhir bab, karya ini menjadi rujukan utama mengenai pelbagai tanggungjawab pemerintah dalam Islam termasuk hisbah. Ia meninggal pada tahun 1058 M. Lihat Auni Bin Haji Abdullah, *Hisbah dan Pentadbiran Negara*, (IKDAS-Kuala Lumpur, 2000), 60-62.

¹¹ Abī Ya'lā Muhammad Ibn al-Husain al-Farrā' al-Hanbalī, *al-Ahkām al-Sultāniyyah*, (Dār al-Kutub al-Ilmiah, 2000), 284. (Ia hidup semasa dengan al-Mawardi dan meninggal pada tahun 1065. Buku yang terdiri dari 16 bab ini bukan sahaja sama dari segi tajuknya tetapi juga dari segi tujuan dan kandungannya. Ada pendapat yang mencoba meletakkan Abu Ya'la sebagai penulis yang berpengaruh dengan al-Mawardi, akan tetapi pendapat ini ditolak dengan hujjah-hujjah yang ilmiah. Lihat Auni Bin Haji Abdullah, *Hisbah*, 62.

¹² Al-Syaizari, *Kitab Nihayah al-Rutbah Fī Talab al-Hisbah*, tahqiq: Muhammad Hasan Muhammad Ismail dan Ahmad Farid al-Mazidy, (t.t), 213. (Karya al-Syaizari yang terdiri dari 40 bab ini merupakan tulisan terawal yang membahaskan hisbah dari sudut amaliah dan praktis. Ia mengupas aspek hisbah tanpa terikat dengan pembahasan fiqh serta menjadikan prinsip *al-amr bi al-ma'rūf wa al-nahy 'an al-munkar* sebagai pokok pangkalnya semasa menghuraikan tugas-tugas dan aturan kerja Muhtasib. Beliau lahir di bandar Syaizar wilayah Syam dan telah menyandang berbagai jawatan, bermula daripada jawatan qadhi, tabib dan akhirnya Muhtasib, kemudian meninggal dunia pada 1193 M. Lihat Auni Bin Haji Abdullah, *Hisbah*, 43-50.

¹³ Ibn al-Ukhūwwah, *Ma'ālim al-qurbah fī ahkām al-hisbah*, (Dār al-Funūn, 1937), 7. (Dalam menyiapkan karya Beliau, Ibn Ukhūwwah banyak berpandukan kepada karya al-Syaizari, namun terdapat banyak tambahan dalam bukunya sehingga mengandungi 70 bab. Beliau menambahkan huraihan dari sudut ilmu fiqh dan perkara-perkara lain yang mempunyai nilai sejarah pada diri beliau, serta mengemukakan kes-kes yang lebih rumit dan sesetengahnya dilakukan dengan membuat hipotesis dengan tujuan untuk memantapkan penjelasan. Ia dilahirkan di Mesir dan meninggal pada tahun 1329 M. Lihat Auni Bin Haji Abdullah (2000), *Hisbah*, 43-53.

¹⁴ Ibn Bassam, *Kitāb Nihayah al-Rutbah Fī Talab al-Hisbah*, tahqiq: Muhammad Hasan Muhammad Ismail dan Ahmad Farid al-Mazidy, (t.t), 292. (Karya Beliau juga banyak dipengaruhi oleh al-Syaizari dan mempunyai tajuk yang sama. Ia pernah menjadi Muhtasib di bandar Tinis di timur laut Mesir dan meninggal pada tahun 1440 M. Karya ini terdiri dari 118 bab dan banyak mendedahkan tugas Muhtasib dan para pembantunya dari sudut yang praktis serta pengalamannya sebagai Muhtasib. Ia memaparkan lebih terperinci tentang jenis-jenis pekerjaan atau pertubuhan yang terdapat pada zaman itu, karya ini juga

mendefinisikannya sebagai perbuatan menyuruh kepada yang makruf dan menegah yang mungkar serta memperbaiki kehidupan masyarakat.

Sedangkan ‘Abd Allah Muhammad ‘Abd Allah setelah melakukan analisis terhadap pengertian al-Hisbah yang diberikan oleh al-Māwardi, Ibn Bassam, Ibn Taimiyyah, Haji al-Khalīfah dan Muhammad Mubārak, kemudian memberikan takrif *al-hisbah* sebagai:

*“Kuasa yang memberikan hak kepada pegawai terkait untuk menegakkan yang makruf apabila ianya ditinggalkan secara terang-terangan, dan mencegah kemungkaran apabila ianya dilakukan secara terang-terangan dengan kebenaran dari syarak atau pemberian kuasa oleh kerajaan serta pemberian sanksi terhadap pesalah sesuai dengan hukum syari’at berdasarkan bidangkuasa yang diberikan”.*¹⁵

Jika merujuk kepada pengertian *al-hisbah* yang didefinisikan oleh ulama’ silam, maka kita akan mendapatkan pengertian dengan redaksi yang berbeza namun kesemuanya tidak terlepas dari prinsip *al-Amr bi al-ma’rūf wa al-nahi ‘an al-munkar*. Menurut Ibn Khaldūn, hisbah merupakan satu tugas keagamaan yang bersangkutan dengan etika sosial yakni disiplin umum, moral dan etika.¹⁶ Jadi, hisbah merupakan sebuah institusi khusus yang bertanggungjawab menggalakkan manusia melakukan kebaikan dan menghindari kejahanan yang mempunyai bidang tugas pengurusan yang sangat luas. Menurut Sihām Mustafā Abū Zayd, para pakar sejarah yang membicarakan tentang hisbah pada zaman Rasulullah dan para sahabat tidak membezakan antara hisbah sebagai institusi dan hisbah sebagai sebuah amalan kebajikan, ketika zaman tersebut belum terdapat institusi hisbah akan tetapi hanya amalan hisbah. Ia menyebutkan bahawa *al-Amr bi al-ma’rūf wa al-nahi ‘an al-munkar* merupakan ajaran Islam, namun

merupakan yang paling lengkap dan lebih banyak mengandung isi dibandingkan penulisan lain tentang hisbah. Lihat Auni Bin Haji Abdullah, *al-Hisbah*, 43-57.

¹⁵ `Abd Allah Muhammad `Abd Allah, *Wilayat al-hisbah fī al-Islām*, (*Maktabat al-Zahra'* al-Qāhirah, 1996), 60.

¹⁶ Ibn Khaldūn, *Muqaddimah Ibn Khaldūn*, (Dār al-Qalam Beirut, 1984), 201.

tidak semua yang menyeru kepada kebaikan dan menegah akan kemungkaran adalah *Muhtasib*.¹⁷

Ibn Taimiyah menerangkan bahawa prinsip *al-Amr bi al-ma'rūf wa al-nahy 'an al-munkar* dapat diterapkan melalui dua cara, pertamanya ialah penerapan secara umum yang dilakukan oleh semua individu samaada dalam urusan agama, akhlak ataupun politik. Hal tersebut dapat dilakukan dengan berbagai cara berdasarkan kondisi tempatan. Keduanya pula adalah penerapan secara khusus dengan memberikan kuasa kepada pegawai-pegawai khusus dalam sebuah negara untuk menjalankan prinsip di atas.¹⁸ Hal ini sesuai dengan pembahagian para ulama' yang membezakan antara *Muhtasib* dengan *Mutaṣawwi*. *Muhtasib* merupakan orang yang diangkat dan diberikan kuasa oleh kerajaan secara rasmi sebagai *Muhtasib*, sedangkan *Mutaṣawwi* adalah orang yang menyuruh kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran secara sukarela tanpa pemberian kekuasaan dari kerajaan.¹⁹

Setelah agama Islam berkembang dan meluas ke kawasan lain di luar Semenanjung Tanah Arab, prinsip dan institusi ini juga ikut berkembang dan menjadi salah satu asas dalam kerajaan. Institusi ini mengalami pengubahsuaian nama yang disesuaikan dengan tempat, masa dan bidangkuasa yang diberikan. Ia sangat bervariasi dalam pelbagai bidang. Namun penguatkuasa yang menjalankan dan bertanggungjawab terhadap institusi tetap disebut dengan panggilan *Muhtasib*, sistem yang dijalankan dapat dipastikan bahawa institusi hisbah yang ada sekarang dengan pelbagai nama merupakan pengembangan prinsip hisbah di masa lampau.

Perbincangan tentang bidangkuasa hisbah hendaklah kembali kepada prinsip dasar dalam institusi *hisbah* iaitu *al-amr bi al-ma'rūf wa al-nahy 'an al-munkar*. Menyeru

¹⁷ Sihām Mustafā Abū Zayd, *al-Hisbah fī Misr al-Islāmiyah*, 49.

¹⁸ Muhammad Mubārak, *al-Daulah wa Nidhām al-Hisbah 'Inda Ibn Taimiyah*, (Dār al-Fikri, 1967), 71-72.

¹⁹ Abd al-Hasib Radwan, *Dirāsāt fī al-Hisbah*, 45.

kepada kebaikan dan mencegah daripada kemungkaran merupakan dua prinsip dasar secara umum dalam bidangkuasa hisbah. Ibn Taimiyyah mengatakan bahawa bidangkuasa *Muhtasib* akan selalu berubah mengikuti ‘urf, kondisi dan wilayah tanpa dibatasi oleh syari’at. Umar Ibn Muhammad Ibn ‘Audh al- Sanāmy telah menulis sebanyak 43 bidangkuasa *Muhtasib* secara ‘urf yang terdapat pada masanya. Begitu juga Al-Shaizāry menyebutkan dalam bukunya *Kitāb Nihāyah al-Rutbah Fī Talab al-Hisbah* bahawa:

“Kalau seandainya saya menulis semua yang mesti dilakukan oleh Muhtasib maka akan menghasilkan buku yang sangat tebal, tiada batas, dan tidak akan habis, akan tetapi saya hanya membuat dasar dan kaedah yang boleh dijadikan pegangan”.²⁰

Pada awalnya, fungsi hisbah terbatas dalam urusan yang berkaitan dengan kegiatan perniagaan dan suasana kehidupan di pasar. Tetapi, dengan berkembangnya tamadun manusia dan meningkatnya cabaran dalam aktiviti-aktiviti masyarakat yang perlu ditangani, maka fungsinya menjadi bertambah berat.²¹ Ulama’ terdahulu seperti Imam al-Māwardi membahagikan konsep *al-amr bi al-ma’rūf* dan *al-nahy ‘an al-munkar* kepada tiga kelompok, pertamanya ialah apa-apa yang berkaitan dengan hak-hak Allah, keduanya ialah apa-apa yang berkaitan dengan hak-hak manusia, dan ketiga ialah yang berkaitan dengan hak Allah dan manusia.²²

Bidangkuasa yang berhubung dengan hak Allah adalah seperti perkara-perkara yang berkaitan dengan ibadat. Contohnya tidak mendirikan solat jumaat, tidak melakukan azan tanpa keuzuran, makan dan minum di khalayak ramai pada bulan Ramadhan dan lain-lain. Berkaitan dengan hak manusia pula adalah perkara-perkara muamalat seperti kontrak yang diharamkan, penipuan dalam jual beli, penipuan dalam timbangan,

²⁰ Abd Allah Muhammad `Abd Allah, *Wilayat al-hisbah fī al-Islām*, 346-353.

²¹ Auni Hj. Abdullah, *al-Hisbah*, 106.

²² al-Māwardi, *Kitāb al-Ahkām al-Sultāniyyah*, 408-433.

sukatan dan lain-lain. Bagi perkara yang berkaitan dengan percampuran di antara hak Allah dan hak manusia adalah seperti memastikan wanita-wanita yang dicerai mematuhi ‘iddah mereka, bapa tidak menafikan nasab anak setelah sabit pergaulannya dengan ibu anak itu, imam masjid mengimami solat jama‘ah dalam jangka masa yang panjang sehingga memberatkan jama‘ah dan sebagainya.²³

Jelas dilihat dari pembahagian di atas bahawa, bidangkuasa hisbah sangat luas dan tanpa batas selama tidak mencampuri bidangkuasa institusi lain yang telah ditetapkan secara undang-undang seperti bidangkuasa institusi kehakiman. Ia meliputi pelbagai aspek kehidupan seperti ibadat, sosial, ekonomi, pentadbiran eksekutif dan hampir keseluruhan yang berkaitan dengan kehidupan masyarakat.

2.3 Wilayatul Hisbah dan Kedudukannya di Indonesia

Aceh adalah salah satu dari 33 daerah yang terdapat di Negara Kesatuan Republik Indonesia. Hal ini jelas dilihat dalam ungkapan sebuah nyanyian yang menyebutkan tentang perbatasan negara Indonesia iaitu bertajuk “Dari Sabang (di Aceh) sampai Merauke (di Irian Jaya)”. Kesemua provinsi tersebut merujuk kepada landasan yang sama dalam menjalankan sistem daerah, kesemua berpegang kepada empat pilar yang menjadi dasar negara iaitu Undang-Undang Dasar 1945, Pancasila,²⁴ Bhineka Tunggal Ika dan Negara Kesatuan Republik Indonesia.²⁵ Indonesia membahagikan daerah kekuasaan politik kepada tiga bidang yang disebut dengan konsep *trias politika* iaitu eksekutif, legislatif dan judikatif. Landasan dan sistem tersebut juga menjadi landasan bagi Aceh sebagai salah satu bahagian dari negara tersebut. Walaupun seluruh daerah berasaskan landasan yang sama, namun setiap provinsi mempunyai peruntukan khas

²³ *Ibid.*, lihat juga Abī Ya’lā Muhammad Ibn al-Husain al-Farrā’ al-Hanbalī, *al-Ahkām al-Sultāniyyah*, 287-291.

²⁴ Damien Kingsbury, *The Politics of Indonesia*, (Oxford University Press, 1999), 42.

²⁵ M. Abriyanto, *Butir-Butir Pemikiran Jenderal Purnawirawan Soemitro: Tantangan dan Peluang 1993*, (Pustaka Sinar Harapan: Jakarta, 1991), 87.

terutama dalam bidang syariat Islam yang dikuatkuaskan oleh undang-undang, samaada dengan pemberian hak istimewa ataupun otonomi daerah.

Penerapan syariat Islam di Aceh menurut Daniel E. Priece telah sampai pada peringkat keempat iaitu jenayah. Daniel E. Priece menerapkan sebuah kriteria penerapan syariat Islam ke dalam beberapa peringkat. Peringkat pertama ialah penerapan syariat dalam hukum keluarga, peringkat kedua ialah dalam hukum ekonomi, peringkat ketiga ialah amalan ritual keagamaan, peringkat keempat ialah jenayah dan peringkat kelima pula ialah menjadikan syariat Islam sebagai dasar negara. Aceh telah sampai kepada peringkat keempat dalam pelaksanaan syariat dan hanya peringkat kelima (menjadikan syariat Islam sebagai dasar negara) yang belum lagi ditempuh.²⁶

Umumnya, penerapan syariat Islam di Indonesia hanya sampai pada pelaksanaan pakaian Islamik, pengelolaan zakat, infak dan sedekah iaitu pada peringkat kedua. Namun, jika merujuk pada kriteria di atas, penerapan PERDA syariat Islam daerah di Indonesia kecuali Aceh sampai pada peringkat ketiga (amalan ritual keagamaan). Penetapan amalan ritual keagamaan dalam format sebuah PERDA cenderung bervariasi, mulai dari jumu'at khusu, syarat membaca dan menulis al-Quran sehingga kepada peraturan menutup kedai saat solat dijalankan.

Salah satu dari bidang kekuasaan eksekutif ialah Lembaga Kepolisian dengan pelbagai bidang tugas masing-masing. Lembaga ini merupakan lembaga pemelihara keamanan dan ketertiban masyarakat, penegakan hukum, perlindungan dan perkhidmatan kepada masyarakat. Lembaga Kepolisian, selain berpusat di ibu kota, juga mempunyai cawangan di daerah-daerah iaitu Kepolisian Daerah (POLDA) untuk menjalankan peraturan perundangan di setiap provinsi. Kepolisian dalam menjalankan tugas dibantu oleh lembaga-lembaga pembantu yang akan menjalankan sebahagian tugas kepolisian.


²⁶ Rusydi Ali Muhammad, *Revitalisasi Syariat Islam Di Aceh: Problem, Solusi, dan Implementasi*, (Logos Jakarta, 2003), 227-228.

Maksud lembaga-lembaga pembantu adalah Polisi Khusus (Polsus), Penyidik Pegawai Negeri Sipil selepas ini disingkat dengan (PPNS) atau penyiasat, dan atau bentuk-bentuk pengamanan swakarsa (pasukan rela).²⁷

Dimaksudkan “Kepolisian khusus” ialah institusi dan/atau lembaga kerajaan yang oleh atau kuasa undang-undang (peraturan perundang-undangan) diberi bidangkuasa untuk melaksanakan fungsi kepolisan di bidang teknikal masing-masing. Contoh dari Polsus ini ialah seperti Balai Pengawas Obat dan Makanan Departemen Kesehatan (Ditjen POM Depkes), Polsus Kehutanan, Polsus di lingkungan imigrasi dan lain-lain. Apa yang dimaksud dengan “bentuk-bentuk pengamanan swakarsa” pula ialah suatu bentuk keselamatan yang diadakan atas kemahuan, kesedaran dan kepentingan masyarakat sendiri yang kemudian dikuatkuasakan oleh Kepolisian Negara Republik Indonesia, seperti kesatuan pengamanan lingkungan dan lembaga usaha di bidang khidmat keselamatan. Contohnya adalah kesatuan pengamanan lingkungan di pemukiman, kesatuan pengamanan pada kawasan pejabat atau kesatuan pengamanan pada kedai-kedai.

Gambar rajah di bawah merupakan gambaran kedudukan Satpol PP dan WH sebagai Kepolisian Khusus dalam kerangka Negara Kesatuan Republik Indonesia dan juga ketika berada di bawah Dinas Syariat Islam selepas ini disingkat dengan DSİ.

²⁷ Undang-Undang Republik Indonesia nombor 2 tahun 2002 tentang Kepolisian Negara Republik Indonesia (Pasal 3).



- | | |
|-------------|--|
| MABES POLRI | : Markaz Besar Kepolisian Negara Republik Indonesia (berkedudukan di Ibu Kota Negara) |
| POLDA | : Kepolisian Negara Republik Indonesia Daerah (berkedudukan di setiap provinsi/daerah) |
| POLRES | : Kepolisian Negara Republik Indonesia Resor (berkedudukan di setiap kabupaten/bandar) |
| POLSEK | : Kepolisian Negara Republik Indonesia Sektor (berkedudukan di setiap kecamatan) |

Dalam hal ini, Satpol PP merupakan lembaga kepolisian khusus yang dalam strukturnya terdapat WH. Lembaga Satpol PP diangkat dan bertanggungjawab kepada Gabenor/Walikota/Bupati tiap-tiap daerah untuk menjalankan peraturan daerah. Lembaga pembantu di atas merupakan institusi kerajaan yang secara fungsional akan membantu kepolisian, akan tetapi ia tidak mempunyai hubungan hierarkis dengan kepolisian. Polsus (Satpol PP dan WH) dan PPNS mengemban tugas kepolisian dalam bidang tertentu berdasarkan undang-undang yang menjadi dasar hukumnya.²⁸

²⁸ Al Yasa Abu Bakar, *Syariat Islam Di Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam: Paradigma, Kebijakan dan Kegiatan*, (Dinas Syariat Islam Aceh, 2004), 370-372.

Wilayatul Hisbah ketika bergabung dengan DSİ berada di bawah ketua bahagian pengawasan dan pengendalian syariat, dan mempunyai struktur lembaga yang terdiri dari WH peringkat Provinsi, Kabupaten/Kota, Kecamatan dan Mukim. WH peringkat Provinsi, Kabupaten/Kota serta Kecamatan diangkat oleh Gabenor, Bupati/Walikota yang terdiri dari ketua, wakil ketua, setiausaha serta *Muhtasib*. Sedangkan WH peringkat Mukim diangkat oleh Bupati atau Walikota dan terdiri dari seorang koordinator serta beberapa anggota *Muhtasib* yang bertugas di *Gampong-gampong* (Kampong).²⁹ Namun struktur yang terbentuk hanyalah sampai kepada peringkat provinsi dan kabupaten/kota sahaja. Namun kini, setelah bergabung dengan Satpol PP, maka WH mengikut struktur Satpol PP yang berada pada peringkat provinsi dan kabupaten/kota.

Justeru, WH merupakan polis khusus dalam kesatuan Satpol PP yang mempunyai bidangkuasa untuk menjalankan syariat Islam di Aceh. Di samping ditugaskan sebagai polis khusus, WH juga mempunyai bidangkuasa untuk bertindak sebagai PPNS sebagaimana tertulis dalam Qanun tentang Kepolisian Aceh sebagaimana berikut:

“Wilayatul Hisbah adalah Lembaga Pembantu tugas Kepolisian yang bertugas membina, melakukan advokasi dan mengawasi pelaksanaan *amar ma'ruf nahi munkar* dan dapat berfungsi sebagai Polsus dan PPNS”.³⁰

2.4 Sejarah Pembentukan Wilayatul Hisbah di Aceh

Kerajaan Aceh Darussalam telah menjalankan sistem kerajaannya dengan landasan syariat, setelah menyertai negara Indonesia pun, usaha tersebut tetap diteruskan. Sejarah menunjukkan bahawa pemimpin Aceh sejak awal kemerdekaan Indonesia telah

²⁹ Himpunan Undang-Undang, Keputusan Presiden, Peraturan Daerah/Qanun, Instruksi Gubernur, Edaran Gubernur Berkaitan Pelaksanaan Syariat Islam, (Dinas Syariat Islam Aceh, cet. ke-8, 2010), 662. (Keputusan Gubernur NAD nombor 01 tahun 2004 tentang Pembentukan Organisasi dan Tata Kerja Wilayatul Hisbah, bab II (Kedudukan, Tugas, Fungsi dan Kewenangan) pasal 4 dan 3).

³⁰ Qanun nombor 11 tahun 2004 tentang Tugas Fungsional Kepolisian Daerah Nanggroe Aceh Darussalam. (Pasal 1 ayat 8).

meminta izin daripada Kerajaan Pusat untuk melaksanakan syariat Islam di Aceh, bahkan Presiden Soekarno (Presiden Indonesia pertama) pada tahun 1948, pernah berjanji kepada para Ulama' dan pemimpin rakyat Aceh bahawa di Aceh akan dilaksanakan syariat Islam. Setelah peristiwa Agresi Militer Belanda kedua (perlawanan melawan Belanda) berjaya diatasi, status Aceh ditingkatkan menjadi wilayah autonomi. Namun, status tersebut kembali dicabut setahun selepas itu dan Aceh digabung menjadi satu dengan Provinsi Sumatera Utara dengan ibu kota Medan.³¹

Keadaaan di atas membuatkan rakyat Aceh tidak berpuas hati, kerana janji yang diberikan di awal kemerdekaan Indonesia tidak berlaku. Hal ini menyebabkan timbulnya kembali usaha-usaha pendakwaan hak dengan pelbagai pemberontakan yang terjadi, dari peristiwa Darul Islam/Tentara Islam Indonesia yang diselesaikan dengan pemberian status Daerah Istimewa kepada Aceh dalam bidang agama, pendidikan dan peradatan, akan tetapi status tersebut hanyalah di atas kertas sahaja kerana semua keputusan tentang Aceh berada pada Kerajaan Pusat. Peristiwa Gerakan Aceh Merdeka (GAM) pun terjadi diikuti dengan diterapkannya Daerah Operasi Militer (DOM) di Aceh yang menyebabkan banyak terjadi kekerasan dan kematian.³²

Meskipun sejak awal perjuangan, Aceh menuntut pelaksanaan syariat Islam, namun setelah ditetapkan undang-undang selanjutnya dirujuk UU nombor 44 tahun 1999 tentang Penyelenggaraan Keistimewaan Provinsi Daerah Istimewa Aceh, Aceh dapat memikirkan penerapan syariat Islam bagi kehidupan masyarakatnya. Namun Al yasa Abubakar menyebutkan bahawa terdapat empat keraguan tentang manfaat (UU) tersebut. Pertamanya ialah kebenaran pelaksanaan syariat Islam yang diberikan kepada Aceh masih terlalu abstrak (umum). Kedua ialah, tidak ada penjelasan yang jelas

³¹ Al Yasa' Abubakar, *Penerapan Syariat Islam Di Aceh: Upaya Penyusunan Fiqih Dalam Negara Bangsa*, (Dinas Syariat Islam, 2008), 3-6. Lihat juga Abdul Rani Usman, *Sejarah Peradaban Aceh: suatu Analisis Interaksionis, Integrasi dan Konflik*, (Yayasan Obor Indonesia, 2003), 119-124.

³² Abdul Rani Usman, *Sejarah Peradaban Aceh*, 114-137.

tentang sumber dana dan kos pelaksannya. Ketiganya, bidangkuasa yang masih terbatas dan keempatnya pula ialah tidak mungkin untuk menjadikan syariat dalam bidang jenayah sebagai hukum positif, kerana hukuman jenayah dalam bidang syariat yang diberikan hanyalah penjara enam bulan atau denda lima juta rupiah sebagai hukuman maksimum, maka sekatan syariat lain seperti sekatan sebat dapat dilaksanakan.³³

Kerana pelbagai keterbatasan yang dimiliki UU tersebut, maka pada tahun 2001 lahirlah UU nombor 18 tentang Autonomi Khusus yang menetapkan bahawa pihak berkuasa Aceh berhak mengatur kehidupan masyarakat sesuai dengan nilai luhur masyarakat Aceh dan mengaplikasikan syariat Islam dalam kehidupan sehari-hari. Penerapan syariat Islam yang berlangsung di Aceh tentunya tidak mungkin dilakukan oleh kerajaan sendiri, diperlukan juga sokongan masyarakat untuk mensosialisasikan segala syi'ar Islam yang baik dan benar.

Dalam pelaksanaan syariat Islam di Aceh, perlu adanya lembaga yang menjalankan tugas pengawasan dan perbicaraan terhadap masyarakat yang melakukan pelanggaran terhadap peraturan perundangan. Sesuai dengan PERDA nombor 5 tahun 2000 tentang Pelaksanaan Syariat Islam, Qanun nombor 11 tahun 2002 tentang Pelaksanaan Syariat Islam Bidang Aqidah, Ibadah dan Syi'ar Islam dan Qanun tentang khamar dan sejenisnya (Qanun nombor 12), maisir (perjudian) (nombor 13) serta tentang khalwat (mesum) (nombor 14) pada tahun 2003 yang mengatur tentang keperluan pembentukan institusi WH yang bertugas menjalankan dan mengawasi pelaksanaan syariat Islam. Inilah asal mula lahirnya institusi WH yang memiliki legaliti untuk menjalankan syariat Islam di Aceh.

³³ Al Yasa' Abubakar, *Penerapan Syariat Islam*, 18-20.

Dengan alasan inilah, kerajaan merasa perlu untuk membentuk suatu lembaga khusus yang menangani proses pelaksanaan penerapan syariat Islam, sehingga pada tahun 2004 lahirlah lembaga Wilayatul Hisbah. Pada awal pembentukannya, ia bernaung di bawah Dinas Syariat Islam. Namun seiring dengan perkembangan masyarakat, lembaga kerajaan yang baru ini pun bertugas secara langsung mengawasi perjalanan proses pelaksanaan syariat Islam di Aceh. Kemudian setelah ditetapkan Undang-Undang Pemerintah Aceh (UUPA) pada Tahun 2006, maka WH dipisahkan dari Dinas Syariat Islam dan menjadi lembaga kerajaan dalam Kesatuan Polisi Pamong Praja (Satppol PP) yang bekerjasama dengan lembaga agensi kerajaan lain dalam penertiban masyarakat.

2.5 Sumber Pelaksanaan Wilayatul Hisbah di Aceh

Adalah penting bagi mana-mana institusi penguatkuasa bertindak berdasarkan dengan kuasa yang telah diberikan oleh undang-undang. Ini agar dapat mengelak sebarang pertikaian atau dipersoalkan oleh mana-mana pihak. Dasar penubuhan WH tidak terlepas dari undang-undang, Qanun dan PERDA yang memberikan legaliti penerapan syariat Islam di Aceh, kerana WH merupakan lembaga yang akan mengawasi pelaksanaan syariat itu sendiri. Adapun asas legaliti yang menjadi sumber dalam penubuhan institusi WH adalah:

Pertama: Undang-undang Republik Indonesia nombor 44 tahun 1999 tentang Penyelenggaraan Keistimewaan Provinsi Daerah Istimewa Aceh. Undang-undang ini mengatur tentang keistimewaan Aceh yang meliputi keistimewaan dalam penyelenggaraan kehidupan beragama, penyelenggaran kehidupan adat, penyelanggaraan pendidikan dan peran ulama dalam penetapan kebijakan daerah.³⁴

³⁴ Himpunan, 4. (Undang-Undang Republik Indonesia nombor 44 tahun 1999 tentang Penyelenggaraan Keistimewaan Provinsi Daerah Istimewa Aceh, bab III (Penyelenggaraan Keistimewaan), pasal 3).

Kedua: Undang-undang Republik Indonesia nombor 18 tahun 2001 tentang Autonomi Khusus bagi Provinsi Daerah Istimewa Aceh sebagai Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam. Berkaitan dengan pelaksanaan syariat Islam, dalam UU ini terdapat empat bab utama yang mempunyai hubungan langsung dengan penegakan hukum dan pelaksanaan syariat iaitu, bab X tentang Kepolisian Daerah, bab XI tentang bahagian pendakwaan, bab XII tentang Mahkamah Syar'iyah, dan bab XIII tentang Penyelesaian perselisihan bidangkuasa antara Mahkamah Syar'iyah dengan pengadilan dalam lingkungan peradilan lain. Namun, UU ini hanya berkuatkuasa lima tahun dan digantikan dengan undang-undang baru iaitu UU nombor 11 tahun 2006 setelah adanya perdamaian antara Kerajaan Pusat Indonesia dengan pihak Gerakan Aceh Merdeka (GAM) pada 15 Ogos 2005 yang melalui MOU Helsinki.³⁵

Ketiga: Undang-undang Republik Indonesia nombor 11 tahun 2006 tentang Pemerintah Aceh (UUPA). Undang-undang ini terdiri dari 40 bab serta 273 pasal. Kehadiran UU ini lebih sempurna dan mencantumkan tiga bab tentang pelaksanaan syariat Islam yang diletakkan secara berurutan iaitu bab XVII tentang Syariat Islam dan Pelaksanaannya, bab XVIII tentang Mahkamah Syar'iyah dan bab XIX tentang Majelis Permusyawaratan Ulama (MPU), disamping itu terdapat bab-bab lain berkaitan dengan pelaksanaan syariat. Yang perlu dipastikan bahawa, walaupun kehadiran undang-undang ini menghapus undang-undang nombor 18 tahun 2001, namun ia tidak menghapus undang-undang nombor 44 tahun 1999. Dengan demikian aturan yang tercantum di sana selama tidak diatur dalam undang-undang nombor 11 tahun 2006 dinyatakan tetap berlaku.³⁶

³⁵ Al Yasa' Abubakar, *Penerapan Syariat Islam*, 34-35. Lihat juga Himpunan, (Dinas Syariat Islam Aceh 2006), cet. ke-5), 29-32. (Undang-undang Republik Indonesia nombor 18 tahun 2001 tentang Otonomi Khusus bagi Provinsi Daerah Istimewa Aceh sebagai Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam).

³⁶ *Ibid.*, 75-76.

Adapun bidangkuasa yang diberikan kepada Kerajaan Aceh di dalam undang-undang ini adalah:

- a. Penyelenggaraan kehidupan beragama dalam bentuk pelaksanaan syariat Islam bagi pemeluknya di Aceh dengan tetap menjaga kerukunan hidup antar umat beragama;
- b. Penyelenggaraan kehidupan adat yang bersendikan agama Islam;
- c. Penyelanggaraan yang berkualitas serta menambah materi muatan lokal sesuai dengan syariat Islam;
- d. Peran ulama dalam penetapan kebijakan Aceh; dan
- e. Penyelenggaraan dan pengelolaan ibadah haji sesuai dengan peraturan perundang-undangan.³⁷

Bidangkuasa tersebut meliputi aqidah, syariah dan akhlak dalam bidang ibadah, *ahwal syakhsiyah* (hukum keluarga), *mu'amalah* (hukum perdata), *jinayah* (pidana), *qadha* (peradilan) dan *tarbiyah* (pendidikan, dakwah, syi'ar dan pembelaan Islam).

Keberadaan WH diperkuat kembali dalam undang-undang ini dengan meletakkannya sebagai unit dari Satpol PP dan PPNS.³⁸

Keempat: Kewujudan Wilayatul Hisbah di Aceh juga sudah disebutkan dalam beberapa Qanun dan PERDA. Untuk pertama kalinya adalah terdapat dalam PERDA nombor 5 tahun 2000, yang berbunyi:

“Pemerintah Daerah berkewajiban membentuk badan yang berwenang mengontrol/mengawasi (Wilayatul Hisbah) pelaksanaan ketentuan-ketentuan dalam peraturan Daerah ini sehingga dapat berjalan dengan sebaik-baiknya”.³⁹

Dalam peruntukan Qanun lain keperluan untuk membentuk institusi WH sebagai lembaga sosialisasi, pengawasan dan perbicaraan syariat Islam sebagaimana juga telah disebutkan di atas, iaitu dalam Qanun nombor 11 tahun 2002 tentang pelaksanaan syariat Islam bidang Aqidah, Ibadah dan Syi'ar Islam, Qanun nombor 12 tentang

³⁷ Himpunan, 88. (Undang-undang Republik Indonesia nombor 11 tahun 2006 tentang Pemerintahan Aceh, bab V (Urusan Pemerintahan) pasal 16).

³⁸ *Ibid.*, 155. (Bab XVII (Syaria't Islam dan Pelaksanaannya) pasal 125).

³⁹ *Ibid.*, 265. (PERDA nombor 5 tahun 2000 tentang Pelaksanaan Syariat Islam, bab VI (pengawasan dan penyidikan), pasal 20).

khamar, 13 tentang maisir, dan 14 tentang khalwat pada tahun 2003 dan Qanun nombor 11 tahun 2004 tentang Kepolisan. Sebagai aplikasi atas kandungan Qanun-qanun tersebut, maka dikeluarkanlah suatu peruntukan khas yang mengatur tentang institusi WH dalam Keputusan Gabenor nombor 1 tahun 2004 tentang Pembentukan Organisasi dan Tata Kerja Wilayatul Hisbah.

Semenjak terbentuknya UUPA tahun 2006, WH-mengalami perubahan struktur dan peralihan kedudukan yang digabung dengan kesatuan Satpol PP. Sehingga Satpol PP dan WH berada di bawah satu institusi yang tidak dapat dipisahkan. Hal ini juga dapat dilihat dalam Qanun no. 5 tahun 2007 pada peruntukan yang mengatur tugas utama, fungsi dan bidangkuasa:

“Satuan Polisi Pamong Praja dan Wilayatul Hisbah mempunyai tugas memelihara dan menyelenggarakan ketenteraman dan ketertiban umum, menegakkan Peraturan Daerah (Qanun), Peraturan Gubernur, Keputusan Gubernur, melakukan sosialisasi, pengawasan, perbicaraan, penyiasatan, dan pembantuan pelaksanaan hukuman dalam lingkup Peraturan Perundang-undangan di bidang Syariat Islam.”⁴⁰

Dari jumlah undang-undang, Qanun dan PERDA di atas dapat disimpulkan bahawa institusi WH mempunyai peruntukan khas dan landasan kuat dalam bidang perundangan untuk menjalankan syariat Islam di Aceh.

Penyebutan kepada institusi ini dalam Qanun-qanun di atas digunakan dengan istilah “pejabat WH”, sedangkan dalam Keputusan Gabenor digunakan “*Muhtasib*”, begitu juga istilah lain yang dipakai “tenaga atau petugas WH”, ketiga istilah tersebut dapat digunakan silih berganti untuk makna yang sama.⁴¹

⁴⁰ Qanun nombor 5 tahun 2007 tentang Susunan Organisasi Dan Tata Kerja Dinas, Lembaga Teknis Daerah Dan Lembaga Daerah Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam, (pasal 203).

⁴¹ Al Yasa' Abubakar, *Wilayatul Hisbah: Polisi Pamong Praja Dengan Kewenangan Khusus Di Aceh*, (Dinas Syari'at Islam, 2009), 27.

2.6 Bidangkuasa Wilayatul Hisbah dalam Qanun Jenayah Syariah

Dalam Keputusan Gabenor nombor 01 tahun 2004 tentang tugas dan bidangkuasa WH disebutkan bahawa:

Wilayatul Hisbah mempunyai tugas:

- a. Melakukan pengawasan terhadap pelaksanaan dan pelanggaran peraturan perundang-undangan di bidang syariat Islam;
- b. Melakukan perbicaraan dan advokasi spiritual terhadap setiap orang yang berdasarkan bukti permulaan patut diduga telah melakukan pelanggaran terhadap peraturan perundang-undangan di bidang syariat Islam;
- c. Pada saat tugas perbicaraan mulai dilakukan, Muhtasib perlu memberitahukan hal itu kepada penyiasat atau kepada Keuchik/Kepala Gampong dan keluarga pelaku;
- d. Melimpahkan perkara pelanggaran peraturan perundang-undangan di bidang Syariat Islam ke penyidik.⁴²

Wilayatul Hisbah mempunyai kewenangan:

- a. Melakukan pengawasan terhadap pelaksanaan dan pelanggaran peraturan perundang-undangan di bidang syariat Islam;
- b. Menegur, menasehati, mencegah dan melarang setiap orang yang patut diduga telah, sedang atau akan melakukan pelanggaran terhadap peraturan perundang-undangan di bidang Syariat Islam.⁴³

Dalam ayat selanjutnya dijelaskan bahawa tugas dan bidangkuasa tersebut dapat dijalankan meliputi sosialisasi terhadap masyarakat, menegur, memberi peringatan, menasihati, mencegah dan menghentikan perbuatan yang melanggar hukum, meminta identiti orang yang diduga melakukan pelanggaran, serta menghubungi polis atau peranti desa untuk menyampaikan laporan atau meminta bantuan dalam usaha perbicaraan.

⁴² Himpunan, 663. (Keputusan Gubernur NAD nombor 01 tahun 2004 tentang Pembentukan Organisasi dan Tata Kerja Wilayatul Hisbah, pasal 4 ayat 1).

⁴³ Ibid., 664. (Pasal 5).

Daripada peruntukan di atas, dapat disimpulkan bahawa WH mempunyai kuasa dalam tiga perkara:

1. Melakukan sosialisasi dan memperkenalkan Qanun serta peraturan-peraturan lainnya berkaitan syariat Islam kepada masyarakat;
2. Melakukan pengawasan agar masyarakat mematuhi peraturan yang ada dan berakhlak dengan akhlak yang sesuai dengan tuntunan Islam;
3. Melakukan perbicaraan agar para pelaku perbuatan pidana tidak melakukan kesalahan dengan lebih lanjut atau orang-orang yang berperilaku tidak sopan bersedia menghentikan perbuatan tersebut.

Dengan terbentuknya Undang-Undang Pemerintah Aceh pada tahun 2006, kuasa sebagai lembaga sosialiasi dan pengawasan di atas meningkat sebagai polis khusus (Polsus).

WH juga mempunyai kuasa untuk bertindak sebagai Penyiasat (Penyidik Pegawai Negeri Sipil/PPNS) sebagaimana dijelaskan dalam Qanun nombor 11 tahun 2004 tentang Tugas Fungsional Kepolisian Daerah Nanggroe Aceh Darussalam. Kewujudan PPNS dalam institusi WH sangat membantu dalam pendakwaan terhadap kes yang berlaku, kerana PPNS dapat melakukan sebagian daripada tugas-tugas kepolisan seperti menangkap, menggeledah, menyita dan menahan seseorang yang dianggap perlu demi menegakkan peraturan dan undang-undang. Akan tetapi, Pegawai Negeri Sipil (PNS) merupakan syarat utama dalam pelantikan seseorang anggota WH sebagai PPNS.

Selanjutnya dalam Peraturan Gabenor nombor 10 tahun 2005 tentang Petunjuk Teknis Pelaksanaan Uqubat Cambuk, WH diberikan tugas dan bidangkuasa baru iaitu bertindak sebagai pelaksana hukuman sebat terhadap pesalah yang telah ditetapkan mahkamah.⁴⁴

⁴⁴ Al Yasa Abu Bakar, *Syariat Islam*, 363-366.

Berdasarkan beberapa peruntukan ini, dapat dikatakan bahwa WH mempunyai bidangkuasa dalam tiga perkara, pertamanya ialah Sebagai pelaksana syariat Islam (Polsus), keduanya ialah penyiasat atau PPNS dan ketiganya ialah sebagai pelaksana uqubat sebat.

Dalam menjalankan syariat Islam di Aceh, Undang-Undang tentang Pemerintah Aceh menerangkan individu-individu yang tertakluk di bawah Qanun Jenayah Syariah berlandaskan kepada asas territorial. Pertamanya, setiap pemeluk agama Islam di Aceh wajib menaati dan mengamalkan syariat Islam. Kedua, dalam hal terjadi perbuatan jenayah yang dilakukan oleh dua orang atau lebih secara bersama-sama yang di antaranya bukan beragama Islam, pelaku yang bukan beragama Islam dapat memilih dan menundukkan diri secara sukarela pada hukum jenayah. Ketiga, setiap orang yang beragama bukan Islam melakukan perbuatan jenayah yang tidak diatur dalam kitab undang-undang hukum pidana atau ketentuan pidana di luar kitab undang-undang hukum pidana, berlaku hukum jenayah. Keempat, penduduk Aceh yang melakukan perbuatan jenayah di luar Aceh berlaku kitab undang-undang hukum pidana.⁴⁵

2.7 Hubungkait Wilayatul Hisbah dengan Lembaga Hukum Lain di Aceh

2.7.1 Lembaga Kepolisian

Pada awal pembentukan Lembaga Wilayatul Hisbah, ia merupakan sebahagian daripada institusi DSI daerah Aceh.⁴⁶ Dalam pelaksanaan tugas dan kewajibannya dibantu oleh lembaga kepolisian. Lembaga Kepolisian yang dimaksudkan di sini adalah Kepolisian Daerah (POLDA) Aceh yang bertugas di kawasan wilayah Aceh. Sebelum Qanun

⁴⁵ Rusjdi Ali Muhammad, Khairizzaman, *Konstelasi Syariat Islam Di Era Global*, (Dinas Syariat Islam, cet. ke- 2, 2012), 69-71. Lihat juga himpunan, 155-156. (Undang-undang Republik Indonesia nombor 11 tahun 2006 tentang Pemerintahan Aceh, bab XVII (Syariat Islam dan Pelaksanaannya), pasal 126, dan bab XVIII (Mahkamah Syar'iyah), pasal 129).

⁴⁶ Muhibbutthabary, *Wilayat al-Hisbah Di Aceh: Konsep Dan Implementasi*, (Yayasan Pena, cet. ke-1, 2010), 82.

Jenayah Syariat disahkan, tugas kepolisan di sini hanya setakat mengamankan, menegakkan dan menjalankan hukum serta undang-undang Negara Republik Indonesia. Namun, setelah lahirnya Qanun nombor 11 tahun 2004 tentang Tugas Fungsional Kepolisian Daerah Nangggroe Aceh Darussalam, maka tugas polis bertambah luas iaitu selain berkaitan dengan Undang-undang Kepolisian Negara Republik Indonesia juga terikat dengan Qanun, hukum dan undang-undang Aceh.⁴⁷

Berdasarkan Qanun di atas, maka kedudukan dan tugas polis bertambah sebagai unsur penguasaan undang-undang bidang keamanan, ketertiban dan ketenteraman masyarakat, perlindungan, bimbingan, perkhidmatan masyarakat dan penguasaan undang-undang syariat Islam secara *kāffah* di Aceh. Dengan ini, polis bersama *Muhtasib* dapat menegur, menasihati dan membina pelaku maksiat atau pesalah Qanun syariat di Aceh. Hubungkait WH dan lembaga kepolisan juga dapat dilihat pada pasal 6 ayat (1):

“Pengembangan tugas Kepolisian Daerah Aceh adalah kepolisan Daerah Aceh yang dibantu oleh Wilayatul Hisbah yang dapat berfungsi sebagai Polis Khusus dan PPNS. (2). Pengembangan fungsi Kepolisian sebagaimana dimaksud dalam ayat (1) melaksanakan fungsi kepolisian sesuai dengan peraturan perundang-undangan, Qanun-qanun terkait dan Qanun Hukum Acara.”

Menurut al-Yasa Abu Bakar, WH memiliki hubungan subordinasi dengan POLDA dan bukannya hubungan hierarkis. Dalam pasal 18 Qanun nombor 11 tahun 2004 disebutkan bahawa POLDA Aceh bersama-sama dengan Dinas Syariat Islam akan membina kemampuan teknis anggota WH.⁴⁸ Jadi, jelas terlihat di sini bahawa WH melaksanakan tugas Kepolisian Daerah Aceh yang dapat berfungsi sebagai Polis Khusus dan Penyiasat PNS.

⁴⁷ Hasanuddin Yusuf Adan, *Refleksi Implementasi Syariat Islam Di Aceh*, (Yayasan Pena Banda Aceh, 2009), 84-85.

⁴⁸ Al Yasa Abu Bakar, *Syariat Islam*, 367.

Berdasarkan amalan selama ini, dalam melaksanakan tugas sehari-hari (sosialisasi, pengawasan, dan perbicaraan) anggota WH akan dibantu dan bergerak bersama-sama dengan anggota POLDA atau penguatkuasa gampong (kampong) sehingga proses pengawasan dan perbicaraan akan lebih efektif dan teratur.

2.7.2 Bahagian Pendakwaan

Selain mempunyai kaitan dengan kepolisan, WH juga mempunyai hubungan erat dengan Bahagian Pendakwaan. WH sebagai penyiasat pembantu atau polis khusus mempunyai tugas yang berkaitan dengan tugas pendakwaan iaitu diberikan kuasa sebagai pendakwa raya dan pelaksana keputusan mahkamah yang telah ditetapkan. Salah satu tugas pokok pendakwaan adalah menerima dan memeriksa fail penyiasatan dari penyiasat dan penyiasat pembantu.⁴⁹

Dalam peraturan Gabenor tentang Pelaksanaan Uqubat Cambuk juga di sebutkan:

Pasal 1 ayat 11: Pencambuk adalah petugas Wilayatul Hisbah yang ditugaskan untuk melakukan pencambukan (sebatan) atas terhukum (orang yang dihukum).

Pasal 2 ayat 1: Pelaksanaan uqubat cambuk adalah kewenangan dan tanggung jawab jaksa.(pendakwa).

Pasal 3 ayat 1: Atas permintaan jaksa, Kepala Dinas Syariat Islam Kabupaten/Kota setempat mempersiapkan pencambuk.⁵⁰

Dari keputusan Gabenor di atas dapat disimpulkan bahawa tanggungjawab dan kuasa melaksanakan hukuman berada pada pendakwa, dan pendakwa tersebut yang akan menunjukkan anggota WH untuk bertindak sebagai pelaksana hukuman sebat. Dengan

⁴⁹ Muhibbuthhabary, *Wilayat al-Hisbah Di Aceh*, 97.

⁵⁰ Himpunan, 669. (Peraturan Gubernur Provinsi NAD tentang Petunjuk Teknis Pelaksanaan Uqubat Cambuk, pasal 1 ayat 11, pasal 2 ayat 1 dan pasal 3 ayat 1.)

demikian, WH akan selalu berhubungan dengan bahagian Pendakwaan untuk melaksanakan hukuman sebat.⁵¹

2.7.3 Mahkamah Syar'iyyah

Mahkamah Syar'iyyah merupakan institusi kehakiman khusus di Aceh yang mengadili setiap kes berkenaan dengan pelanggaran syariat sesuai dengan ketentuan Qanun yang berlaku. Setiap pelanggaran yang ditangani oleh WH sebagai penyiasat akan sampai ke mahkamah apabila tidak selesai pada tahap perbicaraan dan peringatan. Tentunya peranan WH sangat penting untuk memperkecil angka pelanggaran syariat, kerana WH merupakan institusi yang mempunyai kuasa untuk mengawasi pelaksanaan syariat Islam di Aceh. WH mesti melakukan usaha-usaha preventif samaada dengan sosialisasi kepada masyarakat untuk mencegah pelanggaran Qanun-qanun yang ada, kawalan dengan melakukan rondaan, mahupun dengan mengadakan pengumuman di pelbagai tempat serta melakukan perbicaraan.⁵²

Hal tersebut merupakan kuasa WH dalam pencegahan dan penyelesaian kes sebelum melangkah ke mahkamah sebagaimana yang tertera dalam Keputusan Gabenor nombor 1 tahun 2004 yang menerangkan bahawa WH boleh melakukan perbicaraan samaada dengan menegur, menasihati, memperingati pelaku, menghentikan kegiatannya mahupun dengan menyelesaikan kes tersebut melalui Rapat Adat Gampoeng (RAG).⁵³

Berkaitan dengan Mahkamah Syar'iyyah juga, WH dapat mengajukan dakwaan pra peradilan kepada mahkamah apabila laporannya tidak dilanjuti oleh penyiasat tanpa suatu kebenaran yang sah selepas jangka waktu 2 (dua) bulan setelah laporan diterima penyiasat. Walaupun Qanun menyatakan demikian, akan tetapi dalam praktiknya semua

⁵¹ Al Yasa Abu Bakar, *Syariat Islam*, 374.

⁵² Muhibbutthabary, *Wilayat al-Hisbah Di Aceh*, 99-105.

⁵³ Al Yasa' Abubakar, Marah Halim, *Hukum Pidana Islam Di Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam*, (Dinas Syariat Islam Provinsi NAD 2006), 126.

kejadian yang ditangkap oleh WH dengan berkerjasama dengan Kepolisian dapat diajukan dan diteruskan ke mahkamah syar’iyyah kecuali perkara-perkara yang dianggap belum mencukupi data dan diperlukan dalam penetapan keputusan hukum.⁵⁴

2.7.4 Lembaga Adat

Kembali kepada pepatah Aceh “*Hukum ngon adat lage zat ngon sifeut*” (hubungan syariat dengan adat adalah ibarat hubungan suatu zat (benda) dengan sifatnya, iaitu melekat dan tidak dapat dipisahkan). Hal ini diwujudkan dengan adanya lembaga adat sebagai lembaga kawalan sosial di tengah masyarakat yang sangat menyokong terhadap pelaksanaan syariat. Dalam Qanun tersebut, disebutkan bahawa penyelesaian kes syariah selain dilakukan oleh lembaga formal juga ditempuh dengan lembaga informal melalui perbicaraan oleh WH dan RAG.⁵⁵ Salah satu peranti kelengkapan RAG adalah *Tuha Peuet* iaitu satu lembaga kelengkapan Gampong yang terdiri dari unsur kerajaan, agama, pimpinan adat dan cendikiawan. *Tuha Peuet* bertugas dan berfungsi untuk memberikan nasihat, saranan, pertimbangan, kepada *Geuchik* (ketua desa) dalam menyelenggarakan urusan pemerintahan Gampong.⁵⁶

Hubungkait lembaga adat dengan WH dapat dilihat juga dalam Keputusan Gabenor nombor I tahun 2004 yang menjadikan fungsi *Tuha Peuet* sebagai *Muhtasib*. Maka dapat disimpulkan bahawa lembaga adat dan WH merupakan rakan kerja dalam pengawasan dan perbicaraan pelaksanaan syariat, begitu juga lembaga adat dapat menyelesaikan kes-kes tertentu dengan ketentuan Qanun yang ada.

⁵⁴ Muhibbutthabary, *Wilayat al-Hisbah Di Aceh*, 108.

⁵⁵ *Ibid.*, 125.

⁵⁶ H. Taqwaddin, “Mukim Sebagai Pengembang Hukum Adat Aceh”, *Jurista (Jurnal Hukum Dan Keadilan)*, (STAI al-Washliyah dan STAIN Zawiyah Cot Kala, vol. ke-1, no. 1, Januari, 2009), 87.

2.8 Penyelesaian Kes Syariah di Aceh

Berdasarkan penjelasan di atas, telah diterangkan bahawa penyelesaian kes jenayah di Aceh dapat diselesaikan melalui jalur informal iaitu dengan perbicaraan oleh WH dan penyelesaian melalui Rapat Adat Gampong, namun apabila kes tersebut tidak dapat diselesaikan dalam waktu yang telah ditentukan oleh Qanun, atau salah satu pihak yang bertikai akibat tidak berpuas hati, maka kes tersebut akan diselesaikan melalui jalur formal iaitu penyelesaian melalui hukum pidana syariah yang dilakukan oleh penyiasat samaada dari pihak kepolisan mahupun WH.

2.8.1 Perbicaraan Oleh Wilayatul Hisbah

Sebelum kes dilanjutkan kepada tahap penyelesaian oleh RAG, WH merupakan institusi yang berperanan penting kerana lembaga inilah yang pertama kali mengidentifikasi kes-kes pelanggaran syariat samaada pelanggaran diselesaikan melalui RAG terlebih dahulu atau diserahkan terus kepada penyiasat. Pedoman yang dijadikan dasar untuk memilih kedua-dua metod penyelesaian kejahanan jenayah di atas adalah status pelaku sendiri, apakah warga tempatan atau pendatang di mana tempat terjadinya tindak pidana syariat tersebut. Hal ini tentu dapat diketahui dengan mudah oleh pihak WH dari identiti peribadi pelaku ataupun informasi masyarakat umum yang menangkap si pelaku.

Dalam fungsi perbicaraan, WH diberi kuasa untuk menegur, menasihati, memberi peringatan kepada pelaku, menghentikan kegiatan dan menyelesaikan kes tersebut melalui RAG apabila pelaku merupakan warga tempatan. Namun apabila pelaku adalah pendatang, akan berlaku usaha perbicaraan dalam tiga kategori iaitu hijau, kuning dan merah.

- i. Kategori hijau merupakan pelanggaran ringan yang akan ditangani dengan pembicaraan di tempat kejadian perkara (TKP) berupa peringatan, nasihat, dan mencatat identiti pelaku sebelum dilepaskan.

- ii. Kategori kuning adalah pelanggaran pertengahan yang akan dibicarakan dengan membawa pelaku ke pejabat WH, memperingatkan, menasihati, serta mencatat pelaku.
- iii. Kategori merah adalah pelanggaran berat yang tidak layak lagi dilakukan perbicaraan, maka kes ini akan diserahkan kepada penyiasat untuk diproses secara hukum.

Penentuan katagori hijau, kuning dan merah akan ditentukan oleh ketelitian petugas dalam mengindentifikasi pelanggaran yang dihadapi.⁵⁷

2.8.2 Penyelesaian Melalui Rapat Adat Gampoeng (RAG) dan Rapat Adat Mukim (RAM)

Jika menurut pihak WH, pelaku pelanggaran yang berstatus warga tempatan tidak layak untuk diberi peringatan atau nasihat, maka pihak berkuasa akan menyerahkan kes tersebut kepada pengerusi Gampong untuk diselesaikan melalui RAG. Proses penyelesaian ini merupakan penyelesaian informal, akan tetapi ia telah diiktiraf oleh Qanun sebagai proses yang sah. Dasar hukum yang digunakan adalah Peraturan Daerah nombor 7 tahun 2000 tentang Penyelenggaraan Kehidupan Adat dan Qanun nombor 5 tahun 2003 tentang Pemerintahan Gampong dalam wilayah Nanggroe Aceh Darussalam. Hal tersebut termaktub dalam PERDA nombor 5 tahun 2000 pada pasal 6, yang berbunyi:

”Lembaga adat sebagaimana dimaksud pada pasl 5 berfungsi sebagai alat kontrol keamanan, ketenteraman, kerukunan, serta ketertiban masyarakat, baik preventif maupun refresif, antara lain: a. menyelesaikan masalah sosial kemasyarakatan; b. Penengah (Hakim perdamaian) mendamaikan sengketa yang timbul di masyarakat.

⁵⁷ Al Yasa' Abu Bakar, Marah Halim, *Hukum Pidana Islam*, 100-101.

Dalam Qanun nombor 5 tahun 2003 pasal 3 disebutkan bahawa:

“Gampong mempunyai tugas menyelenggarakan pemerintahan, melaksanakan pembangunan, membina masyarakat dan meningkatkan pelaksanaan syariat Islam”.

Pihak WH memberikan kesempatan terlebih dahulu kepada Geuchik (ketua kampung)⁵⁸ dan Imeum Mukim⁵⁹ (ketua daripada kumpulan beberapa desa) untuk menyelesaikan perselisihan tersebut di Gampong atau Mukim masing-masing. Setiap sengketa yang terjadi di dalam sebuah Gampong, samaada sengketa keluarga, antara keluarga, atau permasalahan-permasalahan sosial yang timbul dalam masyarakat diselesaikan melalui Rapat Adat Gampong. Apabila sengketa tersebut tidak dapat diselesaikan dalam jangka waktu dua bulan, ataupun pihak yang bertikaian tidak berpuas hati, maka sengketa tersebut akan diselesaikan oleh Imeum Mukim dalam Rapat Adat Mukim (RAM). Apabila kes tersebut tidak dapat diselesaikan juga dalam jangka waktu satu bulan, maka akan diajukan kepada penegak hukum.⁶⁰

Sampai saat ini, belum ada peraturan teknikal yang mengatur mekanisme pelaksanaan RAG dalam menangani kes pelanggaran syariat kerana hal ini dikembalikan kepada ketentuan adat masing-masing Kabupaten/Kota/Kecamatan/Gampong dan Mukim sesuai PERDA nombor 7 tahun 2000. Namun menurut Prof. Dr. Al Yasa Abu Bakar, MA. ketentuan ini sangat bijak disebabkan masing-masing daerah di Aceh memiliki adat dan kebiasaan yang berbeza antara satu sama lain.⁶¹ Adapun jenis-jenis hukuman yang diterapkan sesuai pasal 19 Perda nombor 7 Tahun 2000 adalah:⁶²

⁵⁸ Geuchik adalah lembaga yang merupakan wakil pemerintah yang memimpin gampong sekaligus sebagai salah satu lembaga adat Gampong.

⁵⁹ Imeum Mukim bertindak sebagai ketua pemerintahan mukim yang membawahi beberapa Gampong.

⁶⁰ Al Yasa' Abubakar, Marah Halim, *Hukum Pidana Islam*, 133.

⁶¹ *Ibid.*, 130.

⁶² Muhibbuthhabary, *Wilayat al-Hisbah Di Aceh*, 110.

1. Nasihat;
2. Teguran;
3. Pernyataan maaf dihadapan orang ramai di Meunasah (surau) atau Masjid, diikuti dengan acara *Peusijuk*⁶³;
4. Denda;
5. Ganti rugi;
6. Dipulaukan dari masyarakat;
7. Dikeluarkan dari masyarakat Gampong;
8. Pencabutan gelar adat;
9. Sekatan-sekatan lain sesuai dengan adat setempat.

2.8.3 Penyelesaian oleh Penyiasat Polis atau PPNS

Apabila kes tidak dapat diselesaikan dalam jangka waktu yang telah ditetapkan oleh Qanun di peringkat Rapat Adat Mukim, atau kerana alasan tertentu, maka kes tersebut akan diserahkan kepada Kepolisan atau PPNS selaku penyiasat untuk diambil tindakan sesuai hukum. Sesuai dengan ketentuan Kitab Undang-Undang Hukum Acara Pidana (KUHAP), ketika pemeriksaan dimulakan, hal yang mesti dilakukan oleh penyiasat adalah antara lainnya iaitu memberitahukan proses pemeriksaan kepada pendakwa raya agar diketahui dan dapat diawasi, memberitahukan hak-hak tersangka dan melakukan pemeriksaan secara patut.⁶⁴

Setelah proses penyiasatan dilakukan, ada dua kemungkinan yang akan dilakukan oleh penyiasat samaada pertamanya, menghentikan penyiasatan karena tidak cukup bukti, tidak termasuk dalam tindak pidana ataupun alasan lain keduanya ialah meneruskan

⁶³ *Peusijuk* adalah sebuah ritual yang dilakukan oleh masyarakat Aceh dengan menabur beras dan padi ke atas tubuh orang yang dipeusijuk, lalu memercikkan air bercampur dengan sedikit tepung ke muka, ujung tangan, dan ujung kaki, lalu mempersunting orang yang dipeusijuk dengan nasi pulut dengan kelapa kukur yang dicampur dengan gula merah dengan tujuan mengharapkan keberkahan ataupun rasa syukur.

⁶⁴ Andi Hamzah, *KUHP & KUHAP*, (Rineka Cipta, cet. ke-17, 2011), 276-278. (KUHP pasal 50-68, pasal 109 ayat 1 dan 2).

kepada tahap berikutnya iaitu penyusunan fail dan pelimpahan kepada bahagian pendakwaan selaku pendakwa raya. Pendakwa raya akan menilai apakah fail tersebut sudah lengkap ataupun belum lengkap. Jika belum lengkap, maka pihak penyiasat akan meminta untuk melengkapinya. Pendakwa raya juga memiliki kuasa samaada meneruskan kes tersebut kepada pengadilan ataupun menutup perkara tersebut demi hukum.⁶⁵ Apabila pendakwa raya menganggap perkara tersebut memenuhi syarat untuk diteruskan kepada pengadilan, maka ia segera menyusun surat dakwaan untuk disampaikan kepada hakim.⁶⁶

2.9 Kesimpulan

Usaha penguatkuasaan syaria't Islam di Aceh telah ditempuh dalam masa yang cukup lama dan dilalui dengan peristiwa-peristiwa yang telah mendapat perhatian dunia internasional (antarabangsa). Qanun jenayah syariah serta institusi yang bertanggungjawab terhadap Wilayatul Hisbah telah mendapatkan landasan dan dasar yang diiktiraf dalam undang-undang secara nasional dan Qanun-qanun tempatan. Sebagai seorang Muslim yang berpegang teguh kepada syariat, tentunya sentiasa memberikan sumbangan dan sokongan menuju ke arah pelaksanaan syariat yang lebih baik sehingga pelaksanaan syariat tidak hanya berlaku dari satu sudut sahaja, akan tetapi dapat diterapkan dalam semua aspek kehidupan.

⁶⁵ *Ibid.*, 286. (KUHP pasal 138 ayat 1 dan 2, pasal 140 ayat 2).

⁶⁶ Al Yasa' Abubakar, Marah Halim, *Hukum Pidana Islam*, 104-110.

BAB III

PENGUATKUASAAN WILAYATUL HISBAH DI ACEH: STRUKTUR

ORGANISASI DAN POLEMIK BIDANGKUASA

3.1 Pendahuluan

Sebagaimana yang telah dijelaskan, WH provinsi Aceh merupakan satu-satunya insitusi penguatkuasa yang menguatkuasakan Qanun Jenayah Syariah dalam sistem perundangan di negara Indonesia. Institusi ini dibentuk berdasarkan kedudukan khas Aceh dalam kerangka perundangan Negara Kesatuan Republik Indonesia (NKRI), untuk melaksanakan syariat Islam secara *kāffah* di daerahnya sendiri. WH sebagai institusi penguatkuasa Qanun Jenayah Syariah sentiasa menjadi perbincangan dari pelbagai kalangan, samaada kalangan yang menyokong mahupun yang membangkang akan pelaksanaan syariat tersebut. Secara ringkasnya, kedudukan, sejarah, sumber peruntukan, hubungkait WH dengan institusi lain serta cara penyelesaian kes syariah di Aceh telah dibincangkan dalam Bab Dua termasuklah perpindahan Lembaga WH dari Dinas Syariat Islam kepada Institusi Satpol PP untuk mencari kedudukan yang sesuai demi kelancaran pelaksanaan syariat di Aceh.

Walaupun demikian, kedudukan serta bidangkuasa WH masih menjadi topik perbincangan yang hangat samaada di akhbar mahupun secara ilmiah. Keadaan tersebut merujuk kepada pihak-pihak yang bertanggungjawab serta penguatkuasa Qanun Jenayah Syariah. Pihak-pihak yang berkaitan dalam hal ini ialah Satpol PP dan WH, Dinas Syariat Islam, Majelis Permusyawaratan Ulama' serta Bahagian Pendakwaan. Langkah ini diambil bagi mengetahui keadaan sebenar dan perkembangan terkini yang berlaku dalam penguatkuasaan institusi WH.

Dalam penguatkuasaan, kredibiliti pegawai sangat perlu diambil kira demi kelancaran pelaksanaan syariat. Kredibiliti yang dimaksudkan adalah merupakan hasil latihan-latihan yang diberikan untuk meningkatkan profesionalisme anggota WH. Mereka mesti dibekalkan dengan kemahiran dan latihan bagaimana untuk menjalankan tugas yang memerlukan kemahiran tentang prosedur dan kaedah Qanun Jenayah Syariah itu sendiri. Tidak dapat dinafikan bahawa, selama ini terdapat banyak kritikan terhadap prosedur yang dijalankan oleh WH samaada dalam penyiasatan, penangkapan, penahanan, penggeledahan, penyitaan dan sebagainya. Hal ini membutuhkan kepada garis panduan yang selaras agar perkara-perkara di atas dapat dielakkan.

Bab ini membincangkan tentang polemik pelaksana undang-undang tentang kedudukan Wilayatul Hisbah, bidangkuasa, keanggotaan, kedudukan institusi WH di kota Banda Aceh dan Langsa, serta kaedah penguatkuasaan Qanun Jenayah Syariah membabitkan penyiasatan, pendakwaan pemeriksaan ataupun pelaksanaan hukuman. Pilihan kepada kedua daerah di atas sebagai skop kajian disebabkan kedua institusi WH di atas mempunyai kedudukan dan kondisi organisasi yang berbeza, sehingga dapat dijadikan sebuah perbandingan dalam kajian.

3.2 Polemik Pelaksanaan Undang-Undang tentang Kedudukan WH

Berkaitan dengan kedudukan struktur institusi WH dalam perundangan di Aceh, penulis mendapatkan beberapa pendapat samaada bersetuju WH bergabung dengan Satpol PP, tidak bersetuju atau memberikan idea pembentukan WH sebagai sesebuah agensi bebas berkaitan dengan kedudukan WH sebagai kesatuan daripada Satpol PP.

3.2.1 Pendapat bersetuju WH bergabung dengan Satpol PP

Secara legaliti undang-undang yang termaktub dalam UUPA tahun 2006 dan Qanun nombor 5 tahun 2007, WH merupakan bahagian daripada kesatuan Satpol PP.

Kedudukan tersebut dipersetujui oleh Samsuddin selaku Ketua Bahagian Penegakan Kesalahan pada Satpol PP dan WH provinsi sebagai kedudukan yang sesuai. Menurutnya, Dewan Legislatif sudah melakukan tinjauan mendalam ketika merancang perubahan kedudukan WH seperti yang sedang berjalan kini. Pengembalian kedudukan WH ke dalam kesatuan DSI menuntut semakan terhadap UUPA yang sangat sukar untuk dilakukan. Permintaan pengembalian ini terjadi ekoran daripada pandangan dari beberapa orang atau lembaga yang tidak memiliki kefahaman secara menyeluruh terhadap permasalahan WH, mereka hanya menjadikan kesalahan-kesalahan anggota Satpol PP sebagai alasan pengembalian WH ke DSI tanpa sebuah penilaian yang objektif.¹

Mukhtarmidi selaku Ketua Satpol PP (Kasatpol PP) dan WH di Kota Langsa memberikan pandangan yang sama dalam hal ini, walaupun mengakui bahawa pelaksanaan syariat di Kota Langsa berjalan lebih baik semenjak dikeluarkan Surat Perintah Tugas (selepas ini disebut SPT) dari Wali Kota. Berdasarkan perkara ini, pihak Satpol PP Langsa telah menjumpai ketua DSI untuk mengembalikan semula anggota WH ke institusi Satpol PP beberapa hari sebelum penulis melakukan temubual pada tanggal 19 Januari 2013. Permintaan ini telah mendapat persetujuan daripada Wali Kota. Namun, pada masa hadapan sejumlah anggota WH juga akan ditempatkan di DSI untuk menyokong pelaksanaan syariat yang dilakukan oleh DSI. Ketetapan ini sesuai dengan kandungan SPT yang menyebutkan bahawa penempatan WH di DSI “sesuai dengan keperluan” dan bukan kesemuanya kerana DSI tanpa WH tidak akan dapat menjalankan operasi, iaitu bagaikan harimau tanpa taring.²

¹ Samsuddin (Ketua Bahagian Penegakan Kesalahan Satpol PP dan WH, Provinsi Aceh), dalam temubual dengan penulis, 19 Januari 2013.

² Mukhtarmidi (Ketua Satpol PP dan WH, kota Langsa), dalam temubual dengan penulis, 15 March 2013.

3.2.2 Pendapat tidak bersetuju WH bergabung dengan Satpol PP

Pendapat yang tidak menyokong pengembalian WH ke dalam institusi DSI seperti sedia kala dinyatakan oleh Buspami³ (Ketua Bahagian Bina Syariat Islam DSI Langsa) dan Zulkifli⁴ (Setiausaha DSI Banda Aceh). Pendapat ini tentunya dengan pertimbangan keberkesanan dan kesesuaian kedudukan serta prestasi WH dan DSI. Hal ini dibuktikan dengan surat SPT dari wali Kota Langsa yang menitipkan dan meletakkan WH dalam institusi DSI setelah melakukan penilaian dan pengamatan terhadap keberkesanan kewujudan WH. Keputusan ini membuktikan bahawa syariat Islam dapat dijalankan dengan baik semasa WH berada bersama DSI.

Alasan kesesuaian tugas utama dan fungsi antara WH dan DSI dinyatakan oleh Zulkifli dalam mengungkapkan pendapatnya. Tugas WH memberikan bimbingan dan arahan kepada pelanggar syariat yang sejalan dengan tugas DSI, bukan melakukan penertiban umum dan pembongkaran sebagaimana tugas Satpol PP. DSI Banda Aceh pula akan selalu bersiap sedia untuk bersama-sama menjalankan tugas yang dipikul oleh WH jika kedudukannya dikembalikan kepada DSI.

Timbalan Pengerusi Majlis Permusyawaratan Ulama (MPU) Aceh, Muslim Ibrahim, (pernah menjawat jawatan sebagai ketua MPU untuk tempoh sebelumnya) menyokong pengembalian WH ke institusi DSI dengan pertimbangan dasar dan individual basic yang berbeza antara kedua-dua anggota institusi tersebut. Penggabungan WH dalam kesatuan Satpol PP pada dasarnya untuk menjalankan tugas dan kewajiban yang sama. Tugas pokok Satpol PP melakukan pengamanan terhadap peraturan daerah dan begitu juga tugas WH yang merupakan sebahagian daripada peraturan daerah, maka timbulah idea untuk menggabungkan antara Satpol PP dan WH dalam satu kesatuan. Namun

³ Buspami (Ketua Bidang Bina Syariat Islam Dinas Syariat Islam, Langsa) dalam temubual dengan penulis, 13 March 2013.

⁴ Zulkifli (Setiausaha Dinas Syariat Islam, kota Banda Aceh), dalam temubual dengan penulis, 28 Februari 2013.

begitu, ternyata dikotomi (pengasingan) antara syariat dan sivil sememangnya merupakan perkara yang tidak dapat dielakkan, sehingga pada minggu pertama penggabungan, WH telah menangkap Satpol PP kerana telah melanggar syariat. Kejadian ini menyebabkan hubungan anggota Satpol PP dan WH tidak harmoni dan menunjukkan bahawa penggabungan tersebut dilakukan tanpa kajian yang mendalam, kerana mereka memiliki latar belakang dan matlamat yang berbeza. Selain bersetuju terhadap pemisahan kedua-dua institusi tersebut, beliau juga mencadangkan penubuhan perlembagaan WH secara bebas sebagaimana institusi polis.⁵

Isu pengalihan kedudukan WH ke dalam DSI juga pernah disebut oleh Tarmizi A Karim (Gabenor Aceh sementara) pada tahun 2012 di Pendopo, namun pembahasannya tidak dipanjangkan kerana kebimbangan beberapa tokoh terhadap perubahan mata-mata lain dalam UUPA.⁶ Tidak kurang juga aksi tuntutan dari mahasiswa dan beberapa organisasi seperti tuntutan beberapa mahasiswa IAIN Ar-Raniry pada tanggal 8 Oktober 2012 “Mahasiswa IAIN Minta WH Dikembalikan Ke Dinas Syariat Islam”,⁷ organisasi Kesatuan Aksi Mahasiswa Muslim Indonesia (KAMMI) pada tanggal 26 Mac 2010 “Kembalikan WH Ke Dinas Syariat Islam”,⁸ Komunitas Komunikasi dan Informasi Rakyat Aceh (K2IR) pada tanggal 18 Januari 2013 “Kembalikan WH Ke Dinas SI”.⁹ Perkembangan berita tersebut dapat dilihat dari pelbagai liputan media di Aceh.

3.2.3 Pendapat penubuhan institusi WH sebagai agensi bebas

Selain pendapat yang bersetuju dan tidak bersetuju, terdapat pendapat dari pelaksana Qanun Jenayah Syariah yang memberikan idea dan cadangan agar WH dijadikan agensi

⁵ Muslim Ibrahim (Timbalan Ketua Majlis Permusyawaratan Ulama (MPU), Provinsi Aceh), dalam temubual dengan penulis, 11 Maret 2013.

⁶ Muzakkir (Ketua Bahagian Perundang-undangan Syariat Islam bidang bina hukum, Dinas Syariat Islam, Provinsi Aceh) dalam temubual dengan penulis, 2 Januari 2013.

⁷ atjehpost.com, <http://dpr-aceh.atjehpost.com/read/2012/10/08/23470/15/5/Mahasiswa-IAIN-Minta-WH-Dikembalikan-ke-Dinas-Syariat-Islam#.UWIVwTd9VBg>, dicapai 7 April 2013.

⁸ seputaraceh.com, <http://seputaraceh.com/read/4147/2010/03/26/kembalikan-wh-ke-dinas-syariat-islam>, dicapai 7 April 2013.

⁹ rakyataceh.com, <http://rakyataceh.com/index.php?open=view&newsid=30492&tit=LHOKSEUMAWE%20-%20Kembalikan%20WH%20ke%20Dinas%20SI>, dicapai 7 April 2013.

bebas. Hal ini dicadangkan oleh Riza Kamilin selaku Ketua Setiausaha Satpol PP dan WH Banda Aceh. Menurutnya, kewujudan WH samaada dalam institusi Satpol PP ataupun DSI bukanlah suatu permasalahan. Namun begitu, perkara yang perlu diberi perhatian di sini ialah mengenai kewujudan loyaliti Pengerusi Satpol PP dan WH dan pemeriksaan anggota WH. Pengerusi Satpol PP dan WH semestinya mempunyai keinginan dan pemahaman terhadap penguatkuasaan syariat Islam sebagaimana yang dimiliki oleh kakitangan DSI. Terkadang hal tersebut tidak dimiliki oleh pengerusi Satpol PP dan WH yang mempunyai latarbelakang pendidikan umum atau tugas utama yang berbeza, sehingga menyekat gerakan WH dalam penguatkuasaan Qanun Jenayah Syariah, dan berkesudahan dengan permintaan pemindahan WH supaya dikembalikan kepada DSI. Jika perkara tersebut berlaku, maka dapat disimpulkan bahawa pengerusi Satpol PP dan WH belum memiliki keinginan dalam penguatkuasaan syariat.¹⁰

Melihat kepada tugas yang dijalankan oleh WH yang juga merupakan sebahagian daripada tugas polis iaitu khamar dan maisir, begitu juga dengan peruntukan jenayah lain (yang belum diluluskan) tidak terlepas daripada kejadian jenayah. Maka Riza Kamilin mengatakan bahawa idealnya WH menjadi agensi yang bebas sebagaimana polis dan mendapat kemudahan yang sama. Pernyataan yang sama juga disampaikan oleh Taufiq Hidayat selaku bekas anggota WH Banda Aceh yang telah berkhidmat dari tahun 2006 hingga 2012 dan pernah menjawat jawatan sebagai komandan peleton (Danton) serta komandan regu (Danru), perkhidmatan tersebut berjalan sepanjang WH berada dalam institusi DSI dan berpindah ke Satpol PP.¹¹


¹⁰ Riza Kamilin (Ketua Setiausaha Satpol PP dan WH, kota Banda Aceh) dalam temubual dengan penulis, 27 Februari 2013.

¹¹ Taufiq Hidayat (Bekas Anggota WH, bertugas dari tahun 2006-2011), dalam temubual dengan penulis, 23 Februari 2013.

3.3 Keanggotaan Wilayatul Hisbah

Dalam usaha menyokong pelaksanaan tugas dan kewajiban WH, jumlah dan status keanggotaan penting untuk diambil perhatian sehingga penguatkuasaan syariat berjalan dengan efektif. Anggota WH dalam Kesatuan Satpol PP di Banda Aceh kini berjumlah 50 orang, lima orang berstatus sebagai Pegawai Negeri Sipil dan 45 lainnya merupakan kakitangan kontrak (berstatus tidak tetap), sedangkan penyiasat hanya seorang sahaja jumlahnya dan ditetapkan oleh Kementerian Hukum dan Ham (hak asasi manusia). Banda Aceh terdiri dari 9 (sembilan) wilayah iaitu Kuta Alam, Baiturrahman, Meuraxa, Lueng Bata, Banda Raya, Kuta Raja, Jaya Baru, Ulee Kareng dan Syiah Kuala. Wilayah-wilayah tersebut merupakan wilayah kerja anggota WH dalam pelaksanaan syariat. Jumlah wilayah tersebut tentunya tidak seimbang jika dibandingkan dengan jumlah anggota WH, apatah lagi majoriti anggotanya berstatus tidak tetap dan kontrak.¹²

Carta lokasi kesalahan syariat di kota Banda Aceh tahun 2012.



Carta pai di atas menunjukkan bidangkuasa kawasan, tugas dan keterangan Satpol PP dan WH Banda Aceh. Jelas bahawa terdapat kekurangan jumlah anggota WH sehingga

¹² Zakwan (Penyidik Pegawai Negeri Sipil (PPNS) Satpol PP dan WH, kota Banda Aceh), dalam temubual dengan penulis, 28 Februari 2013. Dan Riza Kamilin.

menghadapi cabaran besar dalam menjalankan pengawasan dan penguatkuasaan pelaksanaan Qanun Jenayah Syariah. Begitu juga dengan kawasan yang paling tinggi peratusan berlakunya kesalahan syariat berlaku adalah di kawasan pelancongan yang berada jauh di pedalaman. Lima puluh orang anggota tidak begitu ramai berbanding dengan keperluan yang ada walaupun operasi bersepodu sering dilaksanakan dengan bantuan dari Satpol PP, polis dan pihak tentera. Akan tetapi, dalam hal ini penyertaan mereka hanyalah sekadar untuk membantu jika perlu.

Keanggotaan WH Langsa juga tidak terlalu berbeza dengan keadaan di Banda Aceh, anggota mereka terdiri daripada 82 orang dan semuanya berstatus tidak tetap. Namun dalam lembaga ini, belum terdapat penyiasat (PPNS) kerana status pegawai negeri sipil (PNS) merupakan syarat utama untuk menjadi PPNS, akan tetapi PNS belum terdapat dalam kesatuan Satpol PP dan WH Langsa. Keterbatasan ini sangat mencabar dalam melakukan penindakan kesalahan syariat, sehingga WH Langsa lebih berfungsi sebagai lembaga sosialisasi bukannya sebagai penindakan. Latihan PPNS pernah dijalankan di Kota Langsa akan tetapi surat keputusan (SK) pengiktirafan sebagai PPNS tidak diberikan. Dengan tiadanya penyiasat dalam kesatuan WH telah memberikan impak negatif berupa dakwaan inprosedural dalam penangkapan dan kegiatan pelaksanaan Qanun yang lainnya, akan tetapi hal itu tidak terjadi kerana masyarakat menghormati pelaksanaan syariat yang dijalankan.¹³

¹³ Buspami (Ketua Bidang Bina Syariat Islam Dinas Syariat Islam, Langsa) dalam temubual dengan penulis, 13 Maret 2013, dan Mukhtarmidi (Ketua Satpol PP dan WH, kota Langsa), dalam temubual dengan penulis, 15 Maret 2013.

Berikut adalah jadual yang menunjukkan jumlah anggota WH Banda Aceh dan Langsa secara ringkas:

Kawasan	PNS	Kontrak	Penyidik	Jumlah
WH Banda Aceh	4	45	1	50
WH Langsa	0	82	0	82

3.4 Kedudukan Institusi Wilayatul Hisbah Di Banda Aceh dan Langsa

Kedudukan institusi WH menentukan kejayaan dalam penerapan syariat Islam di Aceh, kerana institusi ini mengambil peranan penting dan bertanggungjawab dalam pengawasan dan penguatkuasaan terhadap Qanun Jenayah Syariah. Oleh itu, perkara ini memerlukan perbincangan dari pelbagai pihak samaada pengerusi legislatif, eksekutif, yudikatif, organisasi-organisasi Islam, sosial atau masyarakat sendiri.

Sesuai dengan amanat Undang-Undang Pemerintahan Aceh (UUPA) tahun 2006 dan diperjelas oleh Qanun nombor 5 tahun 2007, menyebutkan bahawa Wilayatul hisbah merupakan bahagian daripada kesatuan Satpol PP. Satpol PP dan WH pada dasarnya sama-sama menjalankan Peraturan Daerah hanya saja memiliki spesialisasi bidang masing-masing, Satpol PP menjalankan penguatkuasaan peraturan daerah seperti pajak bumi dan bangunan, keizinan mendirikan hotel, sedangkan WH menjalankan Qanun syariat Islam yang telah diatur dalam Qanun jenayah. Kedudukan WH sesuai dengan undang-undang tersebut majoriti berjalan di kabupaten/kota di Aceh seperti Banda Aceh.

Terdapat beberapa daerah yang menjalankan sistem Wilayatul Hisbah tetapi tidak sesuai dengan peruntukan undang-undang di atas, contohnya Wilayatul Hisbah Kota Langsa. Secara struktural bermula pada tahun 2008 ia sudah berada dalam kesatuan Satpol PP


dan berjalan sesuai dengan ketetapan perundangan yang ada. Akan tetapi pada tahun 2011 terjadi perubahan dalam kedudukan iaitu dalam menjalankan kegiatan di lapangan WH berada di bawah kebijakan Dinas Syariat Islam walaupun secara struktural dan pentadbiran tetap berada dalam Kesatuan Satpol PP. Perbezaan kedudukan ini wujud berikutan permintaan daripada Ibrahim Lathif selaku pengurus DSI Langsa pada ketika itu (2011) kepada wali kota (almarhum Zulkifli Zainun) dengan mengambil kira kesan pelaksanaan syariat dan pelbagai pertimbangan yang lain, maka surat perintah tugas dikeluarkan untuk menempatkan WH dalam DSI sebagai penyokong pelaksanaan syariat.¹⁴

Kabupaten Meulaboh juga pernah memohon supaya WH dipindahkan kepada DSI, namun setelah perbincangan dengan biro hukum pejabat Gabenor dilakukan, permintaan tersebut telah ditolak. Permintaan yang sama turut terjadi di Aceh Selatan dan Aceh Singkil, bahkan lebih unik dimana WH di Aceh Singkil disatukan dengan DSI dan kesatuan bomba dalam satu kesatuan.¹⁵ Dalam penulisan ini, penulis memfokuskan kajian terhadap Kota Banda Aceh dan Langsa untuk mengkaji kedudukan dan bidangkuasa serta cabaran yang ada.


¹⁴ Buspami (Ketua Bidang Bina Syariat Islam Dinas Syariat Islam, Langsa) dalam temubual dengan penulis, 13 Maret 2013.

¹⁵ Muzakkir (Ketua Bahagian Perundang-undangan Syariat Islam bidang bina hukum, Dinas Syariat Islam, Provinsi Aceh) dalam temubual dengan penulis, 2 Januari 2013.

Struktur Organisasi Satuan Polisi Pamong Praja Dan Wilayatul Hisbah Kota Banda Aceh 2013:



Struktur Organisasi Satuan Polisi Pamong Praja Dan Wilayatul Hisbah Kota Langsa 2013:



Dari struktur institusi Satpol PP dan WH kota Banda Aceh dan Langsa di atas, dapat dilihat bahawa tidak ada pemisahan antara anggota WH dan Satpol PP dalam perlombagaan tersebut, bahkan sukar untuk dibezakan antara Satpol PP dan WH kecuali dari pakaian seragam yang digunakan. Namun, kini kebanyakan dari anggota WH telah

memakai pakaian Satpol PP seperti yang terjadi di pejabat Satpol PP dan WH Provinsi dan Banda Aceh sehingga sukar untuk dibezakan. WH kota Langsa juga mempunyai struktur dengan bahagian-bahagian yang sama dengan kota Banda Aceh, tetapi anggota WH Langsa masih memakai pakaian WH dan bertugas di pejabat DSI. Walaupun struktur WH sewaktu dalam kesatuan DSI, WH berada di bawah Ketua bahagian pengawasan dan pengendalian syariat, namun penulis tidak mendapatkan salinan struktur tersebut.

Statistik kesalahan yang terdapat di Satpol PP dan WH Banda Aceh dan Langsa tentunya akan memberikan gambaran kesungguhan WH dalam melakukan pengawasan terhadap pelaksanaan syariat samaada semasa bersama DSI ataupun bersama Satpol. Berikut merupakan data kesalahan yang diperoleh dari Satpol PP dan WH Banda Aceh dan DSI Langsa.

Statistik kesalahan Qanun Jenayah Syariat di Banda Aceh:

No	QANUN	KES KESALAHAN						JUMLAH
		2007	2008	2009	2010	2011	2012	
1	Qanun no. 11 2002 tentang pelaksanaan syariat Islam bidang aqidah, ibadah dan syiar Islam	278	265	125	364	139	106	1277
2	Qanun no. 12 2003 tentang khamar	8	14	0	0	18	3	43
3	Qanun no. 13 2003 tentang maisir	3	1	0	0	0	8	12
4	Qanun no. 14 2003 tentang khalwat	256	164	107	156	126	223	1032

Statistik kesalahan Qanun Jenayah Syariah di Langsa:

No.	QANUN	KES KESALAHAN				JUMLAH
		2009	2010	2011	2012	
1	Qanun no. 11 2002 tentang pelaksanaan syariat Islam bidang aqidah, ibadah dan syiar Islam	46	48	7	1951	2052
2	Qanun no. 12 2003 tentang khamar	5	0	1	68	74
3	Qanun no. 13 2003 tentang maisir	0	0	53	36	89
4	Qanun no. 14 2003 tentang khalwat	58	35	20	186	299

Statistik kesalahan WH Banda Aceh di atas menunjukkan angka kesalahan yang direkod setelah WH dengan Satpol PP dalam satu kesatuan. Namun begitu, penulis tidak mendapatkan data kesalahan yang berlaku ketika WH berada di bawah DSI sebagaimana struktur di atas. Dari sini dapat diperhatikan beberapa perkara, pertamanya ialah data kesalahan terhadap Qanun khamar dan maisir merupakan paling sedikit jika dibandingkan dengan Qanun tentang pelaksanaan syariat dan khawat. Pada tahun 2009 dan 2010 tidak ada kesalahan yang dicatatkan bagi kesalahan khamar sehingga tahun 2011 bagi Qanun maisir. Keduanya ialah angka kesalahan mengalami penurunan dari tahun ke tahun kecuali terdapat sebahagian kecil kesalahan Qanun pelaksanaan syariat yang meningkat pada tahun 2010 dan kesalahan khawat pada tahun 2012.

Menurut penulis, statistik kesalahan terhadap Qanun khamar dan maisir yang sedikit disebabkan oleh kelemahan penguatkuasaan daripada WH, sifat ego penjenayah, serta kesalahan yang majoritinya dilakukan oleh orang-orang atau kelompok yang mempunyai kuasa ataupun sokongan dari pihak lain. Sedangkan kesalahan terhadap Qanun pelaksanaan syariat dan khawat majoriti dilakukan oleh masyarakat biasa sehingga lebih mudah dalam proses penguatkuasaan. Penurunan angka kesalahan dari tahun ke tahun juga menunjukkan kesungguhan WH dalam perlaksanaan syariat. Kemungkinan hal tersebut berlaku kerana meningkatnya kesedaran dalam kalangan masyarakat. Namun begitu, di lapangan tidak menunjukkan perkara yang sebenar.

WH Kota Langsa pada tahun 2009 sampai 2011 berada dan bergerak bersama Satpol PP, namun berdasarkan surat SPT dari Wali Kota di tahun 2011, maka tahun 2012 WH berada di bawah koordinasi DSI dalam kegiatan di lapangan. Dari sini dapat dilihat bahawa jumlah kesalahan yang direkod lebih banyak pada tahun 2012 berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya. Kesalahan Qanun khamar dan maisir juga berada pada angka kesalahan yang sedikit. Di sini dapat dibezakan tahap kesungguhan WH dalam

pengawasan syariat samaada ketika berada dalam Satpol PP secara utuh maupun ketika surat SPT tersebut wujud.

Berdasarkan Jadual rekod statistik kesalahan Qanun Jenayah Syariah Banda Aceh dan Langsa di atas dapat dilihat bahawa kadar pengendalian kes khamar dan maisir lebih rendah daripada kes khawat dan pelaksanaan syariat Islam di bidang aqidah, ibadah dan syiar Islam. Keadaan yang sama juga dapat dilihat pada Jadual data pelanggaran Qanun Jenayah Syariah di Kota Langsa. Selain daripada sifat ego pelaku jenayah, kadang kala WH tidak disokong oleh peralatan yang mencukupi untuk menjalankan tugas terhadap pesalah Qanun khamar dan maisir. Antara kes yang dihadapi WH, apabila penjenayah menggunakan senjata tajam seperti parang, WH hanya dapat menenangkan mereka supaya tidak berlaku anarkis, jika perkataan mereka tidak didengari, maka WH tidak dapat berbuat sebarang tindakan.

3.5 Bidangkuasa Wilayatul Hisbah

Melalui keputusan Gabenor nombor 1 tahun 2004 tentang pembentukan organisasi dan tata kerja Wilayatul Hisbah, dapatlah difahami bahawa bidangkuasa WH sangat terbatas, lebih-lebih lagi apabila harapan dan tanggapan masyarakat bahawa WH berada di garis yang paling hadapan, dan boleh terlibat dalam apa sahaja kes atau perkara kerana setiap kes atau perkara tersebut tidak akan terlepas dari syariat Islam.

Setelah WH dan Satpol PP disatukan dalam satu institusi, bidangkuasa penangkapan, penahanan, penggeledahan dan penyitaan telah pun disebutkan dalam Qanun sebagaimana termaktub dalam Qanun nombor 5 tahun 2007 tentang susunan organisasi dan tata kerja dinas, lembaga pelaksana daerah dan lembaga daerah. Sebagaimana berikut:

“h. melakukan penangkapan, penahanan, penggeledahan, dan penyitaan; i. menyamar sebagai pelanggan, pemakai atau pembeli dalam hal ada dugaan kesalahan larangan Khalwat, khamar dan maisir, setelah mendapat surat perintah untuk itu; j. melakukan pemeriksaan dan penyitaan surat; k. mengambil sidik jari dan memotret seseorang.”¹⁶

Walaupun bidangkuasa penahanan dan penangkapan telah tertulis dalam Qanun, namun, untuk menjalankan tugas ini memerlukan kepada Penyidik Pegawai Negeri Sipil (PPNS). Keterbatasan bidangkuasa tersebut bermula dari keadaan anggota WH yang tidak berstatus Pegawai Negeri Sipil (PNS), apatah lagi penyiasat. PPNS secara undang-undang berfungsi sebagai penyiasat dan dapat melakukan sebahagian dari tugas-tugas polis seperti menangkap, menggeledah, menyita dan menahan seseorang yang dianggap perlu demi tertegaknya peraturan dan undang-undang. Sementara waktu ini, WH yang tidak memiliki penyiasat tidak dapat melakukan apa-apa tindakan kerana dapat diprakehakiman dengan tuduhan tidak mengikut prosedur kecuali dalam kes tangkapan suspek (tertangkap tangan) (akan dibahas dalam poin selanjutnya dalam bab ini) dan kemudiannya diserahkan kepada penyiasat Polri.

Perbezaan antara kes syariah dan kes sivil yang lainnya adalah dari penahanan. Dalam Qanun Jenayah Syariah, terdapat peruntukan sebatan dan hukuman penjara yang tidak memenuhi syarat penahanan sesuai dengan KUHAP sehingga suspek tidak dapat ditahan. Kebanyakan suspek yang tidak hadir dalam eksekusi (pelaksanaan hukuman) menghilangkan diri ketika kes masih dalam pengendalian WH. Bahagian Pendakwaan akan memberi amaran apabila suspek tidak menghadirkan diri namun suspek tetap berdegil bahkan lari meninggalkan tempat tinggalnya. Hal ini telah dibahas dalam seminar-seminar bersama DSI dan pihak yang berkaitan tetapi belum menemui jalan penyelesaiannya. Penyelesaian dapat diwujudkan dengan membuat peruntukan agar

¹⁶ Qanun nombor 5 tahun 2007 tentang susunan organisasi dan tata kerja dinas, lembaga teknis daerah dan lembaga daerah provinsi Nanggroe Aceh Darussalam. (pasal 205 poin h sampai k).

suspek kes jenayah dapat ditahan (hukum acara jenayah syariah).¹⁷ Keadaan ini telah mempengaruhi psikologi anggota WH dalam menjalankan tugas, kerana mereka telah bersusah payah menangkap pelaku, namun akhirnya terlepas dan tidak dapat berbuat apa-apa.

3.6 Kaedah Penguatkuasaan Qanun Jenayah Syariah

Qanun Jenayah Syariah hendaklah dipertahankan dengan suatu mekanisme dan prosedur penguatkuasaan undang-undang yang mengatur bagaimana cara-cara mengajukan kes jenayah ke mahkamah, dan bagaimana hakim menjatuhkan hukuman kepada penjenayah. Mekanisme dan prosedur tersebut disebut dengan hukum acara jenayah, sedangkan dalam undang-undang jenayah Islam disebut sebagai *Qānūn al-murāfa'āt* atau *Qānūn al-ijrāāt al-qadhāiyah*. Dalam peruntukan undang-undang Indonesia, undang-undang acara jenayah telah dikodifikasi dalam kitab khusus iaitu Kitab Undang-Undang Hukum Acara Jenayah (KUHAP), sedangkan hukum (substantif) tersusun dalam kitab yang disebut Kitab Undang-Undang Hukum Jenayah (KUHP).

Qanun Jenayah Syariah sebagai undang-undang substantif dalam jenayah syariah belum memiliki hukum acara tersendiri. Oleh kerana itu, proses pelaksanaan acara syariah sepenuhnya berpandukan kepada KUHAP. Hal ini tidak bertentangan dengan ketetapan KUHAP, kerana dalam bab II pasal 2 KUHAP tentang ruang lingkup dinyatakan bahawa “Undang-undang ini berlaku untuk melaksanakan tata cara peradilan dalam lingkungan peradilan umum pada semua tingkat peradilan.” Selanjutnya dalam pasal 10 ayat 1 disebutkan bahawa:

“Perbedaan dalam empat lingkungan peradilan ini (Peradilan Umum, Peradilan Agama, Peradilan Militer dan Peradilan Tata Usaha Negara), tidak menutup kemungkinan adanya

¹⁷ Mukhzan (Ketua Bahagian Tindak Jenayah Umum Kejaksaan, kota Banda Aceh) dalam temubual dengan penulis, 4 Maret 2013.

pengkhususan atau spesialisasi dalam masing-masing lingkungan, misalnya dalam peradilan umum dapat diadakan pengkhususan berupa Pengadilan Lalu Lintas, Pengadilan Anak, Pengadilan Ekonomi dan sebagainya”.

Berdasarkan ketetapan di atas, maka M. Yahya Harahap¹⁸ menyimpulkan bahawa KUHAP dapat digunakan untuk mengadili kes-kes di luar kategori hukum jenayah umum, iaitu hukum jenayah khusus seperti kejahanan jenayah ekonomi, kejahanan jenayah anak, kejahanan jenayah imigrasi dan sebagainya. Dengan demikian, Qanun yang berkaitan dengan jenayah syariah termasuk dalam wilayah hukum jenayah khusus, dan tidak bertentangan dengan hukum seandainya aturan KUHAP diterapkan dalam kes jenayah syariah.

Proses hukum acara jenayah terdiri dari tiga tahap, pertamanya penyiasatan yang dilakukan oleh polis atau PPNS, keduanya ialah tuntutan yang dilakukan oleh Bahagian Pendakwaan dan ketiganya ialah pemeriksaan yang merupakan kuasa mahkamah. Tahap-tahap dalam proses penyiasatan meliputi penyiasatan, penangkapan, penahanan, penggeledahan, penyitaan, pemanggilan, pemeriksaan oleh penyiasat, penyusunan fail kes serta pelimpahan kes kepada pendakwa. Proses tuntutan pula terdiri daripada pemeriksaan kelengkapan fail, menyusun surat tuntutan serta melaporkan kes ke mahkamah. Sedangkan tahap pemeriksaan yang dilakukan mahkamah adalah dengan menghadirkan pihak-pihak terbabit seperti orang yang didakwa, pendakwa raya, saksi dan lain-lain. Selepas itu, tibaalah saat penentuan, iaitu penetapan keputusan mahkamah.¹⁹

¹⁸ M. Yahya Harahap, *Pembahasan Permasalahan Dan Penerapan KUHAP: Penyidikan dan Penuntutan*, (Sinar Grafika, ed. ke-2, cet. ke-5, 2003), 35.

¹⁹ Marah Halim, “sistem Penegakan Hukum Dalam Pelaksanaan Syariat Islam Di NAD”, *Dimensi Pemikiran Dalam Implementasi Syariat Islam Di Aceh*, (Cet. ke-2, Dinas Syariat Islam, 2011), 43-50.

Dalam KUHAP²⁰ disebutkan tiga latar belakang yang berkemungkinan diketahui suatu delik (kesalahan) jenayah:

1. Tertangkap tangan (ditangkap ketika jenayah berlaku)
2. Laporan atau aduan
3. Diketahui terus oleh penyiasat

Tiada perbezaan antara kesalahan jenayah umum atau jenayah khusus dengan yang lainnya, delik-delik jenayah syariah juga boleh diketahui jika memenuhi salah satu syarat atau secara gabungan memenuhi ketiga-tiga syarat yang dinyatakan di atas. Gabungan di atas bermaksud, jika terdapat sesuatu kes yang diketahui oleh penyiasat berdasarkan laporan atau aduan dari masyarakat ataupun penyiasat mengetahui kes tersebut secara langsung, maka akan dilakukan tangkapan terhadap suspek.

Pada umumnya, kesalahan-kesalahan syariat yang telah diproses di mahkamah tertumpu kepada cara gabungan seperti yang dinyatakan di atas. Misalnya kes maisir, pada mulanya diketahui berdasarkan laporan masyarakat, seterusnya WH atau Polis mengambil tindakan dengan membuat serbuan ke tempat kejadian dan jika terbukti kesalahan seperti yang dilaporkan, maka WH atau Polis akan menangkap dengan menggari tangan suspek. Oleh yang demikian, dapat dikatakan bahawa kesalahan syariat ketika ini dan mungkin pada masa hadapan diketahui dengan cara tertangkap tangan.²¹ Namun pada masa hadapan, tentunya akan berlaku perubahan dan tuntutan penambahan kuasa WH dalam penyelesaian kes seiring dengan penambahan Qanun Jenayah Syariah dalam pelbagai bidang disebabkan kes-kes yang ditangani tidak jauh berbeza dengan kes-kes yang dihadapi oleh polis. Hal ini sudah semestinya akan

²⁰ Andi Hamzah, *KUHP & KUHAP*, (Rineka Cipta, cet. ke-17, 2011), 232-233. (KUHAP bab 1, pasal, butir 19, 24 dan 25).

²¹ Al Yasa' Abubakar, Marah Halim, *Hukum Jenayah Islam Di Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam*, (Dinas Syariat Islam Provinsi NAD, 2006), 96.

membolehkan penyiasatan dilakukan dengan lebih terperinci dan tidak hanya sekadar menangkap tangan suspek sahaja.

Dalam KUHAP, terdapat empat kategori penangkapan suspek, pertamanya, apabila suspek sedang melakukan perbuatan jenayah, kedua, suspek baru sahaja selesai melakukan jenayah, ketiga, diserukan oleh khayalak ramai sebagai pelaku jenayah, dan keempatnya ialah apabila suspek ditangkap, didapati padanya benda ataupun alatan yang digunakan untuk melakukan jenayah.²² Seterusnya, penulis akan menerangkan tentang tiga tahap utama undang-undang acara Qanun Jenayah Syariah iaitu penyiasatan, penuntutan dan pemeriksaan.

3.6.1 Penyiasatan

Penyiasatan merupakan rangkaian tindakan penyiasat dengan mencari dan mengumpulkan bukti untuk menjelaskan tentang perbuatan jenayah yang berlaku dan sehingga menemui suspek yang dikehendaki. Ia merupakan proses awal dalam menangani suatu perbuatan jenayah yang dijalankan oleh polis atau PPNS untuk menyusun fail kes dan menyerahkan kepada bahagian pendakwaan selaku pendakwa raya. Tahap penyiasatan ini merupakan syarat bagi pelaku tindak jenayah supaya dapat diadili.

Disebabkan kesalahan jenayah syariah tertumpu kepada delik penangkapan suspek (tertangkap tangan) berdasarkan laporan dan pengaduan atau tangkapan terus oleh pihak penguatkuasa, maka penyiasatan di sini akan dibahaskan mengikut kesesuaian konteks antara delik jenayah syariah bukan delik-delik jenayah sivil. Terdapat beberapa daripada rangkaian proses penyiasatan yang berlaku pada delik jenayah sivil namun tidak sesuai untuk diterapkan pada delik-delik jenayah syariah.

²² Andi Hamzah, *KUHP & KUHAP*, 232. (KUHAP bab 1, pasal 1, butir 19)

3.6.1.1 Maklumat dan aduan

Laporan merupakan pemberitahuan yang disampaikan oleh seseorang kepada penguatkuasa tentang tindak jenayah samaada telah atau sedang berlaku atau di duga akan terjadi. Setelah menerima laporan, penyiasat wajib melakukan tindakan penyiasatan yang diperlukan. Laporan atau pengaduan yang diterima samaada secara lisan mahupun tertulis mesti tandatangani oleh penyiasat. Dalam hal pelapor atau pengadu tidak dapat menulis, hal tersebut disebutkan dalam catatan laporan atau pengaduan.

Dalam amalan di lapangan, kesalahan jenayah yang berlaku seperti kes khalwat, masyarakat jarang membuat laporan atau aduan kepada penguatkuasa WH. Mereka menunggu sehingga kesalahan khalwat atau zina tersebut terjadi, kemudian mengambil tindakan dengan menangkap pelaku bersama-sama, setelah itu baru diserahkan kepada WH. Hal ini berlaku kerana masyarakat mengetahui bahawa pelanggar Qanun jenayah hanya dapat ditangkap dalam keadaan yang mencurigakan atau sedang melakukan perkara terkutuk.

3.6.1.2 Penangkapan dan penahanan pada kes tertangkap tangan

Penangkapan merupakan suatu tindakan penyiasat berupa pengekangan sementara waktu kebebasan suspek orang yang didakwa dengan bukti yang didapati sudah mencukupi untuk digunakan sewaktu penyiasatan, penuntutan atau peradilan. Sedangkan penahanan merupakan penempatan suspek atau orang yang didakwa di tempat tertentu oleh penyiasat, pendakwa raya atau hakim. Setelah penangkapan dilakukan, maka ada dua kemungkinan yang akan berlaku, pertamanya, melakukan penahanan terhadap pelaku tindak jenayah jika terbukti perbuatan tersebut adalah tindak

jenayah dan keduanya, melepaskan suspek yang ditahan jika perbuatan tersebut bukan tindak jenayah.

Berdasarkan Keputusan Gabenor No.01 tahun 2004 tentang pembentukan dan tata kerja Wilayatul Hisbah, bidangkuasa tertinggi WH adalah melaporkan kes kepada penyiasat. WH tidak mempunyai kuasa menangkap, menahan, menggeledah dan fasa seterusnya, akan tetapi dengan adanya ketetapan tentang penahanan suspek yang diragui secara langsung (tertangkap tangan) dalam KUHAP, maka halangan tersebut dapat diketepikan.²³ Dalam pasal 111, KUHAP menjelaskan ketetapan tentang penahanan suspek yang diragui secara langsung bahawa “berhak” bagi setiap orang, sedangkan orang yang mempunyai kuasa undang-undang dalam ketertiban, ketenteraman dan keamanan umum adalah “wajib” untuk menangkap suspek dan menyerahkan kepada penyiasat samaada dengan barang bukti ataupun tidak.²⁴

Oleh kerana itu, WH sebagai institusi yang melakukan pengawasan terhadap pelaksanaan Qanun Jenayah Syariah lebih berhak melakukan tangkapan terhadap kegiatan jenayah yang sedang dilakukan daripada masyarakat biasa. Dalam amalan seharian, kedua-dua pihak tersebut saling bekerjasama dalam melakukan penangkapan, bermula dari laporan masyarakat kepada WH dan kemudiannya bersama-sama menyerbu ke tempat kejadian. Setelah penangkapan dilakukan, maka penguatkuasa akan mengklarifikasi status pelaku sebagai warga tempatan ataupun pendatang, kemudian diselesaikan samaada dengan cara peringatan dari pihak WH atau diserahkan kepada RAG/RAM atau kepada penyiasat untuk diselesaikan secara undang-undang.

Penangkapan yang dilakukan oleh masyarakat ataupun WH mesti diserahkan kepada penyiasat dalam tempoh 24 jam. Apabila penyiasat telah menerima pelaku tindak jenayah samaada dari WH, masyarakat mahupun RAG/RAM, maka ia mesti memeriksa

²³ Al Yasa Abubakar, Marah Halim, *Hukum Jenayah Islam*. 99.

²⁴ Andi Hamzah, *KUHP dan KUHAP*, 277. (KUHAP bab XIV, bagian kedua, pasal 111).

kes tersebut secepatnya, ia merupakan hak suspek dan kewajiban penguatkuasa. Apabila diperlukan, penyiasat dapat melakukan penahanan untuk beberapa ketika berasesuaian dengan delik-delik jenayah syariat yang termasuk dalam delik jenayah ringan.

3.6.1.3 Penggeledahan dan penyitaan

Penggeledahan terbahagi kepada dua, pertamanya penggeledahan rumah iaitu tindakan penyiasat untuk memasuki tempat tinggal suspek atau tempat-tempat tertutup untuk melakukan pemeriksaan, dan atau penyitaan, dan atau penangkapan. Dan keduanya adalah penggeledahan badan iaitu berupa tindakan penyiasat memeriksa badan atau pakaian suspek untuk mencari benda yang disyaki terdapat pada badannya atau yang dibawa olehnya serta untuk disita. Penyitaan pula bermaksud tindakan penyiasat untuk mengambil alih dan atau di bawah penguasaannya samaada benda bergerak atau tidak bergerak, wujud atau tidak wujud untuk dijadikan bukti dalam penyiasatan, penuntutan dan peradilan.²⁵

Kedua-dua kaedah ini dapat digunakan dalam delik-delik jenayah syariah. Penggeledahan rumah misalnya dapat dilakukan untuk kes khamar yang mana suspek menyimpan minuman memabukkan samaada dalam rumah ataupun tempat tertutup. Begitu juga dalam kes maisir yang menggunakan barang atau alat tertentu seperti kad ataupun mesin judi. Penggeledahan juga boleh berlaku dalam kes khalwat seperti penggeledahan yang dilakukan di salon kecantikan yang disyaki sebagai tempat maksiat. Adapun penggeledahan badan yang biasanya dilakukan sangatlah erat dengan kes yang memerlukan penangkapan suspek secara terus bagi melakukan pemeriksaan badan suspek untuk mendapatkan bahan bukti.

²⁵ *Ibid.*, 231-232 (KUHAP bab 1, pasal 1, butir 16-18)

Apabila penyiasat mendapat barang yang disyaki digunakan sebagai objek atau sesuatu benda untuk melakukan jenayah, maka perlunya dilakukan penyitaan bagi mengelakkan kehilangan barang-barang bukti yang telah dijumpai. Seterusnya, barang-barang sitaan yang telah ditemui menjadi tanggungjawab pihak penguatkuasa untuk disimpan di rumah penyimpanan benda sitaan negara, dan sesiapa sahaja dilarang menggunakan barang tersebut. Akan tetapi, jika barang tersebut mudah rosak atau mengandungi unsur yang membahayakan untuk disimpan, maka ia boleh dijual atau dilelong dengan syarat mendapat keizinan dari pihak berkuasa secepat mungkin dan perlu menyimpan sebahagian kecil sahaja daripada barang tersebut untuk dijadikan bahan bukti. Apapun, hasil lelongan barang tersebut akan digunakan sebagai bahan bukti.²⁶

3.6.1.4 Pemeriksaan oleh penyiasat

Setelah proses yang dijalankan bersesuaian dengan undang-undang yang telah ditetapkan, maka pelaku beserta saksi-saksi terbabit mesti diperiksa dengan segera oleh penyiasat. Dalam kes jenayah syariah, terdapat dua kemungkinan yang menyebabkan suatu kes sampai kepada tahap penyiasatan penguatkuasa, pertamanya kerana pelaku berstatus pendatang. Keduanya, pelaku adalah warga tempatan, tetapi jika ada sesuatu benda yang tidak dapat diadili oleh RAG/RAM, maka kes tersebut diserahkan kepada pihak penyiasat.

Ketika proses pemeriksaan berjalan, penyiasat mesti mengambil berat terhadap hak-hak suspek sebagaimana yang termaktub dalam KUHAP. Antaranya adalah seperti hak untuk diperiksa segera, hak mendapatkan juru bahasa, hak mendapatkan bantuan peguam, menghubungi penasihat peguam, menerima kunjungan doktor dan kerohanian, hak untuk dikunjungi keluarga, mengajukan saksi, hak membuat rayuan dalam

²⁶ *Ibid.*, 251-251. (KUHAP, pasal 44 dan 45).

keputusan kes serta hak untuk mendapatkan ganti rugi dan pemulihan (rehabilitasi).²⁷

Hak bantuan peguam yang diberikan KUHAP bukannya secara percuma kerana delik-delik syariat tidak dikenakan hukuman melebihi lima tahun, jika mampu akan mendapatkan bantuan peguam tersebut. Perlu difahami bahawa bantuan peguam di sini bersifat pasif iaitu tidak diberi hak berbicara atau menjawab, ia hanya bertugas untuk mengawasi pemeriksaan yang dilakukan oleh penyiasat. Namun demikian, kewujudan bantuan peguam di atas bertujuan untuk mengawasi penyiasat supaya tidak bertindak sesuka hati seperti ugutan (intimidasi) dan paksaan serta dapat memberikan sokongan moral kepada suspek. Lebih dari itu, tugas peguam juga akan memastikan bahawa saksi akan mendapat hak yang sama dengan suspek iaitu terlepas dari segala tekanan dan sebarang ugutan.

Setelah proses pemeriksaan terhadap suspek dan saksi dilakukan, penyiasat boleh menghentikan atau meneruskan kes tersebut dengan menyusun fail dan menyerahkan kepada pendakwa raya. Penghentian penyiasatan kes dilakukan samaada kerana tidak cukup bukti, tindakan tersebut bukan tindakan jenayah, ataupun dihentikan kerana alasan hukum yang memerlukan penyiasatan diberhentikan, kes sudah pernah diputuskan, suspek wafat ataupun kerana tamat.²⁸

3.6.1.5 Penyusunan dan penyerahan fail kes

Proses selanjutnya adalah penyusunan fail kes untuk diserahkan kepada pendakwa raya. Fail kes dalam delik-delik syariah lebih mudah dibandingkan dengan berkas kes umum yang tertera dalam KUHP. Hal ini adalah kerana delik yang ditangkap secara langsung akan terus dilakukan siasatan bermula dari pemeriksaan di tempat kejadian,

²⁷ *Ibid.*, 255-259. (KUHAP, bab VI, pasal 50-68).

²⁸ Al Yasa Abubakar, Marah Halim, *Hukum Jenayah Islam*, 108.

penangkapan, penahanan, penggeledahan, dan penyitaan barang bukti, bahkan saksi juga boleh didapati terus pada waktu itu.

Namun berbeza pula dengan kes yang memerlukan kepada penyiasatan kerana setiap tindakan yang dibuat perlu disesuaikan dengan kes jenayah syariah yang memerlukan kepada pemeriksaan terhadap suspek, penangkapan, penahanan, penggeledahan, pemeriksaan rumah, penyitaan benda, pemeriksaan surat, pemeriksaan saksi, pemeriksaan di tempat kejadian, serta pelaksanaan tindakan lain yang sesuai dengan ketetapan. Penyusunan fail kes disusun dengan ketetapan KUHAP yang mengandungi perkara-perkara berikut:

1. Tarikh melakukan siasatan
2. Kejahatan jenayah yang dilakukan meliputi masa, tempat, serta keadaaan semasa tindak jenayah dilakukan;
3. Identiti suspek dan saksi-saksi berupa nama, tempat tinggal serta keterangan lain yang diperlukan seperti umur, warga negara, agama, dan lain-lain;
4. Catatan akta atau benda;
5. Serta keterangan lain yang dianggap perlu untuk kepentingan penyelesaian kes;²⁹

Setelah segala ketetapan yang dinyatakan di atas sudah lengkap sebagaimana di atas, maka penyerahan fail dilakukan berdasarkan dua tahap, pertamanya ialah penyerahan fail kes sahaja dan keduanya ialah penyerahan suspek dan barang bukti kepada pendakwa raya. Penyerahan tahap pertama dilakukan dalam tempoh 14 hari, apabila sebelum atau sampai masa itu pendakwa raya menyatakan fail sudah lengkap, maka langsung disusun dengan penyerahan tahap kedua. Apabila fail dinyatakan belum lengkap, kewajiban penyiasat untuk melengkapkan semula dalam masa 14 hari lagi.³⁰

Dalam delik syariah kemungkinan kekurangan bukti atau kekurangan fail kes lainnya

²⁹ Andi Hamzah, *KUHP dan KUHAP*, 280. (KUHAP pasal 121).

³⁰ Mukhzan (Ketua Bahagian Tindak Jenayah Umum Kejaksaan, kota Banda Aceh) dalam temubual dengan penulis, 4 Maret 2013.

sangat kecil, kerana penyiasatan dilakukan berdasarkan suspek yang diragui, dan ia termasuk dalam tindak jenayah ringan yang diproses dengan mudah dan ringan dalam masa tiga hari.

3.6.2 Penuntutan dan penyusunan surat tuntutan

Setelah menerima fail kes dari penyiasat, pendakwa raya perlu menjalankan tindakan pra-penuntutan dengan memahami dan meneliti fail tersebut dalam masa tujuh hari. Setelah itu, pendakwa raya wajib memberitahu dan melaporkan kepada penyiasat samaada fail tersebut sudah lengkap atau sebaliknya. Jika fail tersebut sudah lengkap, maka surat tuntutan segera dibuat oleh pendakwa raya untuk diajukan kepada mahkamah yang berkuasa supaya diperiksa dan diberi diputuskan oleh hakim. Keadaan ini berbeza dengan kes jenayah syariah yang lebih mudah dan penyusunan surat dakwaan tidak memerlukan waktu yang lama. Jika fail kes dari penyiasat sudah lengkap, maka masa yang diperlukan oleh pendakwa raya untuk menyusun surat dakwaan dan diserahkan kepada mahkamah maksimum adalah empat hari, namun jika kurang dari tempoh tersebut, maka akan lebih baik lagi bagi suspek.³¹

Sesuai dengan peruntukan yang telah sedia ada, surat dakwaan dibuat dan diberi tarikh serta ditandatangani dengan menggabungkan perkara-perkara berikut:

1. Nama lengkap, tempat lahir, umur, tarikh lahir, jantina, warganegara, tempat tinggal, agama dan pekerjaan suspek;
2. Penjelasan terperinci mengenai tindak jenayah yang dituntut dengan menyebutkan masa dan tempat tindak jenayah itu dilakukan.

Jika surat tuntutan yang tidak memenuhi syarat seperti yang telah ditetapkan di atas, maka pembatalan akan dilakukan. Kebiasaannya, pendakwa raya akan menyatakan

³¹ Al Yasa' Abubakar dan Marah Halim, *Hukum Jenayah Islam*. 113.

syarat-syarat menyebut tentang undang-undang yang dilanggar. Di samping itu, pendakwa raya juga dapat mengubah surat tuntutan samaada dengan tujuan untuk diperlengkapkan surat tuntutan tersebut ataupun tidak melanjutkan penuntutan untuk satu kali sahaja yang dilakukan sekurang-kurangnya tujuh hari sebelum sidang bermula.³²

3.6.3 Pemeriksaan

KUHAP membahagikan pemeriksaan kepada tiga kategori katagori, pertamanya pemeriksaan biasa yang dilakukan kepada semua delik tindak jenayah terutama tindak jenayah berat. Kedua, pemeriksaan singkat dilakukan terhadap kes yang tidak terkandung dalam pasal 205 KUHP (tindak jenayah berat) dan menurut pendakwa raya, pembuktian dan penerapan hukumnya mudah dan sifatnya sederhana, hakim dapat mengajukan kes ini kepada proses pemeriksaan biasa apabila dilihat perlu adanya pemeriksaan tambahan dan jika tidak dapat diselesaikan dalam masa 14 hari, dan ketiganya ialah pemeriksaan cepat yang dilakukan terhadap tindak jenayah ringan dengan hukuman penjara tidak melebihi tiga bulan atau denda Rp. 750.000 (tujuh ribu lima ratus) ataupun penghinaan ringan.³³

Dasar pembahagian di atas merupakan proses pembuktian di mahkamah. Pembuktian delik jenayah syariah dapat dilakukan dengan mudah dan cepat kerana hanya tertumpu kepada kes tertangkap tangan. Jenayah syariah dikenakan sebatan sebagai hukuman primer. Di samping itu juga, terdapat hukuman penjara yang melebihi tiga bulan, satu tahun atau dua tahun. Masa untuk hukuman penjara di atas melebihi kategori pemeriksaan singkat atau cepat. Apabila merujuk kepada dakwaan kurungan hukuman penjara ini, ia akan termasuk dalam acara pemeriksaan biasa. Namun kerana kes

³² Andi Hamzah, 288 (KUHAP, pasal 143 ayat 2-3 dan pasal 144 ayat 1).

³³ *Ibid.*, 292-318 (KUHAP, bagian ketiga, kelima dan keenam).

jenayah syariah tertumpu kepada tertangkap tangan, maka prosesnya dapat dilaksanakan secara singkat.³⁴

Jadi dapat disimpulkan bahawa acara pemeriksaan delik-delik syariah adalah acara pemeriksaan biasa yang bersifat singkat. Acara pemeriksaan singkat dan cepat pada dasarnya tidak ada surat tuntutan. Namun berbeza dengan kes jenayah syariah, walaupun dikatakan bersifat singkat, namun ia tetap memiliki surat tuntutan sebagaimana pemeriksaan biasa. Walaupun perkara ini tidak sama dengan ketetapan KUHAP, akan tetapi ia tidak menyimpang jauh disebabkan oleh sifat khusus yang dimiliki oleh kes jenayah syariah. Andi Hamzah, seorang pakar hukum Indonesia menyatakan bahawa acara pemeriksaan biasa dapat juga berlaku kepada delik-delik yang seharusnya termasuk dalam pemeriksaan singkat dan cepat. Prinsip ini tentunya juga dapat digunakan dalam hal di atas dengan pemahaman sebaliknya³⁵

Antara bahan-bahan bukti yang digunakan dalam pembuktian meliputi keterangan saksi, keterangan ahli, surat, dan keterangan orang yang didakwa. Dalam menetapkan keputusan, hakim tidak boleh menjatuhkan hukuman jenayah kepada seseorang kecuali setelah mendapat sekurang-kurangnya dua bahan bukti yang sah, sehingga ia memperolehi keyakinan bahawa orang yang didakwa itu betul-betul bersalah.

3.6.4 Pelaksanaan Hukuman

Setelah kes tersebut telah diputuskan oleh mahkamah, maka proses seterusnya adalah melaksanakan hukuman. Dalam jenayah syariah, pelaksanaan hukuman dilakukan oleh anggota WH yang ditunjuk oleh pendakwa. Hukuman yang tertera dalam Qanun Jenayah Syariah meliputi hukuman sebat, penjara, denda serta hukuman administratif berupa pembatalan izin usaha yang dijatuhkan terhadap lembaga usaha yang melanggar

³⁴ Al-Yasa Abubakar dan Marah Halim, *Hukum Jenayah Islam*, 144.

³⁵ Andi Hamzah, *Hukum Acara Jenayah Indonesia*, (Cet. ke-4, ed. Revisi, Jakarta: Sinar Grafika, 2004), 7.

ketetapan Qanun. Berdasarkan delik hukuman yang tercantum, hukuman sebat merupakan hukuman primer dalam Qanun Jenayah Syariah sehingga hukuman tersebut sering kali dilaksanakan terhadap pesalah.³⁶

Sehingga kini sudah banyak hukuman sebat yang dilaksanakan di Aceh terhadap pelanggar syariah. Hal tersebut dapat dilihat dari beberapa kes yang berlaku di Aceh. Contohnya, pada hari Jumaat, 24 Jun 2005 Kabupaten Bireuen telah mengukir sejarah dalam pelaksanaan Syariat di Aceh dengan melaksanakan hukuman sebat terhadap penjenayah syariah, dalam kes ini hanya 15 dari 26 orang terjenayah yang dapat disebat, sedangkan yang lainnya tidak memenuhi syarat kesihatan untuk eksekusi pada hari tersebut. Eksekusi yang dilakukan terhadap pelaku kesalahan maisir (judi) di halaman Mesjid Agung Bireuen ini merupakan sejarah pertama di Aceh dan di Indonesia.³⁷ Namun kerana cabaran yang berbagai, samaada anggaran dana pelaksanaan yang tidak mencukupi mahupun pelaku kesalahan syariat yang tidak dapat ditahan, maka pelaksanaan hukuman sebat sudah jarang dilaksanakan.

Qanun Jenayah Syariah telah mengatur tatacara pelaksanaan hukuman sebat secara terperinci sehingga tidak menyalahi ketetapan syariat. Pelaksanaan hukuman dilakukan dengan kadar segera setelah mendapat keputusan daripada hakim. Penundaan pelaksanaan hukuman hanya dapat dilakukan berdasarkan keputusan dari pengerusi bahagian pendakwaan apabila terdapat hal-hal yang membahayakan pesalah setelah mendapat keterangan daripada doktor yang diiktiraf.

³⁶ Lihat Qanun No. 11 tahun 2001, No. 12, 13 dan 14 tahun 2003.

³⁷ Hasanuddin Yusuf Adan, *Refleksi Implementasi Syariat Islam Di Aceh*, (Yayasan Pena Banda Aceh, 2009), 34.

Antara ketetapan pelaksanaan hukuman sebat yang tertera dalam Qanun Jenayah Syariah ialah:³⁸

1. Hukuman sebat dilakukan di tempat yang dapat disaksikan orang ramai dengan dihadiri pendakwa dan doktor yang dikehendaki;
2. Penyebatan dilakukan dengan rotan yang berdiameter 0.75 hingga 1(satu) sentimeter, panjang 1 (satu) meter dan tidak mempunyai belahan dihujungnya;
3. Penyebatan dilakukan pada bahagian tubuh kecuali kepala, muka, leher, dada dan kemaluan;
4. Kadar pukulan atau sebatan tidak sampai melukai;
5. Pesalah lelaki disebat dalam posisi berdiri tanpa penyangga, tanpa diikat, dan memakai baju tipis yang menutup aurat. Sedangkan pesalah perempuan dalam posisi duduk dan ditutup kain di atasnya;

Jika terdapat perkara-perkara atau timbul masalah-masalah yang membahayakan ketika sebatan dijalankan, maka baki sebatan tersebut akan ditunda pada waktu yang sesuai.

Kesalahan terhadap Qanun pelaksanaan syariat Islam dalam bidang aqidah, ibadah dan syi'ar dikenakan sebatan minimum 2 kali dan maksimum 12 kali (takzir), qanun khamar 40 (empat puluh) kali (hudud), maisir minimum 6 kali dan maksimum 12 kali (takzir), manakala khalwat pula ialah minimum 3 kali dan maksimum 9 kali. Dari sini dapat dilihat bahawa pelaksanaan sebatan di Aceh telah telah menggolongkan kesalahan khamar dalam kategori hudud, sedangkan dalam pelaksanaan syariat Islam, maisir dan khalwat tergolong dalam kategori takzir.³⁹

Begitu juga hukuman penjara yang telah diperuntukkan terhadap kesalahan jenayah dengan tempoh masa satu bulan hingga dua tahun kecuali khamar (tidak ada peruntukan hukuman penjara), dijalankan sesuai dengan peraturan undang-undang yang berlaku.

³⁸ Himpunan, 670-671 (Peraturan Gubernur nombor 10 tahun 2005 tentang petunjuk teknis pelaksanaan uqubat cambuk).

³⁹ Lihat Qanun No. 11 tahun 2001, No. 12, 13 dan 14 tahun 2003.

Denda yang dikenakan adalah antara Rp. 2.500.000 (dua juta lima ratus ribu) hingga Rp. 75.000.000 (tujuh puluh lima juta) dan denda tersebut akan menjadi hak daerah dan disalurkan terus kepada Baitul Mal. Batasan hukuman penjara dan denda dijalankan sesuai dengan ketetapan-ketetapan Qanun.⁴⁰

3.7 Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan di atas, jelas menunjukkan bahawa terdapat perbezaan kedudukan antara WH Banda Aceh dan Langsa. WH Banda Aceh secara keseluruhannya berada dalam kesatuan Satpol PP, sedangkan WH Langsa berada dalam kesatuan Satpol PP secara struktural dan pentadbiran sahaja, namun untuk aktiviti lapangan berada di bawah DSI. Walaupun kedudukan WH telah digabungkan dalam UUPA, namun disebabkan oleh pelbagai cabaran yang dihadapi oleh WH, maka timbulnya perbincangan antara pelaksana undang-undang.

Institusi WH telah berdiri sejak disahkan Qanun nombor 01 tahun 2004, namun hingga tahun 2013, status penguatkuasa WH majoritinya masih berstatus tidak tetap dan kontrak. Jumlah penyiasat serta latihan anggota dan kemudahan masih kurang mencukupi untuk menampung keperluan yang ada. Fenomena berikut menuntut kesungguhan Kerajaan Aceh dengan harapan WH diberikan kuasa sebagai institusi utama yang bertanggungjawab dalam melaksanakan syariat agar pelaksanaan tersebut dapat dijalankan secara maksimum.

⁴⁰ *Ibid.*,

BAB IV

ISU DAN CABARAN PENGUATKUASAAN WILAYATUL HISBAH DI ACEH

4.1 Pendahuluan

Wilayatul Hisbah sebagai institusi utama yang bertanggungjawab dalam penegakan syariat Islam di bumi serambi Mekkah telah berusia 9 tahun, dalam menjalankan setiap Qanun Jenayah Syariah sama ada berkenaan Qanun pelaksanaan syariat Islam dalam bidang aqidah, ibadah dan syi'ar, khamar, maisir atau khawatir, penguatkuasa WH berhadapan dengan pelbagai cabaran yang menuntut kredibiliti dan loyaliti dalam menjalankan tugas. Cabaran tersebut sama ada timbul dari dalam WH itu sendiri, institusi kerajaan, ataupun masyarakat.

Bab ini membincangkan tentang isu dan cabaran yang dihadapi oleh WH. Isu dan cabaran tersebut terdiri dari isu kedudukan dan struktur organisasi, undang-undang, pentadbiran iaitu terdiri dari isu pengambilan dan pembekalan, ketiadaan kemudahan sokongan dan peralatan, kekurangan jumlah pegawai, kewangan dan pengurusan banduan, serta isu sosial masyarakat.

4.2 Isu dan Cabaran Penguatkuasaan Qanun Jenayah Syariah di Aceh

4.2.1 Isu Kedudukan dan Struktur Organisasi

Kedudukan WH dalam Kesatuan Satpol PP menjadi cabaran tersendiri tanpa mengetepikan akan kelebihan-kelebihan yang ada. Aturan yang digunakan dalam pembentukan lembaga Satpol PP adalah aturan yang berlaku secara nasional dan mengikuti aturan pada lingkungan Satpol PP secara umum. Peraturan satpol PP lebih mengutamakan penertiban, sedangkan WH berprinsip *persuasive* (memujuk) dan edukatif. Menurut Al Yasa' Abubakar, masalah yang dikhuatiri akan timbul dalam

keadaan ini adalah kenyataan bahawa peraturan pada peringkat nasional relatif masih lagi terbatas. Lebih dari itu, peraturan tersebut dirancang untuk kepentingan PPNS dan Satpol PP di daerah lain yang menjalankan tugas relatif lebih ringan dan juga lebih sedikit, sehingga dibimbangi peraturan tersebut tidak mampu menampung keperluan yang ada di Aceh.¹

Penggabungan WH bersama Satpol PP juga mendapatkan komentar daripada kakitangan WH sendiri contohnya Heri² sebagai ahli WH di Langsa dan Samsul Hadi³ di Banda Aceh tidak berpuas hati terhadap penggabungan WH ke dalam Satpol PP. Pada pendapat mereka, masalah utama ialah mereka tidak dapat berkoordinasi dalam menjalankan tugas di lapangan. Hal ini kerana pada dasarnya kedua lembaga tersebut memiliki asas individu, latar belakang dan tugas utama yang berbeza, sehingga menghalang koordinasi dalam pelaksanaan syariat yang dilakukan oleh WH. Sebagaimana yang telah disampaikan oleh Muslim Ibrahim dan Zulkifli, kesulitan koordinasi di lapangan yang disebabkan oleh perbezaan karakter individu juga dirasakan WH di Aceh Tamiang setelah kedua-dua lembaga tersebut disatukan.⁴ Walaupun Samsuddin⁵ dan Mukhtarmidi⁶ menyokong penyatuan tersebut kerana dapat memperkuat kedudukan WH sama ada dari undang-undang maupun pelaksanaan.

Kes penangkapan bekas penolong Wali Kota Banda Aceh yang baru sahaja terjadi pada tanggal 17 April 2013 menunjukkan bahawa Qanun sukar dilaksanakan terhadap orang yang mempunyai kuasa dalam masyarakat serta perbezaan asas antara WH dan Satpol PP memang wujud. Antara kes yang pernah berlaku ialah pelaku yang telah tertangkap

¹ Al Yasa Abubakar, *Kajian Undang-Undang Pemerintahan Aceh Dan Essay Tentang Perempuan, Perkawinan Dan Perwalian Anak*, (cet. ke-2, Dinas Syariat Islam Aceh, 2011), 29.

² Heri (Anggota WH Langsa) dalam temubual dengan penulis, 13 March 2013.

³ Samsul Hadi (Anggota WH Banda Aceh) dalam temubual dengan penulis, April 2012.

⁴ Muhammad Nasir, Muhammad Suhaili Sufyan, “Syariat Islam Di Gerbang Timur Aceh: Menelusuri Pelaksanaan Hukuman Cambuk dan Problematikanya”, *Menelusuri Pelaksanaan Syariat Islam: Gagasan dan Pelaksanaan di Wilayah Timur Aceh*, (Dinas Syariat Islam Aceh, 2011), 28.

⁵ Samsuddin (Ketua Bahagian Penegakan Pesalahan Satpol PP dan WH, Provinsi Aceh), dalam temubual dengan penulis, 19 Januari 2013.

⁶ Mukhtarmidi (Ketua Satpol PP dan WH, kota Langsa), dalam temubual dengan penulis, 15 March 2013.

dalam kes khalwat oleh Danton (Komandan Peleton) beserta WH Banda Aceh dibebaskan oleh Ketua Satpol PP dan WH sendiri. Akibatnya timbul perselisihan antara Ketua Satpol PP dan Komandan Peleton WH. Peristiwa tersebut menunjukkan bahawa mereka tidak mempunyai visi dan keinginan yang sama dalam pelaksanaan syariat.⁷

Selanjutnya, cawangan WH di daerah-daerah belum terbentuk seperti peringkat kecamatan atau pun peringkat *Mukim*, hakikatnya kewujudan WH di peringkat kecamatan dan *Mukim* sangatlah efektif dalam pengawasan pelaksanaan syariat apabila dapat direalisasikan, kerana lembaga tersebut akan bersinergi dengan masyarakat dan melibatkan tokoh yang lain seperti *Geuchik* dan *Tuha Peut*. Dalam Qanun memang disebutkan bahawa *Tuha Peut* menjalankan fungsi Wilayatul Hisbah dalam pengawasan syariat, namun begitu, peruntukan Qanun tersebut tidak berfungsi dengan baik.

4.2.2 Isu Undang-Undang

4.2.2.1 Kekurangan dalam Qanun Jenayah Syariah

Setakat ini, kesalahan-kesalahan yang telah diperuntukkan di bawah Qanun Jenayah Syariah hanyalah sedikit sahaja, iaitu kesalahan penyebar fahaman atau aliran sesat, keluar dari atau memperlekehkan agama, meninggalkan solat juma'at, tidak berpuasa di bulan Ramadhan, dan kewajiban berpakaian muslimah, semua peruntukan ini terkandung dalam Qanun nombor 11 tahun 2002 tentang Pelaksanaan Syariat Bidang Aqidah, Ibadah dan Syi'ar Islam. Selain itu, terdapat juga kesalahan meminum khamar dan sejenisnya (Qanun No. 12 tahun 2003), maisir (perjudian) (No. 13 tahun 2003) serta tentang khalwat (mesum) (No. 14 tahun 2003) juga telah disahkan dalam Qanun masing-masing.

⁷ Theglobejournal, <http://theglobejournal.com/hukum/skandal-wh-tangkap-ajudan-walikota-mesum-danton-wh-dicopot/index.php> dicapai 19 April 2013.

Terdapat kesalahan syariah lain tetapi belum digubal dalam Qanun Jenayah Syariah seperti ketika ditangkap pelaku masih melanggar Qanun tentang khalwat, namun setelah pemeriksaan terbukti telah melakukan zina. WH hanya menyiasat perkara ini bagaimanapun tidak dilanjutkan untuk pendakwaan kerana tidak ada kesalahan sedemikian dalam Qanun. Begitu juga dengan kesalahan qadzaf, kecurian, rompakan, pemberontakan yang termasuk dalam kategori hudud, namun belum mempunyai peruntukan khas yang dapat mengikat penjenayah.

Hakikatnya, kesalahan seperti khamar, maisir, khalwat, *ikhtilath*, zina, gangguan seksual, rogol, qadzaf, liwat, dan musahaqah telah pun dirancang oleh Dewan Perwakilan Rakyat Aceh (DPRA) semenjak tahun 2009 dan telah disemak serta ditambahbaikan beberapa kali.⁸ Namun Qanun tersebut belum diluluskan di peringkat eksekutif sebagai Ketua Kerajaan Aceh, padahal zaman pemerintahan telah memasuki dua tempoh dari perancangan Qanun jenayah dan acara jenayah tersebut dibentuk. Namun begitu, ramai masyarakat yang mengkritik dan mempersoalkan mengenai peruntukan Qanun tentang korupsi, sehingga Qanun tidak hanya diterapkan untuk rakyat biasa tetapi juga buat penguasa.

Keterbatasan peruntukan Qanun jenayah di atas tidak hanya dirasakan oleh WH Langsa dan Banda Aceh, namun perkara tersebut merupakan cabaran dalam pelaksanaan syariat di seluruh kawasan Aceh, kerana Qanun tersebut akan dilaksanakan dan dikuatkuasakan untuk seluruh kabupaten/kota di Aceh.

4.2.2.2 Ketiadaan undang-undang prosedur khusus

Sebagaimana perbincangan dalam bab kedua, undang-undang prosedur kesalahan syariah dalam Qanun Jenayah Syariah di Aceh masih lagi merujuk kepada undang-

⁸ Lihat perancangan Qanun Jenayah dan Acara Jenayah 2009

undang tatacara jenayah umum iaitu Kitab Undang-Undang Hukum Acara Jenayah (KUHAP). Perancangan undang-undang tatacara jenayah sebenarnya telah pun dirancang pada tahun 2009 sebagaimana yang telah disebut, namun hingga sekarang belum membawa hasil untuk dilaksanakan. Sedangkan WH merupakan polis khusus dan kesalahan yang ditangani juga merupakan jenayah khusus yang semestinya diatur dalam undang-undang khusus.

Hukuman penjara yang ditetapkan dalam Qanun Jenayah Syariah maksimum 2 tahun atau sebat di khalayak ramai sebanyak 12 kali sebatan. Ketentuan ini dikenakan bagi penyebar fahaman atau aliran sesat sedangkan bagi pelaku tindak jenayah khamar maksimum adalah 1 tahun, manakala maisir tidak dikenakan penjara, hanya dikenakan sebatan dan denda. Bagi jenayah khalwat pula akan dijatuhkan hukuman penjara maksimum 6 bulan. Dengan demikian, penyiasat sama ada dari Polis atau WH tidak dapat melakukan beberapa tindakan hukum iaitu seperti penahanan kerana berdasarkan KUHAP tindakan hukum tersebut tidak dibenarkan.

Kedudukan kesalahan yang ditetapkan Qanun jenayah menurut KUHAP hanya menduduki kesalahan yang dikategorikan dalam tindak jenayah ringan. Pelaku tindak jenayah ringan tidak boleh ditahan, akan tetapi penahanan dapat dilakukan terhadap tindak jenayah yang diancam dengan penjara lima tahun atau lebih. Namun ancaman hukuman yang terdapat dalam Qanun syariat tidak ada yang mencapai lima tahun penjara.

Keterbatasan hukum acara jenayah diakui oleh majoriti responden yang telah penulis jumpai, sama ada Satpol PP dan WH di peringkat provinsi, Banda Aceh dan Langsa, Dinas Syariat Islam Langsa, Bahagian Pendakwaan Banda Aceh dan Majelis Permusyawaratan Ulama Aceh. Penyiasat WH dari kesatuan Satpol PP dan WH Banda Aceh pun turut memperkuatkan dakwaan tersebut dan menyatakan bahawa sejak dari

tahun 2007 lagi, WH Banda Aceh telah mengalami cabaran iaitu perlambakan kes di bahagian Pendakwaan kerana tidak dapat menahan suspek. WH tidak dapat menghadirkan suspek ketika proses undang-undang berjalan, oleh kerana itu, sepanjang tempoh tersebut hanya dilakukan pembicaraan sama ada di tempat mahupun di pejabat WH.⁹

4.2.3 Isu Pentadbiran

4.2.3.1 Pengambilan dan Pembekalan Sumber Manusia

Pengambilan merupakan pintu utama bagi seseorang yang akan menjadi ahli WH, sistem ini akan menentukan kebolehan dan loyaliti ahli sebagai sumber daya manusia yang bermutu. Sumber daya manusia dapat dibahagikan kepada tiga bahagian, pertama, sumber daya manusia yang memahami syariat dan mempunyai kapasiti dalam bidang ini, kedua, sumber daya administrator yang mengerusi administrasi pejabat, dan ketiga pula ialah sumber daya pelaksanaan syariat dan dalam hal ini ia dikenali sebagai penguatkuasa WH. Setelah ketiga-tiga sumber daya manusia di atas dapat dipenuhi, maka pengawasan terhadap syariat dapat dijalankan dengan maksimum.¹⁰

Penguatkuasa yang akan menjalankan peraturan tentang syariat mesti mempunyai latar belakang pendidikan dan loyaliti dalam bidang tersebut. Secara umum, seseorang ahli WH akan dipilih dari latar belakang pendidikan Sarjana Islam iaitu dalam bidang syariah, usuluddin dan dakwah. Kemampuan membaca al-quran, doa solat dan pengetahuan mengenai asas agama dan lain-lainnya yang berkaitan sudah semestinya menjadi keutamaan ketika pemilihan.

⁹ Zakwan (Penyidik Pegawai Negri Sipil (PPNS) Satpol PP dan WH, kota Banda Aceh), dalam temubual dengan penulis, 28 Februari 2013.

¹⁰ Arifin Zaini, “Syariat Islam Di Provinsi Nanggroe aceh Darussala: Studi Terhadap Problematika Dan Implementasinya”, *Dinamika Dan problematika Penerapan Syariat Islam*, (Cet. ke-2, Dinas Syariat Islam, 2011), 100.

Selain lulusan dari pendidikan keagamaan, terdapat ahli WH yang mempunyai latar belakang pendidikan Sekolah Menengah Atas (SMA) ataupun pindahan dari agensi kerajaan lain yang berlatar belakang umum.¹¹ Hal ini akan memberikan kesan negatif dalam pemahaman dan loyaliti terhadap pelaksanaan syariat, bagaimana pengawasan syariat dijalankan seandainya ahli pelaksana tidak memahami syariat dan cara pelaksanaannya dengan betul.

Kemahiran dan latihan merupakan perkara yang sangat penting untuk ahli WH yang berasal dari pelbagai latar belakang pendidikan agar dapat memahami tugas yang akan dijalankan. Selain tuntutan kefahaman dalam undang-undang secara umum, ahli WH juga mesti menguasai pengetahuan agama. Dalam menjalankan tugas di lapangan, mereka memerlukan kemampuan dalam melakukan indentifikasi kesalahan bersesuaian dengan keadaan dan tempat. Kesalahan-kesalahan tersebut perlulah dilaksanakan mengikut undang-undang yang telah termaktub. Sehingga dapat menentukan kesalahan yang dapat dibimbing di tempat, di pejabat maupun kesalahan yang mesti diproses secara hukum.

WH Banda Aceh memberikan kemudahan kemahiran dan latihan untuk setiap ahli baru, kemahiran tersebut berupa latihan fizikal dan mental selama sepuluh hari serta teori dalam dua hari. Setelah selesai menjalani latihan tersebut, kakitangan WH akan melaksanakan tugasnya di lapangan. Sedangkan kemahiran bagi penyiasat WH di Banda Aceh masih bergabung dengan kemahiran dan latihan penyiasat yang diadakan di peringkat provinsi iaitu pada tahun 2012 yang diadakan sebanyak dua kali. Walau bagaimanapun, kemahiran khusus bagi penyiasat Banda Aceh belum pernah dilaksanakan.¹² Di Kota Langsa, kemahiran ahli WH pernah dilakukan pada tahun 2011

¹¹ Samsuddin (Ketua Bahagian Penegakan Pesalahan Satpol PP dan WH, Provinsi Aceh), dalam temubual dengan penulis, 19 Januari 2013.

¹² Zakwan (Penyidik Pegawai Negeri Sipil (PPNS) Satpol PP dan WH, kota Banda Aceh), dalam temubual dengan penulis, 28 Februari 2013, dan Riza Kamilin (Ketua Setiausaha Satpol PP dan WH, kota Banda Aceh) dalam temubual dengan penulis, 27 Februari 2013.

namun tahun 2012 latihan tersebut tidak diteruskan. Begitupun latihan kemahiran bagi penyiasat pernah diberikan akan tetapi tidak diberikan pengiktirafan secara rasmi sebagai penyiasat.

Selanjutnya, isu mengenai kekurangan kemahiran dan kecekapan begitu sinonim dengan pegawai WH. Apabila timbul satu kes yang melibatkan ketidakcekapan WH seperti tersalah tangkap dan tidak mematuhi prosedur, secara umumnya, WH akan dilabelkan tidak mahir dalam menjalankan tugas-tugas penyiasatan. Selain daripada program dan latihan yang perlu diaturkan, faktor-faktor kelayakan akademik juga merupakan salah satu sebab yang menyumbang kepada kelemahan WH itu sendiri. Mereka seharusnya mendapatkan latihan-latihan yang khusus berkaitan syariah dan undang-undang, kerana dalam menjalankan tugas penguatkuasa WH sangat memerlukan pengetahuan tersebut agar tidak menyalahi prosedur. Ia juga bertujuan untuk menyemai lagi kecekapan dalam kalangan pegawai WH yang berasal dari pelbagai latar belakang seperti pendidikan agama atau pun pendidikan biasa serta peringkat pendidikan sama ada peringkat sarjana, sarjana muda, diploma dan juga sekolah menengah atas.

4.2.3.2 Kekurangan kemudahan sokongan dan peralatan

Keterbatasan WH dalam mengendalikan kes jenayah syariah sangat dirasakan sebagaimana yang diakui oleh Satpol PP dan WH Banda Aceh. Keterbatasan bidangkuasa penahanan suspek berlaku ketika pengendalian kes pelaksanaan syariat Islam, khalwat, maisir dan khamar dijalankan. Begitu juga apabila kesalahan jenayah dalam bidang lain diperuntukkan dalam Qanun. Keadaan ini akan menjadi lebih prihatin sewaktu kakitangan WH perlu bergerak dengan tangan kosong tanpa dibekali dengan peralatan mempertahankan diri dan juga tanpa sebarang senjata.

Hal tersebut jauh berbeza dengan anggota Polis yang dilengkapi dengan senjata lengkap, padahal kes khamar dan maisir merupakan sebahagian tugas dari polis sebelum WH dibentuk di Aceh. Dengan segala kelengkapan senjata yang dimiliki oleh ahli polis, kesalahan tersebut belum dapat dibanters secara menyeluruh. Lebih-lebih lagi apabila kes ini diserahkan kepada WH tanpa bidangkuasa dan kemudahan yang mencukupi. Begitu juga sekiranya kes pembunuhan dan kecurian diperuntukkan dalam Qanun dan pengendaliannya diserahkan kepada WH. Hal ini menimbulkan kerisauan bahawa akan banyak terjadi pelanggaran Qanun pelaksanaan syariat di bidang aqidah, ibadah dan syiar, khamar, khawat dan maisir di Aceh jika WH tidak dibekalkan dengan segala peralatan dan kemudahan yang diperlukan dalam menegakkan Qanun Jenayah Syariah. Rentetan dari itu, sudah semestinya pelaku kesalahan jenayah akan datang ke Aceh untuk melakukan kejadian kerana WH tidak memiliki kuasa dalam penahanan.¹³

Keperluan akan kemudahan dan pelindungan diri dalam menjalankan tugas di lapangan merupakan perkara penting hingga tugas tersebut dapat dijalankan dengan jayanya. Kemudahan tersebut antaranya adalah kereta peronda, senjata pelindungan diri, gari dan juga senjata api. Sebenarnya piawaian senjata bagi WH pernah dirancang oleh bekas Gabenor Irwandi Yusuf dengan senjata laras pendek dan laras panjang. Akan tetapi, hingga sekarang perancangan tersebut belum dapat direalisasikan kerana berikut merupakan perkara yang serius serta memerlukan kepada latihan khusus, namun tidak dapat dinafikan WH sangat memerlukannya dalam menjalankan tugas.¹⁴

Namun realitinya, hingga kini WH menjalankan tugas dengan tangan kosong tanpa sokongan alat pelindungan diri sedangkan penjenayah pula biasanya memiliki senjata tajam khususnya dalam kes khamar dan maisir. Ketika berlakunya ancaman dari pelaku dengan menggunakan botol minuman keras, WH hanya setakat mampu mengawal

¹³ Riza Kamilin (Ketua Setiausaha Satpol PP dan WH, kota Banda Aceh) dalam temubual dengan penulis, 27 Februari 2013.

¹⁴ Buspami (Ketua Bidang Bina Syariat Islam Dinas Syariat Islam, Langsa) dalam temubual dengan penulis, 13 March 2013.

emosional pelaku dan pulang tanpa dapat melakukan sebarang tindakan.¹⁵ Apabila keadaan tersebut terus berlanjutan, maka sudah pastinya pelaksanaan syariat akan menghadapi cabaran yang lebih besar. Walaupun ketua Satpol PP dan WH Langsa berpendapat bahawa keadaan di atas bukanlah merupakan satu cabaran dalam menjalankan tugas (tanpa kelengkapan senjata) kerana dibantu oleh pihak polis dan TNI.

4.2.3.3 Kekurangan jumlah pegawai dan kecekapan

Dalam menjalankan sebahagian daripada tugas polis yang telah diperuntukkan dalam Qanun Jenayah Syariah, WH tentunya perlu diperkasakan supaya dapat menjalankan tugas utamanya sebagaimana yang telah termaktub. Jumlah ahli WH yang terdapat di Kota Banda Aceh dan Langsa adalah tidak seimbang dengan tugas yang diberikan.

Pada tahun akhir 2012, WH Banda Aceh melakukan pemilihan untuk menambahkan jumlah ahli. Namun jumlah calon yang diluluskan sangatlah sedikit iaitu berjumlah 4 orang sahaja, sedangkan calon yang mendaftarkan diri melebihi tiga ratus. Penambahan tersebut tidak mencukupi keperluan kakitangan WH begitu juga calon penyiasat yang sangat diperlukan dengan kadar segera. Bayangkan apa yang berlaku seandainya terdapat kes yang membabitkan pelaku kesalahan jenayah sehingga mencecah jumlah seramai 20 atau 30 orang, dan pemeriksaan tersebut diselesaikan oleh penyiasat yang hanya berjumlah 1 orang dalam masa 1 x 24 jam.¹⁶

Sedangkan di Langsa, hanya terdapat penambahan ahli sebanyak 4 orang dari jawatan Pegawai Perlindungan Masyarakat (Linmas) yang kemudian dipindahkan kepada institusi WH, sehingga jumlah keseluruhan mencapai seramai 81 orang. Penambahan

¹⁵ Taufiq Hidayat (Bekas Anggota WH, bertugas dari tahun 2006-2011), dalam temubual dengan penulis, 23 Februari 2013.

¹⁶ Riza Kamilin (Ketua Setiausaha Satpol PP dan WH, kota Banda Aceh) dalam temubual dengan penulis, 27 Februari 2013.

tersebut bukannya dari kalangan orang-orang yang berlatarbelakangkan pendidikan agama, akan tetapi dari pegawai Linmas yang bertugas untuk mengendalikan kes bencana alam. Sehingga profesionalisme mereka dipersoalkan dalam menjalankan pelaksanaan syariat. Begitupun keperluan akan penyiasat menjadi keutamaan dalam institusi WH, namun tidak ada penambahan terhadap penyiasat.

Dengan ini, adalah menjadi harapan agar semua kesalahan jenayah syariah dapat dibanteras ke tahap yang maksimum. Namun begitu, usaha dalam menguatkuasakan undang-undang tidak dapat berjalan dengan lancar memandangkan terdapat kekurangan pegawai WH. Isu ini tidak seharusnya lagi timbul jika dilihat kepada usia penubuhan WH yang telah mencapai usia sembilan tahun. Walaupun terdapat penambahan dalam kalangan pegawai pada tahun-tahun sebelumnya, namun jumlah itu masih lagi tidak seimbang dengan jumlah kes yang berlaku dan tempoh masa untuk menyelesaikan satu-satu siasatan yang berlaku.

4.2.3.4 Pengurusan Banduan

Terdapat berbagai liputan dari media mengenai banduan yang mlarikan diri ketika pelaksanaan hukuman sebat hendak dijalankan. Contohnya:

- 15 Suspek maisir lari sebelum disebat¹⁷ (di Langsa)
- Suspek terbabit hukuman sebat gugur¹⁸ (6 terjenayah tidak hadir eksekusi di Meulaboh)
- 11 pelaku maisir di Pidie tidak menghadiri sidang¹⁹ (di Sigli)

¹⁷ Serambinews.com, <http://aceh.tribunnews.com/m/index.php/2012/03/10/15-tersangka-maisir-lari-jelang-dicambuk>, dicapai 20 April 2013.

¹⁸ Serambinews.com, <http://aceh.tribunnews.com/m/index.php/2012/12/13/terhukum-cambuk-nyaris-ambruk>, dicapai 20 April 2013

¹⁹ Serambinews.com, <http://aceh.tribunnews.com/m/index.php/2012/12/29/11-pelaku-maisir-di-pidie-mangkir-sidang>, dicapai 20 April 2013.

Begitu juga dengan bahagian Pendakwaan Negeri Banda Aceh menyatakan bahawa sememangnya ada kes yang berlaku, namun disebabkan oleh suspek tidak hadir, proses pelaksanaan sebatan tidak dapat dijalankan.

Suspek yang tidak menghadiri ketika pelaksanaan dijalankan, secara formalnya merupakan tanggungjawab bahagian Pendakwaan, akan tetapi secara umumnya, ia merupakan tanggungjawab bersama. Hal ini berlaku angkara tidak dapat menahan suspek dan kekurangan anggaran dana. Untuk mengatasi masalah ini, seharusnya perlu dicari jalan penyelesaian melalui peruntukan undang-undang, kerana pelaksana undang-undang tidak dapat mengambil tindakan jika perkara tersebut tidak terkandung dalam undang-undang seperti menahan suspek. Jadi, ia hanya bergantung kepada kerelaan suspek untuk menghadirkan diri sewaktu eksekusi. Namun begitu, tidak ramai daripada suspek yang berbuat demikian pada zaman sekarang walaupun Bahagian Pendakwaan telah memberi arahan kepada suspek untuk menghadirkan diri.²⁰

4.2.4 Isu Sosial Masyarakat

Pelaksanaan syariat Islam merupakan tanggungjawab bersama bagi semua lapisan masyarakat dan lembaga, bukan hanya menjadi tanggungjawab WH selaku polis syariat sahaja. Namun begitu, keluarga, masyarakat, Ulama', penguatkuasa undang-undang serta Kerajaan juga memainkan peranan penting dalam menjayakan pelaksanaan tersebut. Pengawasan dalam Islam hendaklah bermula dari diri sendiri, keluarga, masyarakat sehingga sampai kepada tahap yang seterusnya. Oleh itu, kejayaan tersebut bergantung kepada kesungguhan pelaksana undang-undang serta sumbangaan padu masyarakat.

²⁰ Mukhzan (Ketua Bahagian Tindak Jenayah Umum Kejaksaan, kota Banda Aceh) dalam temubual dengan penulis, 4 March 2013.

Talcott Parsons, seorang ahli sosiologi undang-undang Amerika Syarikat, mengemukakan faktor-faktor yang terlibat dalam sistem penegakan hukum dalam teori sibernetis-nya. Menurutnya, penegakan hukum terjadi kerana tiga faktor utama, pertamanya ialah adanya nilai-nilai yang dipertahankan masyarakat; keduanya ialah adanya struktur atau sistem perlombagaan dalam masyarakat yang diciptakan untuk mengawal nilai-nilai itu; dan adanya kegiatan-kegiatan yang dilakukan untuk mempertahankan eksistensi individu atau masyarakat yang bersifat sosial, ekonomi, politik dan sebagainya.²¹

Ketika menjalankan pemerhatian di lapangan, penulis sempat mengamati sebuah operasi yang dilakukan oleh WH Langsa. Operasi tersebut merupakan gabungan yang melibatkan ahli dari kesatuan Satpol PP, polis serta ketua DSI juga turut terlibat sama di lapangan. Dalam kegiatan rutin harian tersebut, dilihat beberapa orang pesalah syariat yang tidak berpakaian Islamik ditahan tidak kira perempuan maupun lelaki. Majoriti kesalahan yang dilakukan adalah seperti tidak berjilbab, berpakaian ketat serta memakai seluar di atas lutut bagi lelaki. Pesalah yang tertangkap akan dicatat identitinya serta diberi nasihat di tempat kejadian dan kemudiannya dilepaskan semula. Seorang perempuan warga China ditahan atas kesalahan tidak berjilbab, namun dilepaskan tanpa sebarang tindakan kerana didapati bukan muslim. Walaupun sebenarnya dalam Qanun dinyatakan bahawa seseorang bukan muslim juga mesti mematuhi peraturan Qanun apabila kesalahan tersebut tidak termaktub dalam KUHP.²²

Dari pengamatan tersebut, dapat dilihat bahawa kesedaran masyarakat masih kurang dalam menjalankan syariat terutamanya dalam kes berpakaian yang tidak mematuhi peraturan sering kali berlaku. Mereka mengambil mudah akan peraturan yang telah

²¹ Marah Halim, “Sistem Penegakan Hukum Dalam Pelaksanaan Syariat Islam Di NAD”, *Dimensi Pemikiran Hukum Dalam Implementasi Syariat Islam Di Aceh*, (cet. ke-2, Dinas Syariat Islam Aceh, 2011), 43.

²² Observasi operasi bersepadu WH di Kota Langsa, di depan mesjid Baiturrahim, GP. Paya Bujok Sellemak, Langsa Baro’ pada tanggal 14 Maret 2013.

ditetapkan bahkan terdapat sesetengah daripada mereka yang sanggup mengintip WH di lorong-lorong lokasi. Setelah operasi tersebut berakhir, mereka akan keluar seperti biasa dengan berpakaian menyalahi peraturan. Selain itu, terdapat juga kes pesalah yang ditangkap kerana tidak memakai jilbab, namun setelah ditahan, ternyata pesalah tersebut memiliki jilbab yang dimasukkan ke dalam beg tetapi tidak dipakai.

Keadaan yang sama juga turut berlaku di Banda Aceh, pesalah yang membuat kesalahan dari segi pemakaian Islamik banyak dijumpai di hadapan khalayak ramai, tetapi kesalahan lain seperti khamar dan maisir tidak mudah untuk dilihat kerana hal tersebut biasanya berlaku secara tersembunyi. Data dari Satpol PP dan WH Banda Aceh juga menunjukkan bahawa majoriti kesalahan yang dilakukan adalah berkaitan dengan Qanun syariat Islam iaitu dalam bidang aqidah, ibadah dan syiar Islam. Kesalahan tersebut dikuasai oleh cara berpakaian secara Islamik.²³

Seandainya pengawasan keluarga dan masyarakat berjalan dengan baik, tentunya fenomena di atas tidak begitu membimbangkan kerana tingkah laku seseorang akan terbentuk selari dengan pendidikan yang telah diberikan oleh keluarga khususnya. Kesedaran masyarakat dalam pelaksanaan syariat juga masih kurang. Hal ini berlaku akibat daripada tiadanya sokongan masyarakat dan hanya mengharapkan WH sahaja yang bertanggungjawab menjalankan tugas tersebut. Pengawalan sosial yang dahulunya dijalankan dengan sistem adat kelihatan lemah, sehingga sokongan padu daripada keluarga, masyarakat, pengurus perangkat Gampong (pengurus adat) dan pelaksana undang-undang tidak berjalan dengan efektif.

Lembaga Adat pada masa pemerintahan orde baru sempat ditiadakan, khususnya di bandar. Kebanyakan lembaga-lembaga adat di Aceh pernah digantikan dengan nama lain, contohnya *Geucik* digantikan dengan istilah Ketua desa atau lurah. Sedangkan

²³ Zakwan (Penyidik Pegawai Negri Sipil (PPNS) Satpol PP dan WH, kota Banda Aceh), dalam temubual dengan penulis, 28 Februari 2013.

lembaga *Mukim* yang selama ini khusus berlaku di Aceh, ternyata tidak diakui oleh Kerajaan pada ketika itu, sehingga lembaga tersebut hanya wujud sekadar lembaga nama sahaja sedangkan peranannya semakin tidak nampak. Namun, di wilayah bandar, istilah *Mukim* tidak lagi digunakan. Lemahnya fungsi kawalan sosial tentunya juga tidak terlepas dari sistem sentralistik yang pernah dijalankan oleh Kerajaan Pusat sehingga fungsi tersebut menjadi beku dan tidak dapat berjalan.²⁴

Tahap kesedaran serta kefahaman keluarga dan masyarakat terhadap syariat Islam memainkan peranan yang sangat penting dalam mewujudkan pelaksanaan syariat Islam secara *kāffah* di Aceh. Hakikatnya, WH sebagai penegak Qanun dapat lebih aktif berkerja sama dengan DSI dalam sosialisasi dan kegiatan-kegiatan yang dapat meningkatkan kefahaman dan kesedaran masyarakat, kerana WH kini lebih cenderung melakukan penegakan dalam tugas yang dijalankan, sedangkan pembentukan karakter individu sedar syariat tentunya dapat dilakukan dengan sokongan padu daripada keluarga, masyarakat serta program-program yang dijalankan oleh Dinas Syariat Islam.

4.3 Kesimpulan

Berdasarkan paparan di atas, dapat dilihat bahawa isu, permasalahan serta cabaran yang terdapat di institusi Wilayatul Hisbah meliputi empat sudut, pertamanya isu penguatkuasaan, kedua, isu undang-undang, ketiga, isu pentadbiran dan keempatnya ialah isu sosial masyarakat. Isu dan permasalahan tersebut berpunca daripada Kerajaan sama ada legislatif dalam pengesahan undang-undang, eksekutif dalam menyokong penguatkuasaan WH, atau judikatif dalam pengurusan banduan yang terbabit. Punca yang seterusnya ialah permasalahan struktural, koordinasi, kecekapan dan loyaliti individual dalam institusi dan ahli WH itu sendiri. Dan punca yang terakhir adalah akibat kesedaran dan kefahaman masyarakat dalam pelaksanaan syariat.

²⁴ Abd. Wahid, “Peranan lembaga Adat Dalam Mendukung Pelaksanaan Syariat Islam Di Aceh”, *Dinamika Sosial Keagamaan Dalam Pelaksanaan Syariat Islam*, (cet. ke-2, Dinas Syariat Islam Aceh, 2011), 130.

BAB V

ANALISIS DAN CADANGAN DALAM PENGUATKUASAAN WILAYATUL HISBAH

5.1 Pendahuluan

Di dalam bab ini, perbincangan dibahagikan kepada dua bahagian iaitu analisis kajian dan cadangan-cadangan ke arah pemerkasaan penguatkuasaan Wilayah Hisbah dengan tujuan penambahbaikan kepada kepincangan dan kekurangan yang ada. Dengan cara ini, usaha memperkasakan WH mencapai sasaran dan objektifnya sebagai agensi utama dalam menegakkan Qanun Jenayah Syariah.

5.2 Kedudukan Struktur WH bersama Satpol PP dalam Kerangka Penguatkuasaan Undang-Undang di Aceh

Perlu diambil perhatian bahawa Undang-undang Pemerintah Aceh (UUPA) merupakan peraturan pelaksana terhadap MoU Helsinki antara Gerakan Aceh Merdeka dan Kerajaan Pusat Indonesia.¹ Undang-undang ini juga merupakan interpretasi daripada status autonomi khusus yang diberikan kepada Aceh samaada dalam hal pelaksanaan syariat, pendidikan maupun adat. Perubahan dan peralihan kedudukan WH ke dalam Institusi Satpol PP pun merujuk kepada undang-undang tersebut.

Kesatuan Satpol PP secara umum merupakan sebuah institusi yang ditubuhkan berdasarkan undang-undang nasional, sedangkan WH dibentuk berdasarkan ketetapan daerah melalui Gabenor. Melihat kepada dasar peruntukan ini tentunya undang-undang nasional berada di peringkat yang lebih tinggi jika dibandingkan dengan peraturan daerah. Manakala penyatuan WH ke dalam struktur Satpol PP dapat

¹ Al Yasa' Abubakar, *Penerapan Syariat Islam Di Aceh: Upaya Penyusunan Fiqih Dalam Negara Bangsa*, (Dinas Syariat Islam, 2008), 34-35.

memperkuat pelindungan undang-undang dan kedudukannya. Oleh yang demikian, kedua-dua institusi tersebut tidak dapat dipisahkan kecuali melalui proses undang-undang iaitu semakan semula UUPA.

Namun dalam kajian lapangan, realiti penyatuan kedua institusi tersebut membawa kepada cabaran tersendiri. Perbezaan asas individual serta tugas utama menghalang koordinasi internal Satpol PP dan WH.² Terlepas dari pro dan kontra kewujudan WH dalam sebuah institusi, dapat dipastikan bahawa perubahan dan semakan UUPA amat sukar untuk dilakukan dan memerlukan masa yang panjang. Semakan terhadap UUPA akan menyentuh status autonomi khusus Aceh yang terkandung di dalamnya. Justeru itu, idea pemisahan kedua institusi penguatkuasaan peraturan daerah tersebut merupakan cadangan yang sukar untuk diwujudkan dalam masa terdekat.

Begitu juga Kewujudan WH dalam institusi Dinas Syariat Islam secara implementasi sangat mendukung pelaksanaan Qanun Jenayah, kedua-dua lembaga ini mempunyai tumpuan dan tugas utama dalam pengawasan dan pelaksanaan syariat. Namun kedudukan WH di sini lebih fokus kepada fungsi sosialisasi serta tidak disokong oleh pelindungan undang-undang yang kuat. Sehingga proses penegakan pelanggaran Qanun Jenayah Syariah secara undang-undang diserahkan kepada pihak polis dan PPNS sebagai pelaksana undang-undang.

Penulis mendapati bahawa kedudukan WH samaada di bawah DSİ mahupun bersama Satpol PP tidak terlepas daripada kelebihan dan kekurangan. Kelebihan apabila WH berada di bawah DSİ ialah WH dan DSİ mempunyai visi dan misi yang sama iaitu penegakan syariah, pelaksana Qanun syariah memerlukan kepada individu-individu yang mempunyai asas agama, samaada ketua dan anggota. Peraturan akan berjalan apabila ketua kesatuan dan anggota sama-sama memiliki pemahaman dan keinginan

² Muslim Ibrahim (Timbalan Ketua Majlis Permusyawaratan Ulama (MPU), Provinsi Aceh), dalam temubual dengan penulis, 11 Marc 2013.

yang sama.³ Sedangkan ketika WH berada dalam Kesatuan Satpol PP ia disokong dengan pelindungan undang-undang yang lebih kuat iaitu dibentuk berdasarkan undang-undang Republik Indonesia, dan WH berstatus sebagai polis khusus dalam menegakkan syariat. Di samping itu juga, mereka mempunyai jumlah anggota yang lebih banyak setelah penggabungan sehingga lebih dihormati dan disegani oleh masyarakat sehingga tindakan-tindakan angkuh terhadap WH sendiri akan berkurang.⁴

Selanjutnya, kondisi tersebut pun tidak luput dari sebarang kekurangan. Dalam kesatuan DSI, WH hanya dibentuk berdasarkan keputusan Gabenor iaitu peraturan daerah bukan peraturan pusat dan berstatuskan sebagai lembaga sosialisasi dan pengawasan pelaksanaan syariat. Cabaran juga dihadapi ketika penegak hukum lain samaada polis atau TNI melakukan pelanggaran syariat, WH sukar mengambil tindakan kerana kedudukannya yang lemah. Sehingga sering dipandang remeh bahkan keberadaannya tidak dianggap.⁵ Namun ketika WH digabungkan dengan Satpol PP, akan terjadi pengasingan di antara umum dan agama. Apalagi majoriti pengurus (ketua bahagian) Satpol PP dan WH berasal daripada latar belakang Satpol PP (umum), maka akan menyebabkan perhatian terhadap pelaksanaan syariat berkurang. Individu-individu yang mempunyai dasar pendidikan umum tentunya tidak maksimum ketika bergerak dan mengambil dasar-dasar dalam kegiatan keagamaan, hal ini disebabkan tahap pemahaman dan keinginan dalam pelaksanaan syariat yang masih kurang. Kedudukan ini juga akan memperlambatkan kegiatan pelaksanaan syariat yang dijalankan oleh DSI ketika WH diperlukan kerana proses perizinan yang panjang di Kesatuan Satpol PP.⁶

³ Riza Kamilin (Ketua Setiausaha Satpol PP dan WH, kota Banda Aceh) dalam temubual dengan penulis, 27 Februari 2013.

⁴ *Ibid.*

⁵ Taufiq Hidayat (Bekas Anggota WH, bertugas dari tahun 2006-2011), dalam temubual dengan penulis, 23 Februari 2013.

⁶ Muslim Ibrahim (Timbalan Ketua Majlis Permusyawaratan Ulama (MPU), Provinsi Aceh), dalam temubual dengan penulis, 11 Marc 2013, dan Riza Kamilin (Ketua Setiausaha Satpol PP dan WH, kota Banda Aceh) dalam temubual dengan penulis, 27 Februari 2013.

Berikut kelebihan dan kekurangan keberadaan WH dalam kesatuan Satpol PP dan Dinas Syariat Islam secara ringkas berdasarkan pemerhatian penulis:

Kedudukan	Kelebihan	Kekurangan
WH Bersama DSİ	1. Mempunyai visi dan misi yang sama (penegakan syariat)	1. Sumber hukum lemah (Keputusan Gabenor)
	2. Sumber daya manusia mempunyai latarbelakang pendidikan syariah (ketua dan anggota)	2. Kelemahan dalam tindakan dan kekurangan jumlah anggota 3. Sebagai Lembaga sosialisasi
WH bersama Satpol PP	1. Sumber hukum kuat (UUPA)	1. Latar belakang lembaga dan anggota berbeza
	2. Sebagai Polis khusus	2. Dikotomi agama dan umum
	3. Jumlah anggota banyak	3. DSİ kehilangan intrumen penegakan syariah dalam menjalankan visi dan misi

Akan tetapi demi melancarkan pelaksanaan syariat Islam tentu terdapat langkah-langkah yang dapat dilakukan untuk memperkasakan WH. Kebijakan untuk meletakkan anggota-anggota yang mempunyai asas syariah di bahagian-bahagian utama seperti pengurus merupakan salah satu idea yang memberikan jalan keluar dari masalah yang ada, sehingga kesatuan Satpol PP dan WH dalam menjalankan tugasnya tidak melupakan unsur pelaksanaan syariat. Anggota WH dalam pelaksanaan syariat di lapangan akan mengikuti arahan daripada ketua Satpol PP dan WH, tentunya arahan dan kebijakan berkaitan dengan pelaksanaan syariat Islam akan lebih berkesan apabila ketua institusi mempunyai kefahaman dan keinginan yang tinggi terhadap itu.

Penegakan Qanun Jenayah Syariah pun tidak terlepas dari koordinasi yang baik samaada dalaman Satpol PP dan WH mahupun luaran dengan institusi lain seperti Polis dan TNI. Terutama antara anggota Satpol PP dan WH, kerana ada hal-hal yang dianggap perkara kecil oleh Satpol PP akan tetapi merupakan pelanggaran menurut WH. Pihak Polis yang berada di Aceh mendapatkan tugas tambahan dalam penguatkuasaan

Syariat Islam, mereka mesti menyokong dan membantu pelaksanaannya. Apabila koordinasi di atas berjalan dengan lancar, maka WH akan dapat menegakkan syariat dengan lebih baik.

Surat Perintah Tugas (SPT) yang dijalankan oleh WH Langsa dengan menghantar sebahagian anggota WH kepada DSI merupakan sebuah penyelesaian yang dapat diterapkan di daerah lain. Penempatan WH di lembaga DSI dalam tugas luar dapat dikatakan sebagai aturan pelaksana tambahan, sehingga tidak menyalahi ketentuan UUPA. Sedangkan segala urusan berkaitan pentadbiran dan kebijakan tetap berada di kesatuan Satpol PP dan WH. Keberadaan WH di DSI sebagai penyokong program-program syariat yang dilaksanakan DSI tidak menyentuh kedudukannya secara undang-undang. Apabila hal tersebut dapat dijalankan di daerah yang lain, dapat dipastikan penyelarasan dan kerja sama antara Satpol PP dan WH dan DSI berjalan lebih efektif dan aktif, sehingga penerapan syariat Islam di bumi Aceh berjalan lebih baik.

Dalam pengamatan penulis, permasalahan bukanlah terletak pada struktural atau kedudukan iaitu penyatuan WH ke dalam institusi Satpol PP, akan tetapi merupakan permasalahan koordinatif. Permasalahan koordinatif tersebut adalah:

1. Kesediaan lembaga Satpol PP dan WH untuk menjalankan struktur yang baru, Satpol PP secara nasional menjalankan peraturan berkaitan perintah dan ketenteraman. Ketika WH disatukan, maka pelarasan visi, misi serta program mesti dilakukan sehingga unsur penegakan syariat tidak diabaikan;
2. Bagaimana memasukkan kegiatan-kegiatan yang sesuai dengan visi dan misi WH;
3. Meletakkan anggota yang mempunyai latarbelakang pendidikan syariah di bidang pengambil kebijakan;
4. Menyatukan dua kubu kakitangan yang memiliki latar belakang yang berbeza, dan;

5. Membangun koordinasi aktif dengan DSI, Polis, TNI, lembaga adat Gampong dan lembaga-lembaga lainnya.

Ini adalah realiti yang mesti dipikirkan oleh Kerajaan Aceh serta Institusi Satpol PP dan WH. Sehingga institusi tersebut dapat berjalan secara profesional dan tidak terjadi pengasingan antara peraturan umum dan agama.

Menjadikan WH sebuah institusi yang independen adalah sebuah idealisme yang patut dipikirkan ke depan.⁷ WH selayaknya berdiri dengan sendiri sebagai lembaga penguatkuasa undang-undang lain seperti Polis, dan diberikan kemudahan yang mencukupi. Sebagaimana telah diterangkan di bab III dan VI, bahawa WH memikul sebahagian tugas pasukan polis dengan peruntukan Qanun yang berlaku. Penindakan terhadap kesalahan khamar dan maisir merupakan tugas pasukan polis sebelum Qanun Jenayah Syariah dilaksanakan. Pada masa hadapan dapat dipastikan Qanun di bidang lain pun akan disahkan sebagaimana tercantum dalam perancangan Qanun Jenayah di tahun 2009 (tentang ikhtilath, zina, pelecehan seksual, rogol, qadzaf, liwat, dan musahaqah).⁸

Oleh kerana itu, institusi WH sangat layak untuk berdiri sendiri secara bebas, sehingga tugas-tugas yang diberikan kepadanya dapat dijalankan. Mungkin ini adalah idea yang sangat idealistik, tapi hal tersebut merupakan keperluan yang mesti dipenuhi apabila WH hendak diperkasakan sebagai penanggung jawab utama dalam pelaksanaan syariat.

⁷ Muslim Ibrahim (Timbalan Ketua Majlis Permusyawaratan Ulama (MPU), Provinsi Aceh), dalam temubual dengan penulis, 11 Marc 2013, Riza Kamilin (Ketua Setiausaha Satpol PP dan WH, kota Banda Aceh) dalam temubual dengan penulis, 27 Februari 2013, dan Taufiq Hidayat (Bekas Anggota WH, bertugas dari tahun 2006-2011), dalam temubual dengan penulis, 23 Februari 2013.

⁸ Lihat perancangan Qanun Jenayah dan Acara Jenayah tahun 2009.

5.3 Cadangan ke Arah Pemerkasaan Penguatkuasaan WH

Permasalahan dan isu yang telah dibincangkan di atas perlu diselesaikan dengan usaha penaiktarafan agar tidak tertunggak dan akhirnya memberikan imej negatif terhadap institusi Wilayatul Hisbah sebagai institusi penegakan Qanun Jenayah Syariah. Usaha penaiktarafan memerlukan kepada perancangan, komitmen dan usaha sinergi semua pihak, mulai dari Kerajaan Aceh sampai kepada masyarakat. Begitu juga dengan keterbatasan bidangkuasa WH akan dibahas di sini kerana ia merupakan bahagian daripada isu yang berkembang. Oleh kerana itu, dalam konteks penguatkuasaan WH di Aceh dicadangkan beberapa langkah seperti berikut:

5.3.1 Mengemas kini undang-undang

Kekurangan Qanun Jenayah dan Acara Jenayah merupakan punca permasalahan keterbatasan bidangkuasa dan menjadi salah satu cabaran utama yang dihadapi oleh penguatkuasa WH. Undang-undang merupakan asas legaliti sesebuah tindakan yang diambil oleh penguatkuasa undang-undang. Tanpa undang-undang, semua tindakan tersebut akan didakwa non-prosedural dan bertentangan dengan asas legaliti. Punca penyelesaian permasalahan terdapat pada Kerajaan Aceh iaitu lembaga legislatif (DPR Aceh) dan eksekutif (Gabenor).

Keterbatasan peruntukan undang-undang menjadi cabaran dan halangan dalam kalangan pelaksana Qanun Jenayah, terdapat kesalahan-kesalahan yang berlaku tetapi tidak dapat diproses secara hukum. Di samping itu, masyarakat juga menuntut dan mempertanyakan kewujudan undang-undang terhadap kesalahan-kesalahan yang belum diperuntukkan. Contohnya, banyak yang bertanya bagaimana kalau kes pencurian

berlaku? Bagaimana dengan kes rasuah, apakah tidak dikenakan hukuman? Dan pertanyaan-pertanyaan lain mengenai Qanun jenayah.⁹

Menurut hemat penulis, pertanyaan dan pernyataan di atas tentu memerlukan kepada proses legalisasi dalam masa yang panjang, kerana pengesahan sesebuah Qanun akan berjalan sesuai prosedur dan melibatkan beberapa lembaga hukum supaya dapat berlaku secara sah. Pastinya, Qanun-qanun yang telah disahkan mesti dilaksanakan dengan maksimum. Fenomena di atas juga semestinya menjadi perhatian Kerajaan untuk dapat merealisasikan kehendak masyarakat awam menuju penerapan syariat Islam secara *kāffah* di Aceh. Tidak dapat dinafikan, kadang-kadang hal di atas dijadikan alasan oleh pelaku jenayah ataupun mereka yang tidak bersetuju terhadap penerapan syariat Islam di Aceh untuk terlepas daripada hukuman kesalahan yang ia lakukan. Oleh kerana itu, pelaksanakan syariat tidak boleh berhenti dengan pernyataan-pernyataan di atas. Akan tetapi, ia menjadi sebuah motivasi untuk melangkah ke depan yang lebih jauh.

Begitu juga dengan kewujudan undang-undang prosedur yang lengkap dengan mengambil kira konsep prinsip-prinsip syariah adalah satu keperluan penting pada saat ini. sehingga penyelesaian kes jenayah syariah tidak lagi merujuk kepada Kitab Undang-undang Hukum Acara Pidana (KUHAP). Dalam KUHAP, pelanggaran-pelanggaran terhadap Qanun Jenayah Syariah menempati katagori perbuatan pidana ringan sehingga pelaku tidak dapat ditahan dan mengakibatkan tindakan hukum tidak dijalankan. Keadaan ini menyekat bidangkuasa WH dan membuat keberkesanan penguatkuasaan syariat Islam berkurang, serta mengganggu psikologi anggota WH kerana usaha-usaha yang telah dilakukan berakhir sia-sia. Kini penyelesaian yang dijalankan oleh Bahagian Pendakwaaan adalah melakukan persidangan pada hari jumaat, sehingga eksekusi dapat dijalankan segera pada hari tersebut iaitu setelah solat

⁹ Riza Kamilin (Ketua Setiausaha Satpol PP dan WH, kota Banda Aceh) dalam temubual dengan penulis, 27 Februari 2013.

Jumaat dilaksanakan. Upaya tersebut dilakukan untuk mengurangi pelanggar Qanun jenayah daripada tidak menghadiri eksekusi.¹⁰

Permasalahan tersebut dapat diselesaikan dengan pengesahan segera Qanun Jenayah dan Qanun Acara Jenayah Syariah yang telah dirancang pada tahun 2009. Perancangan tersebut sebenarnya telah disahkan di peringkat lembaga legislatif Aceh, namun Gabenor sebagai eksekutif dan Ketua Kerajaan masih keberatan untuk menandatanganinya, sikap keberatan tersebut berdasarkan pelbagai alasan di antaranya terdapat pasal tentang rejam sebagai hukuman bagi yang melakukan zina. Walaupun setelah diadakan semakan semula di masa Tarmizi A Karim (Pelaksana Gabenor sementara), pasal rejam pun dicabut dari perancangan Qanun. Namun sampai saat ini Qanun yang telah lama di rancang tersebut belum lagi disahkan.

Rancangan Qanun jenayah tersebut merupakan hasil penilaian terhadap pelaksanaan syariat di masa sebelumnya. Penambahbaikan terhadap Qanun khamar, khawat dan maisir, serta penambahan beberapa Qanun lain yang diperlukan segera untuk menangani pelanggaran-pelanggaran yang kerap kali terjadi. Rancangan Qanun Acara Jenayah juga akan mengatur proses tindakan dan pendakwaan pelanggaran syariat, sehingga cabaran prosedur yang selama ini dirasakan dapat dikurangkan. Di samping itu, Qanun Acara Jenayah boleh menetapkan kuasa penangkapan dan penahanan yang sesuai dengan konteks syariat seperti terdapat dalam ketentuan KUHAP sebagai perbuatan jenayah ringan.

¹⁰ Mukhzan (Ketua Bahagian Tindak Pidana Umum Kejaksaan, kota Banda Aceh) dalam temubual dengan penulis, 4 March 2013.

5.3.2 Meningkatkan jumlah dan status keanggotaan serta membentuk cawangan institusi WH yang menyeluruh

Majoriti anggota WH masih lagi berstatus tidak tetap atau pun kontrak, hal tersebut dapat dilihat dari status keanggotaan WH Banda Aceh dan Langsa dalam skop kajian ini. Banda Aceh hanya memiliki lima orang yang berstatus pegawai dari lima puluh anggota, sedangkan di Langsa seluruh anggota WH berstatuskan tidak tetap dan kontrak.¹¹ WH sebagai polis khas dalam menjalankan Syariat Islam di Aceh sudah sepatutnya menyandang jawatan sebagai pegawai negeri sipil. Tugas yang mereka pikul merupakan sebahagian daripada tugas anggota polis. Sehingga dengan status pegawai negeri sipil, prestasi WH dapat ditingkatkan serta menjamin keanggotaannya.

Menambahkan jumlah anggota WH merupakan keperluan segera dalam melakukan pengawasan dan tindakan terhadap pelanggaran syariat. Status pegawai negeri sipil juga dapat memberikan jalan penyelesaian terhadap kekurangan penyiasat, kerana status tersebut merupakan syarat dasar seseorang dapat diangkat sebagai penyiasat. Penambahan penyiasat merupakan penyelesaian aplikatif untuk menghadapi cabaran prosedur yang terjadi seperti menangkap, menggeledah, menyita dan menahan.

Penempatan kakitangan WH semestinya merata ke pelbagai daerah (kecamatan, *Mukim* bahkan *Gampong*). Sebelum bergabung dengan Satpol PP, WH mempunyai struktur dari peringkat provinsi, kabupaten/kota, kecamatan dan mukim. Walaupun yang terbentuk selama ini hanyalah sampai peringkat provinsi dan kabupaten/kota. Sedangkan kecamatan dan peringkat provinsi pembentukan cawangan WH belum wujud. Setelah bergabung dengan Satpol PP, maka struktur WH pun mengikuti Satpol PP yang meliputi peringkat provinsi dan kabupaten/kota.

¹¹ Lihat jadual jumlah anggota Wilayatul hisbah Banda Aceh dan Langsa pada bab III.

Fenomena ini dapat diatasi tentunya dengan penambahan kaki tangan WH dan penyiasat. Penempatan kaki tangan yang tidak sekata di semua daerah dapat ditangani dengan pembentukan pasukan-pasukan khusus. Hakikatnya program ini telah dijalankan oleh Kerajaan kota Banda Aceh dengan membentuk pasukan *amar makrūf nahi mungkar* disebagian kawasan namun belum menyeluruh. Program ini perlu ditingkatkan oleh Kerajaan Banda Aceh serta dicontohi oleh kabupaten/kota lain. Pasukan tersebut dapat berkerja sama dengan lembaga adat tingkat Gampong (Keucik dan Tuha Peut) disebabkan anggota pasukan terdiri dari tokok-tokoh masyarakat. Sehingga pengawasan pelaksanaan syariat berjalan lebih efektif dan melibatkan seluruh institusi dan masyarakat.

5.3.3 Penambahbaikan sistem pengambilan dan pembinaan kapasiti

Sistem pengambilan dan pembinaan kapasiti akan mewujudkan sumber daya pelaksana syariat profesional dan memiliki loyaliti. Faktor kelayakan akademik dan kefahaman terhadap agama sudah sepatutnya menjadi piawai sehingga tidak ada lagi pengambilan ahli dari Sekolah Menengah Atas (SMA). Pengambilan calon kaki tangan WH yang mempunyai latar belakang pendidikan syariah, uṣuluddin, dakwah dan hukum mesti dipertahankan. Begitu juga kemampuan membaca al-quran, doa solat dan pengetahuan dasar agama menjadi keperluan yang tidak dapat diabaikan. Di samping kriteria di atas, kemampuan fizikal dan mental perlu diperhatikan kerana kegiatan yang dijalankan kaki tangan WH akan berhubungan dengan kegiatan-kegiatan yang menuntut kebolehan fizikal sebagaimana penguatkuasaan undang-undang lainnya.

Latar belakang kakitangan yang pelbagai di atas memerlukan kepada pembekalan dan latihan untuk membimbing dan membentuk kapasiti yang optimum. Disamping bahan keagamaan, bahan tentang hukum dan Qanun, teknik-teknik penyiasatan, penangkapan juga merupakan keperluan asas yang diperlukan. Pembekalan tersebut mesti diatur

dengan modul atau kurikulum latihan yang dilaksanakan dalam tempoh jangka masa tertentu seiring dengan perubahan informasi dan piawaian WH.

Pembekalan kepada kakitangan baru sepatutnya diberikan lebih intensif dalam masa yang mencukupi. Contohnya latihan secara dalaman dan luaran dengan penempatan di agensi-agensi penguatkuasaan sivil seperti Polis dan lain-lain. Harapan masa hadapan, kakitangan WH mempunyai kemampuan dalam melakukan identifikasi dan tindakan setiap kesalahan syariah yang berlaku. Sehingga isu mengenai kekurangan kemahiran dan kecekapan dapat dihindarkan.

5.3.4 Menambah peruntukan peralatan

Keperluan kepada sokongan peralatan merupakan kepastian yang tidak dapat dielakkan, sehingga tugas dan kegiatan WH dapat dijalankan dengan maksimum. Ketika berhadapan dengan kes khamar dan maisir, WH sangat memerlukan peralatan mempertahankan diri sehingga tidak membahayakan nyawa mereka dan dapat menjalankan tugas dengan maksimum. Namun melengkapkan WH dengan senjata api adalah sebuah idealisme yang sukar diwujudkan untuk masa sekarang walaupun itu merupakan keperluan.¹² Namun tidaklah menjadi masalah kalau kemudahan tersebut diberikan kepada sebahagian sahaja daripada mereka. Sekiranya hal tersebut tidak dapat terpenuhi, maka sebarang peralatan mempertahankan diri seperti stik, gari dan alat kejutan elektrik mesti segera dipenuhi.

Keseriusan Kerajaan Aceh dapat diukur dengan penyediaan peralatan yang mencukupi. Permasalahan ini dapat diatasi dengan perhatian serius Kerajaan Aceh dalam pelaksanaan syariat, Kerajaan Aceh hendaknya dapat mengimbangi antara tuntutan kewajiban WH dan kemudahan yang diberikan. Dengan status autonomi khusus,

¹² Buspami (Ketua Bidang Bina Syariat Islam Dinas Syariat Islam, Langsa) dalam temubual dengan penulis, 13 March 2013.

pelaksanaan syariat merupakan salah satu keutamaan. Dengan demikian, keperluan anggaran perbelanjaan juga semestinya menjadi keutamaan Kerajaan.

5.3.5 Mengaktifkan pengawasan Lembaga Adat Gampong dan Mukim

Pengaruh globalisasi dalam era reformasi ini dirasa sangat kental. Ia masuk ke setiap bahagian dalam suatu negara, misalnya ekonomi, pendidikan, teknologi, sosial budaya dan lain-lain. Bahkan semua orang boleh merasakan kesan dan pengaruh yang dibawa globalisasi. Pengaruh positif tentu sangat baik dan boleh diterima. Namun selain pengaruh positif, juga terdapat pengaruh negatif yang mesti dielakkan. Di antara kesan negatif daripada globalisasi adalah kehidupan individualis (*nafsi-nafsi*) tidak peduli terhadap kehidupan sekitar, pudarnya budaya atau kebiasaan pada masyarakat seperti memberikan salam dan mencium tangan orang tua dalam kalangan generasi muda sebahagian besar disebabkan oleh kemasukan budaya Barat.

Pengawasan kolektif dapat dijalankan oleh semua komponen masyarakat untuk membendung kesan negatif globalisasi di atas, masyarakat dapat bersama-sama memberikan sumbangan aktif dalam pengawalan lingkungan masing-masing. *Gampong* merupakan suatu persatuan masyarakat yang sangat efektif melakukan pengawasan, hal ini kerana kawasan *Gampong* yang tergolong kecil dan kondisi masyarakat masih memiliki keakraban sosial tinggi. Untuk meningkatkan pengawasan yang dilakukan WH, peranan aktif masyarakat dan lembaga adat sangat penting untuk dilibatkan.

Dalam kesatuan masyarakat *Gampong*, pendidikan karakter dan kesedaran syariah dapat dilakukan melalui pelbagai kegiatan seperti pengajian samaada pada peringkat kanak-kanak, pemuda mahupun orang tua. Pendidikan-pendidikan tersebut sangat berperanan aktif dalam memberikan kefahaman agama. Program-program demikian mesti disokong dan dipertingkatkan oleh WH dan DSI sebagai sebahagian daripada program Kerajaan. Terkadang kegiatan-kegiatan di atas dilihat sederhana, namun ia sangat berkesan dalam

membentuk individu-individu sedar syariat. Keakraban sosial akan terbangun dan pengawasan kolektif masyarakat juga akan terwujud.

Kewujudan dan peranan lembaga adat telah diiktirafkan di dalam Peraturan Daerah nombor 7 tahun 2000 tentang Penyelenggaraan Kehidupan Adat dan Qanun nombor 5 tahun 2003 tentang Pemerintahan Gampong. Ketika pelanggaran syariah dilakukan oleh warga tempatan, maka lembaga adat akan mengambil peranan dalam penyelesaian dengan ketentuan adat yang berlaku. Semestinya koordinasi WH dengan lembaga tersebut terjalin dengan lebih baik, sehingga WH mengetahui perkembangan pelaksanaan syariat di Gampong-Gampong.

5.4 Kesimpulan

Pembahasan kajian ini menunjukkan bahawa sistem dan amalan penguatkuasaan Wilayatul Hisbah Aceh sebagai satu-satunya agensi penegak Qanun Jenayah Syariah di Indonesia masih belum menunjukkan tahap kecemerlangan. Ini bukan bermakna penguatkuasaan WH di Aceh tidak berfungsi tetapi ia masih memerlukan kepada penambahbaikan untuk menuju ke tahap yang lebih sempurna.

Usaha penambahbaikan terhadap halangan di atas dapat dilakukan terutama oleh Kerajaan Aceh melalui lembaga legislatif dan eksekutif dengan penggubalan dan pengesahan Qanun-qanun yang diperlukan dalam penguatkuasaan WH serta peruntukan anggaran perbelanjaan yang mencukupi. Sumbangan aktif Satpol PP dan WH sebagai pelaksana Qanun Jenayah Syariah sangat berpengaruh dalam menyokong pelaksanaan syariat, hal tersebut dapat diwujudkan dengan usaha-usaha memperkasakan WH dan juga tidak dapat dinafikan bahawa pengawasan kolektif masyarakat merupakan sebahagian daripada usaha menuju kejayaan dalam perlaksanaan syariat.

BAB VI

KESIMPULAN DAN PENUTUP

6.1 Pendahuluan

Sebagai penutup, dalam bab ke-VI ini penulis menghuraikan tentang kesimpulan umum terhadap perbincangan dalam bab-bab sebelumnya dengan tujuan untuk melihat kepada pencapaian objektif kajian. Saranan-saranan dalam usaha penambahbaikan penguatkuasaan Wilayatul Hisbah untuk masa hadapan akan dicadangkan disertai dengan arah kajian yang dapat diteliti di masa yang akan datang.

6.2 Kesimpulan Umum

Amalan *hisbah* yang telah lahir semenjak zaman awal kemunculan Islam iaitu pada zaman Rasullulah S.A.W kini terus berkembang ke serata negara. Amalan yang mempunyai prinsip *al-Amr bi al-ma'rūf wa al-nahy 'an al-munkar* ini diwujudkan dalam pelbagai nama institusi mengikut keadaan setempat. Institusi *hisbah* di Aceh (Indonesia) juga mengalami beberapa perubahan dari masa ke masa, samaada pada masa Kerajaan Aceh Darussalam sampai sehingga terbentuknya Wilayatul Hisbah.

Pelaksanaan syariat Islam di Aceh bukanlah sesuatu yang baru, kerana menurut sejarah ia telah pun berlaku semenjak masa Kerajaan Aceh dahulu. Aceh mempunyai struktur lembaga sosial yang dapat mengatur kehidupan masyarakat, struktur tersebut tersusun rapi dalam sebuah kerajaan yang dikenal dengan Kerajaan Aceh Darussalam. Kehadiran lembaga tersebut juga sebagai pengawal dan pengendali terhadap sosial keagamaan. Dalam hal ini, terdapat lima lembaga yang berpengaruh dalam sistem Kerajaan Aceh iaitu *Gampong* (kampong), *Mukim* (kumpulan dari beberapa *gampong*), *Nanggroe*

(kumpulan dari beberapa *mukim*), *Sagoe* (kumpulan dari beberapa *nanggroe*), dan Kerajaan (sebuah kesatuan negara yang disebut kerajaan).

Keuchik (kepala kampong) beserta peranti desa dan *Mukim* akan mengawasi dan menyelesaikan apabila kes berlaku dalam masyarakat. Lembaga tersebut dapat mengadili bahkan memberikan hukuman mengikat kepada penjenayah. Sehingga interaksi sosial dan ajaran agama berjalan dengan lancar. Struktur masyarakat Aceh tersebut berjalan semenjak lahirnya Kerajaan Aceh Darussalam kurun ke -15 sehingga bergabungnya Aceh dalam Negara Kesatuan Republik Indonesia.

Pada masa pemerintahan orde baru, Lembaga Adat sempat dihapuskan, khususnya di bandar. Kebanyakan lembaga-lembaga adat di Aceh pernah diganti dengan nama lain, seperti *Geucik* yang diganti dengan istilah kepala desa atau lurah. Sedangkan lembaga *Mukim* yang selama ini khusus berlaku di Aceh, ternyata tidak diakui oleh kerajaan ketika itu, sehingga lembaga ini hanya tinggal nama lembaga semata-mata sedangkan peranannya semakin tidak terlihat. Bahkan di wilayah bandar, istilah *mukim* tidak digunakan lagi. Melemahnya fungsi pengawasan sosial tentunya juga tidak terlepas dari sistem sentralistik yang pernah dijalankan oleh kerajaan sehingga fungsi tersebut sempat beku dan tidak berjalan.

Sejarah mencatat bahawa pemimpin Aceh sejak awal kemerdekaan Indonesia telah meminta izin kepada kerajaan untuk melaksanakan syariat Islam di Aceh, bahkan Presiden Soekarno (Presiden Indonesia pertama) pada tahun 1948 sudah pernah berjanji kepada para Ulama' dan pemimpin rakyat Aceh bahawa di Aceh akan dilaksanakan syariat Islam. Setelah peristiwa Agresi Militer Belanda kedua berjaya diatasi, status Aceh ditingkatkan menjadi provinsi autonom. Namun, status tersebut kembali ditarik setahun selepas itu dan Aceh digabung ke dalam Provinsi Sumatera Utara dengan ibukota Medan.

Meskipun sejak awal perjuangan, Aceh menuntut pelaksanaan syariat Islam, namun baru setelah ditetapkan UU nombor 44 tahun 1999 tentang Penyelenggaraan Keistimewaan Provinsi Daerah Istimewa Aceh, Aceh dapat memikirkan penerapan syariat Islam bagi tatanan hidup masyarakatnya. Oleh kerana perbagai keterbatasan yang dimiliki UU tersebut, maka pada tahun 2001 lahirlah UU nombor 18 tentang Autonomi Khusus yang menetapkan Aceh berhak mengatur tatanan masyarakat sesuai dengan nilai murni kehidupan masyarakat Aceh dan mengaplikasikan syariat Islam dalam kehidupan masyarakatnya.

Dalam pelaksanaan syariat Islam di Aceh, perlu adanya badan atau lembaga yang menjalankan tugas pengawasan dan pembinaan terhadap masyarakat yang melakukan pelanggaran terhadap undang-undang. Sesuai dengan PERDA nombor 5 tahun 2000 tentang Pelaksanaan Syariat Islam, Qanun nombor 11 tahun 2002 tentang Pelaksanaan Syariat Islam Bidang Aqidah, Ibadah dan Syi'ar Islam dan Qanun tentang khamar dan sejenisnya (Qanun nombor 12), maisir (perjudian) (nombor 13) serta tentang khalwat (mesum) (nombor 14) pada tahun 2013 yang mengatur tentang perlu dibentuknya institusi Wilayatul Hisbah yang bertugas menjalankan dan mengawasi pelaksanaan syariat Islam.

Sehingga pada tahun 2004 lahirlah lembaga WH, pada awal pembentukannya bernaung di bawah Dinas Syariat Islam. Seiring dengan perkembangan masyarakat, lembaga kerajaan baru ini bertugas mengawasi terus penguatkuasaan syariat Islam di Aceh. Namun dengan ditetapkan UU Pemerintah Aceh (UUPA) pada Tahun 2006, WH kemudian dipisahkan dari Dinas Syariat Islam dan menjadi badan kerajaan dalam kesatuan Polisi Pamong Praja (Satppol PP) yang bekerja sama dengan institusi kerajaan lain dalam penertiban masyarakat.

Dalam kajian ini, terdapat tiga Permasalahan yang menjadi perbincangan, iaitu:

1. Kedudukan struktural WH dalam kerangka penguatkuasaan undang-undang di Aceh dan Indonesia.

Pengalihan kedudukan struktural WH dari institusi Dinas Syariat Islam kepada Satpol PP mendapat perbincangan dari pelbagai kalangan. Terlepas daripada kelebihan dan kekurangan penyatuan WH ke dalam institusi Satpol PP, penulis menilai permasalahan bukanlah terletak pada struktur atau kedudukan (penyatuan WH ke dalam institusi Satpol PP), akan tetapi merupakan permasalahan koordinatif. Permasalahan koordinatif tersebut seperti:

1. Kesediaan lembaga Satpol PP dan WH untuk menjalankan struktur yang baru, Satpol PP secara nasional menjalankan peraturan berkaitan tata tertib dan ketenteraman. Ketika WH disatukan, maka pelarasan visi, misi serta program mesti dilakukan sehingga unsur penegakan syariat tidak diketepikan;
2. Bagaimana memasukkan kegiatan-kegiatan yang sesuai dengan visi dan misi WH;
3. Meletakkan anggota yang mempunyai asas syariah di bidang pengambil kebijakan;
4. Menyatukan dua kubu kakitangan yang memiliki latar belakang yang berbeza, dan;
5. Membangun koordinasi aktif dengan DSI, Polis, TNI, lembaga adat Gampong dan lembaga-lembaga lainnya.

Keberadaan WH dalam kesatuan Satpol PP memperkuat kedudukannya secara undang-undang, kerana peraturan penyatuan kedua lembaga ini merupakan peraturan Kerajaan Pusat yang termaktub dalam Undang-Undang Pemerintah Aceh. Sedangkan keberadaan WH dalam institusi Dinas Syariat Islam di bentuk oleh Keputusan Gabenor.

Walaupun demikian, penyatuan kedua lembaga tersebut bukan berarti memutuskan hubungan antara WH dengan Dinas Syariat Islam. Kerana penegakan Qanun Jenayah

Syariah merupakan bahagian daripada pelaksanaan syariat yang merupakan tugas Dinas Syariat Islam. Oleh kerana itu, menurut penulis kedudukan WH di Kota Langsa dapat menjadi penyelesaian aplikatif untuk memperkuat kedudukan WH dalam perundangan dan menjaga hubungan dengan Dinas Syariat Islam. Pada bab III telah dijelaskan bahawa secara struktural WH Langsa berada dalam Kesatuan Satpol PP dan berjalan sesuai dengan ketentuan perundangan yang ada. Akan tetapi dalam menjalankan kegiatan di lapangan, WH berada di bawah kebijakan Dinas Syariat Islam walaupun secara struktural dan administrasi tetap berada dalam Kesatuan Satpol PP.

2. Bidangkuasa WH dalam menjalankan syariat Islam di Aceh.

Dalam melakukan pengawasan pelaksanaan syariat di Aceh, WH mempunyai bidangkuasa dalam tiga hal, *pertama*: Sebagai pelaksana syariat Islam (Polsus) dalam penguatkuasaan terhadap pelaku kesalahan jenayah, *kedua*: Sebagai penyiasat atau PPNS (Penyidik Pegawai Negeri Sipil) dan *ketiga*: Sebagai pelaksana uqubat sebat yang ditentukan oleh Bahagian Pendakwaan.

Dalam menjalankan bidangkuasa di atas, terdapat keterbatasan yang dialami WH bahkan masih dirasakan sampai sekarang, samaada dalam hal penangkapan, penahanan ataupun keterbatasan dalam jenis pelanggaran yang dapat diambil tindakan oleh WH sendiri.

Penangkapan yang dilakukan oleh WH mesti mengikut ketentuan yang berlaku sehingga tidak menyalahi Qanun. Kewujudan penyiasat (Penyidik Pegawai Negeri Sipil) dalam penangkapan sangat diperlukan. Kerana sesuai dengan undang-undang, penyiasat merupakan pegawai yang dapat menjalankan seluruh rangkaian penyiasatan.

Namun realiti yang ada menunjukkan bahwa institusi ini tidak mempunyai penyiasat yang mencukupi bahkan beberapa daerah tidak mempunyai penyiasat sebagaimana yang

terjadi di Bandar Langsa. Sehingga WH hanya dapat melakukan penangkapan dalam kes tertangkap tangan sesuai yang termaktub dalam undang-undang (pasal 111 Kitab Undang-Undang Hukum Acara Pidana).

Keterbatasan juga dirasakan dalam hal penahanan, keadaan ini disebabkan kejahatan yang ditetapkan Qanun Jenayah Syariah apabila memakai ukuran KUHAP hanya menempati pelanggaran yang dikategorikan Tindak Pidana Ringan. Pelaku tindak pidana ringan tidak boleh ditahan, akan tetapi penahanan dapat dilakukan terhadap tindak pidana yang diancam dengan hukuman penjara lima tahun atau lebih. Sedangkan ancaman hukuman yang terdapat dalam Qanun jenayah tidak ada yang mencapai lima tahun penjara, sehingga pelaksana Qanun Jenayah Syariah tidak dapat melakukan penahanan terhadap suspek.

Keterbatasan peruntukan undang-undang juga dialami WH iaitu terdapat kesalahan syariah lain tetapi belum di gubal dalam Qanun Jenayah Syariah seperti ketika ditangkap pelaku masih melanggar qanun tentang khalwat, namun setelah pemeriksaan terbukti telah melakukan zina. WH hanya menyiasat perkara ini bagaimanapun tidak dilanjutkan untuk pendakwaan kerana tidak ada kesalahan sedemikian dalam qanun.

3. Cabaran-cabaran WH dalam menjalankan syariat Islam.

Pada bab IV, penulis telah memaparkan isu dan cabaran dalam insitusi WH yang terdiri dari isu kedudukan dan struktural organisasi, undang-undang, pentadbiran iaitu terdiri dari isu pengambilan dan pembekalan, ketiadaan kemudahan sokongan dan peralatan, kekurangan jumlah pegawai, kewangan dan pengurusan banduan, serta isu sosial masyarakat.

Cabaran-cabaran di atas bersumberkan daripada, *pertama*: Kerajaan Aceh samaada legislatif dalam pengesahan undang-undang, eksekutif dalam menyokong

penguatkuasaan WH, atau yudikatif dalam pengendalian eksekusi penjenayah yang terbabit. *Kedua*: Institusi dan anggota WH dalam permasalahan struktural, koordinasi, kecekapan dan kesetiaan individual. *Ketiga*: Kesedaran dan kefahaman masyarakat dalam pelaksanaan syariat.

Pertama: Kerajaan Aceh

Kekurangan Qanun Jenayah Syariah menghadkan pengawasan WH dalam pelaksanaan syariat, pengawasan yang dapat mereka lakukan hanya setakat dalam kesalahan pelaksanaan syariat dalam bidang aqidah, ibadah dan syiar, kesalahan khalwat, maisir dan khamar. Padahal pengawasan pelaksanaan syariat telahpun berjalan semenjak tahun 2000 dengan penggubalan Qanun tentang Pelaksanaan Syariat Islam dan kemudian diikuti oleh penggubalan Qanun-qanun yang lain. Sehingga perkembangan pelaksanaan syariat di Aceh terkesan lambat.

Begitu pun, ketiadaan Qanun Acara Jenayah (hukum prosedur), menjadi salah satu cabaran utama dalam pengambilan tindakan terhadap kesalahan jenayah. Sehingga prosedur penyiasatan samaada penangkapan, penahanan atau pemeriksaan merujuk kepada hukum acara pidana umum (KUHAP). Dari sini lah bermula permasalahan yang di alami oleh WH, Bahagian Pendakwaan serta Mahkamah.

Lembaga legeslatif, eksekutif dan yudikatif semestinya memikirkan perkara di atas serta memberdayakan Wilayatul Hisbah sebagai sebuah agensi yang berwibawa dan profesional.

Kedua: Institusi dan anggota WH

Permasalahan pengambilan anggota dan pembekalan merupakan awal daripada isu kecekapan, sehingga memberikan impak negatif kepada prestasi kerja WH. Kemudian diikuti dengan pelbagai cabaran yang lain seperti ketiadaan kemudahan sokongan dan peralatan, kekurangan jumlah pegawai dan permasalahan kewangan. Cabaran tersebut

berlaku dalam institusi WH dan menjadi perkara yang mesti diselesaikan oleh Kerajaan kota atau kabupaten setempat.

Ketiga: Kesedaran dan kefahaman masyarakat dalam pelaksanaan syariat

Kesedaran dan kefahaman masyarakat dalam pelaksanaan syariat menentukan kejayaan program-program yang dijalankan oleh WH, Dinas Syariat Islam serta lembaga-lembaga keagamaan lainnya. Namun tahap kesedaran tersebut masih rendah sehingga memerlukan kepada program-program bimbingan untuk membentuk kesedaran dan kefahaman masyarakat itu sendiri.

6.3 Halatuju Kajian Masa Depan

Daripada huraihan kajan di atas, masih terdapat beberapa kajian yang dapat dilakukan berkaitan dengan institusi Wilayatul Hisbah maupun pelaksanaan syariat Islam di Aceh.

Adapun di antara kajian yang dapat dilakukan di sama hadapan adalah:

1. Pendakwaan kes syariah
2. Keberkesanan program “Kampong Percontohan Syariat”
3. keberkesanan hukum adat dalam penyelesaian kes syariah
4. Penerimaan masyarakat terhadap pelaksanaan hukuman sebat

6.4 Penutup

Pelaksanaan syariat Islam di Aceh dilalui dengan perbagai cabaran dan halangan sehingga akhirnya melahirkan institusi Wilayatul Hisbah sebagai institusi penguatkuasaan Qanun Jenayah Syariah. Kedudukan struktural institusi WH dalam sistem penguatkuasaan di Aceh, bidangkuasa serta isu dan permasalahan telah pun dibincangkan di atas. Penguatkuasaan yang dilakukan oleh WH mesti di sokong dengan usaha-usaha penambahbaikan untuk menuju ke tahapan pelaksanaan syariat yang cemerlang.

Inilah bahagian akhir kajian ini, dengan mengharap redha Allah SWT. Semoga bermanfaat bagi penulis khususnya dalam pembangunan intelektual, bagi Insitusi Satpol PP dan WH dan bagi masyarakat umumnya. Penulis sedar bahawa masih terdapat banyak kekurangan dalam kajian ini. Semoga pembaca dan peminat tentang perundangan Islam dapat menyempurnakan dengan merujuk kepada sumber lain dan mengkaji hal-hal berkaitan.

BIBLIOGRAFI

Rujukan Bahasa Arab

- ˋAbd Allah Muhammad ˋAbd Allah, *Wilāyāt al-hisbah fī al-Islām*, Maktabat al-Zahrā' al-Qāhirah, 1996.
- ˋAbdul Qādir ˋAwdaḥ, *al-Tasyrī' al-Jināi al-Islāmī Muqāranan bi al-Qānūn al-Wadhi*'i, Maktabah Dār al-Turāst, al-Qāhirah, 2005.
- Abd al-Hāsib Radwān, *Dirāsāt fī al-hisbah min al-nāhiyatayn al-tārīkhīyah wa-al-fiqhiyah*, al-Matba`ah al-Islāmiyah al-Hadīthah, al-Qāhirah. cet. ke-1, 1990.
- Abī Ya'lā Muhammad Ibn al-Husain al-Farrā' al-Hanbalī, *al-Ahkām al-Sultāniyyah*, Dār al-Kutub al-Ilmiyah, 2000.
- al-Ghazālī, *Ihyā ˋUlūmu al-Dīn*, Dār al-Ma'rifah, Bayrut.
- al-Māwardī, *Kitāb al-Ahkām al-Sultāniyyah*, Madīnatu Ibn al-Mahrūsah, 1853.
- Ibrāhīm Dasūqy as-Syahāwy, *al-Hisbah fī al-Islām*, Maktabah Dār al-ˋUrūbah, 1962.
- Manshūr al- Sa'īd Ismā'il Sāthūr, *al-Nadhriyāt al-ˋĀmmah Lī al-ˋUqūbāt wa al-Tadābīr al-Ihtirāziyyah*, 2005.
- Niqūla Ziādah, *al-Hisbah wa al-Muhtasib fī al-Islām*, al-Matba`ah al-Kāthūlikiyah, Bayrut, 1963.
- Sihām Mustafā Abū Zayd, *al-Hisbah fī Misr al-Islāmiyah: min al-fath al-ˋArabi ilā nihāyat al-asr al-Mamlūkī*, al-Hay'ah al-Misriyah al-ˋĀmmah lī al-kitāb, al-Qāhirah. 1986.
- Jubrān Mas'ūd , *al-Rāid: Mu'jam Lughawy ˋAsriy*, Dār al-Ilmi al-malāyīn, 1986.
- Ibrāhīm Mustafā, *al-Mu'jam al-Wasīth*, al-Maktabah al-Islāmiyah, 1972.
- Ibn Manzūr, *Lisān al-ˋArab*, Jld. 1, Cet. 3, Dār al-Fikri, 1994.
- al-Thāhir Ahmad az-Zāwi, *Tartīb al-Qāmus al-Muhīdh*, Jld 1, Cet. ke-2.

Al-Shaizāry (t.t.), *Kitāb Nihāyah al-Rutbah Fī Talab al-Hisbah*, tahqiq: Muhammad Hasan Muhammad Ismāil dan Ahmad Farīd al-Mazīdy.

Ibn al-Ukhūwwah, *Ma`ālim al-qurbah fī ahkām al-hisbah*, Dār al-Funūn, 1937.

Ibn Bassam(t.t.), *Kitāb Nihāyah al-Rutbah Fī Talab al-Hisbah*, tahqiq: Muhammad Hasan Muhammad Ismāil dan Ahmad Farīd al-Mazīdy.

Ibn Khaldūn, *Muqaddimah Ibn Khaldūn*, Dār al-Qalam Beirut, 1984.

Muhammad Mubārak, *al-Daulah wa Nidhām al-Hisbah ‘Inda Ibn Taimiyyah*, Dār al-Fikri, 1967.

Rujukan Bahasa Inggris

Donald C. Rowat, *The Ombudsman Plan : essays on the worldwide spread of an idea*, The Canadian Publishers, 1973.

Ibn Taymiya, *Public Duties In Islam: The Institution Of The Hisba*, The Islamic Foundation. 1982.

Sir David Yardley, “The Development Of Ombudsman” *Journal of Malaysian and Comparative Law*, volume 28 Part 1 & 2, 2001.

Damien Kingsbury, *The Politics of Indonesia*, (Oxford University Press), 1999.

Rujukan Bahasa Malayu

Abdul Majid, *Syari’at Islam Dalam Realita Sosial: Jawaban Islam Terhadap Masyarakat Di Wilayah Syari’at*, Yayasan Pena & ar-Raniry Press, cet. ke-1. 2007.

Abdul Rani Usman, *Sejarah Peradaban Aceh: suatu Analisis Interaksionis, Integrasi dan Konflik*, Yayasan Obor Indonesia, 2003.

Al Yasa’ Abubakar, Marah Halim, *Hukum Pidana Islam Di Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam*, Dinas Syariat Islam Provinsi NAD, Cet. ke-5, 2006.

Al Yasa Abu Bakar, *Penerapan Syariat Islam Di Aceh: Upaya Penyusunan Fiqih Dalam Negara Bangsa*, (Dinas Syariat Islam Aceh), 2008.

_____, “*Syari’at Islam Di Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam: Paradigma, Kebijakan Dan Kegiatan.*” Dinas Syari’at Islam, 2008.

_____, “*Wilayatul Hisbah: Polisi Pamong Praja Dengan Kewenangan Khusus Di Aceh.*” Dinas Syari’at Islam, 2009.

_____, “*Kajian Undang-Undang Pemerintahan Aceh Dan Essay Tentang Perempuan, Perkawinan Dan Perwalian Anak.*” (cet. ke-2, Dinas Syariat Islam Aceh), 2011.

Basiq Djalil, *Peradilan Agama Di Indonesia*. Kencana, Cet. 2, 2010.

Hasanuddin Yusuf Adan, *Syari’at Islam Di Aceh: Antara Implementasi Dan Diskriminasi*, Adnin Foundation Publisher, Edisi 1, Cet. ke-1, 2008.

_____, “*Refleksi Implementasi Syari’at Islam Di Aceh.*” Yayasan Pena Banda Aceh, 2009.

Himpunan Undang-Undang, Keputusan Presiden, Peraturan Daerah/Qanun, Instruksi Gubernur, Edaran Gubernur Berkaitan Pelaksanaan Syariat Islam, Dinas Syariat Islam Aceh, Cet. ke-5, 2008.

Himpunan Undang-Undang, Keputusan Presiden, Peraturan Daerah/Qanun, Instruksi Gubernur, Edaran Gubernur Berkaitan Pelaksanaan Syariat Islam, Dinas Syariat Islam Aceh, Cet. ke-8, 2010.

Muhibbuthhabary, *Wilayat al-Hisbah Di Aceh: Konsep Dan Implementasi*, Yayasan Pena, Cet. Ke-1, 2010.

M. Abriyanto, *Butir-Butir Pemikiran Jenderal Purnawirawan Soemitro: Tantangan dan Peluang 1993*, (Pustaka Sinar Harapan: Jakarta), 1991.

Muhammad Umar (EMTAS), *Peradaban Aceh (Tamadun II)*, (CV. Boebon Jaya Banda Aceh, cet. ke-2), 2008.

Rusydi Ali Muhammad, *Revitalisasi Syariat Islam Di Aceh: Problem, Solusi, dan Implementasi*, (Logos Jakarta), 2003.

Auni Bin Haji Abdullah, *Hisbah dan Pentadbiran Negara*, IKDAS-Kuala Lumpur, 2000.

Rusjdi Ali Muhammad, Khairizzaman, *Konstelasi Syariat Islam DI Era Global*, cet. ke-2, Dinas Syariat Islam, 2012.

M. Yahya Harahap, *Pembahasan Permasalahan Dan Penerapan KUHAP: Penyidikan dan Penuntutan*, (Sinar Grafika, edisi ke-2, cet. ke-5), 2003.

Marah Halim, “sistem Penegakan Hukum Dalam Pelaksanaan Syari’at Islam Di NAD”. Dalam *Dimensi Pemikiran Dalam Implementasi Syariat Islam Di Aceh*, (Cet. ke-2, Dinas Syariat Islam, 2011.

Andi Hamzah, *Hukum Acara Pidana Indonesia*, (Cet. ke- 4, edisi Revisi, Jakarta: Sinar Grafika), 2004.

Muhammad Nasir, Muhammad Suhaili Sufyan, “Syariat Islam Di Gerbang Timur Aceh: Menelusuri Pelaksanaan Hukuman Cambuk dan Problematiskanya”. Dalam *Menelusuri Pelaksanaan Syariat Islam: Gagasan dan Pelaksanaan di Wilayah Timur Aceh*, (Dinas Syariat Islam Aceh), 2011.

Arifin Zaini, “Syariat Islam Di Provinsi Nanggrooe aceh Darussala: Studi Terhadap Problematika Dan Implementasinya”. Dalam *Dinamika Dan problematika Penerapan Syariat Islam*, cet. ke-2, Dinas Syariat Islam, 2011.

Abd. Wahid, “Peranan lembaga Adat Dalam Mendukung Pelaksanaan Syariat Islam Di Aceh”. Dalam *Dinamika Sosial Keagamaan Dalam Pelaksanaan Syariat Islam*, (cet. ke-2, Dinas Syariat Islam Aceh), 2005.

Siti Zubaidah Ismail, “Undang-Undang Jenayah Islam Dan Pelaksanaan Jenayah Syariah Di Malaysia”. Dalam *Mahkamah Syariah Di Malaysia: Pencapaian Dan Cabaran*, cet. ke-1, University Malaya, 2005.

Rujukan Jurnal Dan Kertas kerja

Ahmad Che Yaacob, “Penulisan Fuqaha Mengenai Hisbah Dan Peranannya Di Dalam Merealisasikan Hukum Fiqh”, Dalam *Jurnal Syariah*, jil. 7, Bil 2, Julai 1999, 1999.

_____, “Budaya Tempatan Dan Hukum: Satu Kajian Terhadap Institusi Hisbah”. Kertas Kerja Seminar Hukum Islam Semasa III Peringkat Kebangsaan, 7-8 November 2000.

Farah Salwani Muda@ Ismail, Nik Salida Suhaila Nik Salleh, “Konsep Hisbah Dalam Amalan Perubatan”. Kertas Kerja Seminar Isu-Isu Perubatan Menurut Perspektif Shari’ah Dan Undang-Undang, 14-15 Mac 2006.

Mohd Dani Muhamad, Moh Shah Razali, “Institusi Hisbah Dan Pengawasan Ke Atas Industri Pemakanan Dalam Tamadun Islam: Satu Penelitian Awal”. Prosiding Seminar Pengurusan Perhotelan & Pelancongan Islam, 22-23 Jun 2010.

Syed Salim bin Syed Shamsuddin, “Etika Dan Profesionalisme Muhtasib Dalam Perlaksanaan Hisbah Mengikut Perundangan Syariah: Antara Hakikat Dan Realita Semasa”. Konvensyen Kebangsaan Undang-Undang 2007, Isu-Isu Penguatkuasaan Dan Pendakwaan, 28-29 Ogos 2007).

H. Taqwaddin, “Mukim Sebagai Pengembang Hukum Adat Aceh”. Dalam *Jurista (Jurnal Hukum Dan Keadilan*, STAI al-Washliyah dan STAIN Zawiyah Cot Kala, vol. 1, no. 1, Januari 2009.

Siti Zubaidah Ismail “Dasar Penguatkuasaan Dan Pendakwaan Jenayah Syariah Di Malaysia: Satu Analisis”. Dalam *Jurnal Syariah*, jil. 16, Keluaran khas 2008.

Disertasi Dan Tesis

Suhaimi Haji Gemok “Penguatkuasaan Kesalahan Jenayah Islam Di Brunei Darussalam”, (Disertasi, University of Malaya, 2010).

Temubual

Buspami (Kepala Bidang Bina Syariat Islam Dinas Syariat Islam, Langsa) dalam temubual dengan penulis, 13 March 2013.

Mukhtarmidi (Kepala Satpol PP dan WH, kota Langsa), dalam temubual dengan penulis, 15 March 2013.

Mukhzan (Kepala Bahagian Tindak Pidana Umum Pendakwaan, kota Banda Aceh) dalam temubual dengan penulis, 4 March 2013.

Muslim Ibrahim (Timbalan Ketua Majlis Permusyawaratan Ulama (MPU), Provinsi Aceh), dalam temubual dengan penulis, 11 March 2013.

Muzakkir (Kepala Bahagian Perundang-undangan Syariat Islam Bidang Bina Hukum, Dinas Syariat Islam, Provinsi Aceh) dalam temubual dengan penulis, 2 Januari 2013.

Riza Kamilin (Kepala Tata Usaha Satpol PP dan WH, kota Banda Aceh) dalam temubual dengan penulis, 27 Februari 2013.

Samsuddin (Kepala Bahagian Penegakan Pelanggaran Satpol PP dan WH, Provinsi Aceh), dalam temubual dengan penulis, 19 Januari 2013.

Taufiq Hidayat (Bekas Anggota WH, bertugas dari tahun 2006-2011), dalam temubual dengan penulis, 23 Februari 2013.

Zakwan (Penyidik Pegawai Negri Sipil (PPNS) Satpol PP dan WH, kota Banda Aceh), dalam temubual dengan penulis, 28 Februari 2013.

Zulkifli (Setiausaha Dinas Syariat Islam, kota Banda Aceh), dalam temubual dengan penulis, 28 Februari 2013

Heri (Anggota WH Langsa) dalam temubual dengan penulis, 13 March 2013.

Samsul Hadi (Anggota WH Banda Aceh) dalam temubual dengan penulis, April 2012.

Rujukan Laman Web:

Jaringan Dokumentasi Informasi dan Hukum (JDIH) Aceh, laman sesawang jdih.acehprov.go.id, dicapai 9 Oct 2012, <http://jdih.acehprov.go.id/>

“Tersangka Maisir Lari Jelang dicambuk” laman sesawang www.serambinews.com, dicapai 20 April 2013, <http://aceh.tribunnews.com/m/index.php/2012/03/10/15-tersangka-maisir-lari-jelang-dicambuk>.

“Mahasiswa IAIN Minta WH Dikembalikan Ke Dinas Syariat Islam”, laman sesawang www.atjehpost.com, dicapai 9 October 2012, <http://atjehpost.com/read/2012/10/08/23470/15/5/Mahasiswa-IAIN-Minta-WH-Dikembalikan-ke-Dinas-Syariat-Islam>.

“MPU Pernah Minta WH Dipisahkan Dari Satpol PP”, laman sesawang www.acehkita.com, dicapai 10 October 2012, <http://www.acehkita.com/berita/mpu-pernah-minta-wh-dipisahkan-dari-satpol-pp/>.

“Kembalikan Laman WH Ke Dinas Syariat Islam” laman sesawang www.seputaraceh.com, di capai 7 April 2013, <http://seputaraceh.com/read/4147/2010/03/26/kembalikan-wh-ke-dinas-syariat-islam>.

“ Kembalikan WH ke Dinas SI” Laman sesawang www.rakyataceh.com, dicapai 7 April 2013,<http://rakyataceh.com/index.php?open=view&newsid=30492&tit=LHOKSEUMAWE%20-%20Kembalikan%20WH%20ke%20Dinas%20SI>.

“Skandal WH Tangkap Ajudan Walikota Mesum Danton WH dicopot”, laman sesawang [www.theglobejournal.com](http://theglobejournal.com), dicapai 19 April 2013, <http://theglobejournal.com/hukum/skandal-wh-tangkap-ajudan-walikota-mesum-danton-wh-dicopot/index.php>

LAMPIRAN-LAMPIRAN

Temubual Satpol PP dan WH

A. Maklumat Responden

Nama : _____

Jantina : _____

Jawatan : _____

Nama Bahagian : _____

B. Soalan Temubual

1. Bilakah WH diletakkan di bawah institusi Satpol PP?
2. Dimanakah letak institusi WH dalam struktur Satpol PP?
3. Apakah perbezaan dan persamaan WH dan Satpol PP dalam menjalankan tugas?
4. Berapakah jumlah anggota WH (pegawai dan kontrak) serta PPNS?
5. Berapa kaliakah proses rekrutmen WH dilakukan selama berada di Satpol PP?
6. Berapa lamakah anggota WH mendapatkan pelatihan tentang pelaksanaan Syariat setelah dinyatakan lulus?
7. Bagaimanakah hubung kait Dinas Syariat Islam dengan WH?
8. Di bawah lembaga apakah WH lebih efektif diletakkan?
9. Bagaimanakah pandangan institusi Satpol PP dan WH terkait bidangkuasa yang diperolehi oleh WH (terkhusus dalam penangkapan dan penahanan pelanggar syariah) ?
10. Apakah tindakan WH terhadap pelanggar qanun jenayah yang telah disabitkan tetapi tidak menghadiri eksekusi?
11. Apakah cabaran WH dalam penerapan syariat di bawah institusi Satpol PP?
 - a. Cabaran Struktural
 - b. Cabaran Finansial
 - c. Cabaran Operasional
 - d. Cabaran Sosial Masyarakat

C. Data Yang Diperlukan

1. Struktur institusi WH dan Satpol PP
2. Jumlah anggota WH (kontrak dan pegawai) dan PPNS
3. Silabus panduan pelatihan WH

Temubual Anggota WH

A. Maklumat Responden

Nama : _____

Jantina : _____

Jawatan : _____

Nama Bahagian : _____

B. Soalan Temubual

1. Berapa lama kah anda menjabat sebagai anggota WH?
2. Bagaimanakah proses menjadi anggota WH anda jalankan?
3. Berapa lamakah anda mendapatkan pelatihan tentang pelaksanaan Qanun Jenayah Syariah?
4. Berapakah jumlah anggota WH dalam kesatuan anda? Apakah jumlah tersebut mencukupi dalam menjalankan tugas?
5. Apakah ada anggota WH yang sudah di angkat menjadi PPNS?
6. Apakah anda selaku anggota WH dapat menjalankan tugas secara maksimal di bawah kesatuan Satpol PP?
7. Bagaimanakah koordinasi WH dan Dinas Syariat Islam dalam menjalankan tugas di lapangan selama ini?
8. Dimanakah institusi WH seharusnya bernaung?
9. Apakah kendala yang dihadapi WH sekarang?
 - a. Cabaran Struktural
 - b. Cabaran Finansial
 - c. Cabaran Operasional
 - d. Cabaran Sosial Masyarakat

C. Data Yang Diperlukan

1. Silabus materi pelatihan

Temubual Dinas Syariat Islam

A. Maklumat Responden

Nama : _____

Jantina : _____

Jawatan : _____

Nama Bahagian : _____

B. Soalan Temubual

1. Apakah latar belakang penubuhan Wilayah Hisbah dalam institusi Dinas Syariat Islam dahulu?
2. Bagaimanakah struktur WH dalam Institusi Dinas Syariat Islam? Dan berapakah jumlah anggotanya dan PPNS?
3. Berapa kaliakah proses rekrutmen WH dilakukan selama berada di bawah Dinas Syariat Islam?
4. Berapa lamakah anggota WH mendapatkan pelatihan tentang pelaksanaan Syariat ketika di bawah Dinas Syariat?
5. Bagaimanakah hubung kait Dinas Syariat dengan WH dahulu dan sekarang?
6. Di bawah lembaga apakah WH lebih efektif diletakkan?
7. Bagaimanakah kesediaan Dinas Syariat kalau scandainya WH diletakkan kembali dalam struktur institusinya?
8. Apakah kendala Dinas Syariat dalam penerapan syariat di Aceh?
9. Bagaimanakah pandangan Dinas Syariat Islam dalam bidangkuasa yang diperolehi oleh WH?
10. Apakah saranan Dinas Syariat untuk WH sekarang?

C. Data Yang Diperlukan

1. Struktur institusi WH di bawah Dinas Syariat Islam
2. Jumlah anggota WH dan PPNS

Temubual Kejaksaaan

A. Maklumat Responden

Nama : _____

Jantina : _____

Jawatan : _____

Nama Bahagian : _____

B. Soalan Temubual

1. Berapakah jumlah kes jenayah syariah yang penyelesaiannya sampai kepada Kejaksaaan? samaada yang dibatalkan maupun yang dilanjutkan ke Mahkamah Syar'iyyah.
2. Bagaimanakah perbandingan jumlah kes jenayah syari'ah dahulu (semasa WH di bawah institusi Dinas Syariat Islam) dan sekarang (semasa WH di bawah institusi Satpol PP)?
3. Apakah ada perbezaan birokrasi laporan kes dari PPNS dan polisi?
4. Siapakah yang lebih mendominasi dalam pengangkatan kes ke kejaksaaan? PPNS ataukah Polis?
5. Apakah tindakan kejaksaaan terhadap pelanggar qanun jenayah yang telah disabitkan tetapi tidak menghadiri eksekusi?
6. Apakah cabaran kejaksaaan dalam menerima laporan kes syariah samaada dari PPNS maupun Polis?

C. Data Yang Diperlukan

1. Senarai kes jenayah syariah di kejaksaaan
2. Senarai kes pelanggar qanun jenayah yang tidak menghadiri eksekusi



PEMERINTAH KOTA BANDA ACEH
BADAN KESATUAN BANGSA, POLITIK, PERLINDUNGAN
MASYARAKAT DAN PENANGGULANGAN BENCANA
KOTA BANDA ACEH

Jalan Tgk. H. Daud Beureueh No. 10 Telepon (0651) 22888/ Fax. (0651) 22888
BANDA ACEH

SURAT REKOMENDASI PENELITIAN

Nomor : 070/0%6/2013

Membaca : Surat dari Universiti Malaya : UM.I/JSU/606/1 Tanggal 14 Desember 2012 tentang permohonan data awal.

Mengingat : - Peraturan Menteri Dalam Negeri Republik Indonesia Nomor; 64 Tahun 2011, Tentang Pedoman Penerbitan Rekomendasi Penelitian.
- Keputusan Walikota Banda Aceh Nomor 38 Tahun 2009, tentang Susunan Organisasi Badan Kesatuan Bangsa, Politik, Perlindungan Masyarakat dan Penanggulangan Bencana Kota Banda Aceh.

Memperhatikan : Proposal penelitian yang bersangkutan

Dengan ini memberikan Rekomendasi untuk melakukan Penelitian kepada :

Nama : Samsul Bahari Bin Zakaria

Alamat : Dusun Cot Riwat Gampong Durung Kecamatan Mesjid Raya Kabupaten Aceh Besar

Pekerjaan : Mahasiswa

Kebangsaan : Indonesia

Judul Penelitian : Wilayatul Hisbah sebagai Penguatkuasa Qanun Jenayah Syariah dalam Sistem Penguatkuasaan Di NAD.

Tujuan Penelitian : Untuk mengkaji kedudukan WH dalam kerangka penguatkuasaan undang-undang di Aceh (pengumpulan data dan wawancara)

Tempat/Lokasi/
Daerah Penelitian : Dinas Syari'at Islam Kota Banda Aceh
Kantor Satpol PP dan WH Kota Banda Aceh

Tanggal dan/ atau

Lamanya Penelitian : 3 (satu) bulan dari tanggal 15 Januari s/d 15 April 2013

Bidang Penelitian : Syari'at Islam

Status Penelitian : Mahasiswa

Penanggung Jawab : DR. Siti Zubaidah Ismaili)

Anggota Peneliti : -

Nama Lembaga : Universiti Malaya.

Sponsor : -

Dengan ketentuan sebagai berikut :

1. Peneliti wajib mentaati dan melakukan ketentuan dalam rekomendasi penelitian
2. Peneliti menyampaikan rekomendasi penelitian kepada Instansi/ Lembaga/SKPD /Camat yang menjadi tempat/lokasi penelitian.
3. Tidak dibenarkan melakukan Penelitian yang tidak sesuai / tidak ada kaitannya dengan Rekomendasi Penelitian dimaksud.
4. Harus mentaati semua ketentuan peraturan Perundang-undangan, norma-norma atau adat istiadat yang berlaku.
5. Tidak melakukan kegiatan yang dapat menimbulkan keresahan di masyarakat, disintegrasi bangsa atau keutuhan Negara Kesatuan Republik Indonesia.
6. Surat Rekomendasi ini akan dicabut kembali dan dinyatakan tidak berlaku lagi, apabila ternyata pemegang Surat ini tidak mentaati / mengidahkan ketentuan -ketentuan seperti tersebut diatas.
7. Asli dari Surat Rekomendasi Penelitian ini diberikan kepada yang bersangkutan untuk dipergunakan seperlunya.
8. Peneliti melaporkan dan menyerahkan hasil penelitian kepada pejabat yang menerbitkan surat rekomendasi penelitian

Ditetapkan : Banda Aceh
Pada Tanggal : 15 Januari 2013

KEPALA BADAN KESATUAN BANGSA, POLITIK
PEREINDUNGAN MASYARAKAT DAN
PENANGGUHAN BENCANA
KOTA BANDA ACEH



Pembina TK/ Nip.19590926 198203 1 005

Tembusan :

1. Walikota Banda Aceh;
2. Instansi yang dituju;
3. Para Camat Dalam Kota Banda Aceh;
4. Pertinggal.

Pasal 40 Cukup jelas
Pasal 41 Cukup jelas
Pasal 42 Cukup jelas

TAMBAHAN LEMBARAN NEGARA REPUBLIK INDONESIA NOMOR 4401

UNDANG UNDANG REPUBLIK INDONESIA
NOMOR 11 TAHUN 2006
TENTANG
PEMERINTAHAN ACEH
DENGAN RAHMAT TUJAHAN YANG MAHA ESA
PRESIDEN REPUBLIK INDONESIA,

Menimbang

- : a. bahwa sistem pemerintahan Negara Kesatuan Republik Indonesia menurut Undang-Undang Dasar Negara Republik Indonesia Tahun 1945 mengakui dan menghormati satuan-satuan pemerintahan daerah yang bersifat khusus atau bersifat istimewa yang diatur dengan Undang-Undang;
- b. bahwa berdasarkan perjalanan ketatanegaraan Republik Indonesia, Aceh merupakan satuan pemerintahan daerah yang bersifat khusus atau istimewa terkait dengan salah satu karakter khas sejarah perjuangan masyarakat Aceh yang memiliki ketahanan dan daya juang tinggi;
- c. bahwa ketahanan dan daya juang tinggi tersebut bersumber dari pandangan hidup yang berlandaskan syariat Islam yang melahirkan budaya Islam yang kuat, sehingga Aceh menjadi daerah modal bagi perjuangan dalam merebut dan mempertahankan kemerdekaan Negara Kesatuan Republik Indonesia;
- d. bahwa penyetenggaraan pemerintahan dan pelaksanaan pembangunan di Aceh belum dapat sepenuhnya mewujudkan

pendidikan dan pelatihan, pangkat, mutasi jabatan, mutasi antardaerah, dan kompetensi.

Pasal 123

- (1) Gaji dan tunjangan Pegawai Negeri Sipil di daerah dibebankan pada APBA/APBK yang bersumber dari alokasi dasar dalam dana alokasi umum.
- (2) Penghitungan dan penyesuaian besaran alokasi dasar sebagaimana dimaksud pada ayat (1) akibat pengangkatan, pemberhentian, dan/atau pemindahan Pegawai Negeri Sipil di daerah dilaksanakan setiap tahun.
- (3) Penghitungan alokasi dasar sebagaimana dimaksud pada ayat (1) dan ayat (2) berdasarkan Undang-Undang tentang Perimbangan Keuangan antara Pemerintah Pusat dan Pemerintahan Daerah.
- (4) Untuk penghitungan penyesuaian alokasi dasar sebagaimana dimaksud pada ayat (3), Pemerintah melakukan perutakhiran data pengangkatan, pemberhentian, dan pemindahan Pegawai Negeri Sipil Aceh/kabupaten/ kota.

Pasal 124

